TUN RAZAK

Jejak Bertapak Seorang Patriot





ZAINUDDIN MAIDIN

TUN RAZAK

Jejak Bertapak Seorang Patriot

ZAINUDDIN MAIDIN





TUN RAZAK

Jejak Bertapak Seorang Patriot

TUN RAZAK

Jejak Bertapak Seorang Patriot

ZAINUDDIN MAIDIN

MEMORIAL TUN ABDUL RAZAK
(ARKIB NEGARA MALAYSIA)
JALAN PERDANA
50480 KUALA LUMPUR.
TEL: 26937740
FAKS: 26937335

LEMBAGA PEMEGANG AMANAH
YAYASAN TUN RAZAK

UTUSAN PUBLICATIONS
& DISTRIBUTORS SDN BHD
1997

Diterbitkan bersama
Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Tun Razak
d/a Bahagian Pentadbiran, Tingkat 6, Blok 9,
Perbendaharaan Malaysia, Jalan Duta, 50592
Kuala Lumpur.
Tel: 03 – 2582301
Fax: 03 – 2542636

dan
Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
No. 1&3 Jalan 3/91A Taman Shamelin Perkasa 56100 Cheras,
Kuala Lumpur
Tel: 03 – 9856577/ 9852645
Fax: 03 – 9846554/ 9875763

© Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Tun Razak &
Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
Terbitan Pertama 1997

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan – dalam–
Penerbitan

Zainuddin Maidin
Tun Razak : jejak bertapak seorang patriot /
Zainuddin Maidin.
ISBN:967-61-0751-4
1. Abdul Razak bin Dato' Hussein, Tun Haji,
1922-1976.
2. Prime ministers--Malaysia–Biography.
3. Statesmen–Malaysia--Biography.
4. Politicians--Malaysia–Biography.
I. Judul.
923.295

Reka bentuk:
Zainal Abdin Mior Hashim
Nor Rasidah Dijai

Reka letak:
Nazruddin Abu Bakar
Baharuddin Hj Yaacob
Nazaruddin Abdul Hamed

Dicetak oleh
Percetakan Kum Sdn Bhd.
Lot 3, Lorong 19/1B 46300. Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

Isi

SEKAPUR SIRIH	*vi*
SEULAS PINANG	*viii*
SESINGKAT USIA SEGUNUNG JASA	3
● KELUARGA	55
● BAPA PEMBANGUNAN	85
● LIKU-LIKU PERJUANGAN	115
● KONFRONTASI	167
● DARI MAGERAN KE ERA BARU	189
● PERINTIS KE GLOBALISASI	215
● IMBASAN	249
● SAAT-SAAT AKHIR	277
● KEMBALI KE RAHMATULLAH	291
UMPAMA DIAN	315
WARISAN	318
ANUGERAH	320
KRONOLOGI	321
SALASILAH	322
KABINET TUN RAZAK	325
INDEKS	327
MENJUNJUNG BUDI	328

Sekapur Sirih

14 Januari 1976, mengukir sejarah di mana Malaysia kehilangan seorang tokoh negarawan yang telah mengabdikan seluruh hidupnya untuk agama, bangsa dan negara. Kembalinya ke rahmatullah, Perdana Menteri Malaysia yang kedua, Tun Abdul Razak, bererti pemergian seorang pemimpin yang dinamis bukan sahaja dalam hal-hal domestik tetapi juga di peringkat antarabangsa, yang sukar dicari ganti.

Allahyarham telah banyak menabur jasa untuk pembangunan, kemajuan, kemakmuran dan kesejahteraan hidup rakyat dalam pelbagai bidang. Beliau dikenali sebagai **Bapa Pembangunan** dan juga **Pengasas Kepada Dasar Ekonomi Baru** yang berjaya melakukan satu transformasi sosial yang meletakkan asas kepada kestabilan politik, kejayaan pembangunan dan kesejahteraan hidup rakyat Malaysia dalam suasana yang harmoni yang kita nikmati sekarang. Ketokohan Allahyarham tidak terbatas kepada usul-usul dalam negara sahaja, malahan melalui dasar luar yang berkesan beliau dapat menjamin keselamatan negara di rantau Asia Tenggara dan hasil daripada pemikiran beliau, ASEAN telah dilahirkan dengan berasaskan prinsip kawasan yang aman, bebas dan berkecuali.

Sebagai tanda ingatan dan terima kasih rakyat dan negara kepada Allahyarham, namanya telah diabadikan dalam pelbagai cara, antaranya melalui penerbitan buku. Sekadar mengabadikan namanya sahaja tidak mencukupi. Apa yang penting dan lebih bermakna ialah melalui buku, rakyat khususnya generasi muda yang bakal mewarisi pucuk pimpinan negara masa hadapan dapat menghayati, mencontohi dan meneladani kehidupan, khidmat, jasa dan semangat juang Allahyarham untuk membela nasib rakyat, agar dapat hidup dalam keadaan yang lebih baik dan selesa dari semasa ke semasa. Cita-cita murni yang diperjuangkan Allahyarham hendaklah diteruskan melalui pelbagai usaha dan pendekatan, dalam memastikan **Wawasan 2020** yang diilhamkan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad tercapai jua.

Penulisan biografi bergambar Tun Abdul Razak ini ialah untuk mengingati jasa dan memberi kesedaran tentang semangat juang beliau meletakkan asas yang membolehkan negara mengorak langkah mencari tempat yang sewajarnya dalam semua aspek terutama sosioekonomi, sosiopolitik dan teknologi bagi memenuhi erti 'Kemerdekaan' yang dicapai.

Melalui penerbitan buku ini juga, salah satu objektif Yayasan Tun Razak iaitu untuk mengekalkan nama baik Allahyarham dapat dilaksanakan. Sehubungan dengan ini, saya bagi pihak Yayasan Tun Razak ingin merakamkan berbanyak terima kasih kepada Y. Bhg. Datuk Zainuddin Maidin dan Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. yang telah bekerja keras untuk menyiapkan buku ini. Tidak ketinggalan ucapan terima kasih juga ditujukan kepada perpustakaan-perpustakaan, jabatan-jabatan kerajaan, syarikat-syarikat dan orang perseorangan yang telah memberi sumbangan dan kerjasama sama ada secara langsung atau secara tidak langsung untuk menjayakan buku ini.

Tan Sri Abdullah Mohd. Salleh
Pengerusi Yayasan Tun Razak

Seulas Pinang

Menatap potret jejak-jejak Tun Abdul Razak dari sejak zaman pramerdeka, awal kemerdekaan dan penitiannya dalam arus dan gelombang kemerdekaan sehingga ke akhir hayatnya adalah ibarat mengenang kembali sinaran matahari pagi di desa yang bila hari semakin tinggi, cuaca semakin panas, lalu mendung dan hujan disusuli oleh ribut taufan tetapi ianya sementara sahaja. Pagi datang lagi membawa sinaran yang lebih cerah, membangunkan keyakinan yang lebih besar.

Sayang Tun Abdul Razak tiada lagi untuk bersama menyaksikan sinaran di desa telah melimpah ke kota malah merahmatkan seluruh nusantara seperti yang diharapkannya dari mula.

Pada 26 Disember 1959, Tun Abdul Razak yang diberikan tanggungjawab penuh membangunkan luar bandar mengisytiharkan menerusi Radio Malaya matlamatnya ialah "mewujudkan asas ekonomi yang kukuh bagi para petani, menjamin agar mereka menerima sepenuhnya hasil dari tanah yang dikerjakan dan menikmati kemudahan kehidupan yang setanding dengan saudara mereka di bandar."

Tanpa Pembangunan Luar Bandar, tanpa jalan, jambatan, balai raya, kelas dewasa, pusat bidan dan klinik dan tanpa Felda, Felcra, Pertubuhan Peladang, MAGERAN, Majlis Perundingan Negara, Rukunegara, Akta Sensitif, DEB, Pernas, Petronas dan MAS, tidak akan terbangun perpaduan, kekuatan ilmu dan profesionalisme yang menegakkan kestabilan, keyakinan diri dan daya saing yang membina maruah negara hari ini.

Semuanya bertolak dari teori dan *visionary* Tun Abdul Razak yang disempurnakannya dengan ketegasan, strategi dan diplomasi tanpa mengenepikan prinsip-prinsip keadilan dan demokrasi.

Maka itulah dalam rangka usaha sepanjang masa lebih setahun mengumpul gambar dan bahan buku ini, setiap orang paling dekat dengan Tun Abdul Razak yang saya temui bercerita dengan bangga

tentangnya dan senada dalam kata "Dia adalah manusia agung". Mereka menitiskan air mata kenangan kasih ikhlas kepadanya malah seorang pegawai tinggi kerajaan bukan Melayu yang lama berkhidmat dengannya menyatakan dengan penuh semangat "Inilah pemimpin yang saya sanggup mati untuknya".

Kepada pegawai kerajaan Tun Abdul Razak adalah mentor, kepada keluarga dan saudara-maranya beliau pelindung dan pengasih, kepada orang politik beliau *strategist* yang licin dan cekap, kepada sahabat, beliau rakan setia dan kepada bangsanya yang melihat tugu-tugu kegemilangan hari ini terbangun dari jejak-jejaknya, Tun Abdul Razak adalah *visionary* sepanjang zaman.

Saya bersyukur kepada Allah S.W.T dan juga berterima kasih kepada Yayasan Tun Abdul Razak kerana dipertanggungjawabkan dengan kerja mulia ini untuk mengabadikan kenangan bergambar jejak bakti seorang pemimpin yang telah saya ikuti sebagai wartawan dari Ulu Tembeling hingga ke akhir hayatnya di London.

Datuk Zainuddin Maidin

Terima Kasih, Tun Razak

Jika semua jasa hendak dikenang
dan segala bakti hendak disebut
ke manakah kata-kata hendak dicari
carilah ke rongga dada yang tulus
dengan seribu kamus
carilah ke lubuk hati takrif terima kasih

Tun Razak, ingatkanlah kami jika terlanjur
maafkanlah mereka
yang tak tahu bersyukur

Kekaguman dan terima kasih kepadamu Tuan
adalah alam luas yang tak berbatas
kerana wawasan dan dedikasimu
adalah puncak tinggi tak terdaki
adalah lautan dalam tak terselam
untuk kebangkitan kembali satu bangsa
menebus martabat
menebus maruah

Tun Razak, wariskanlah kepada kami
kearifan Tuan melihat yang tersirat
memahami makrifat mentafsir hakikat

Kami ingat Tuan
sebagai Bapa Pembangunan yang sentiasa
mendengar jeritan dan rintihan rakyat
dalam gema soalan-soalan minta dijawab
apa guna politik merdeka jika ekonomi
melarat?
apa guna menang sorak jika kampung
tergadai?
alangkah malang itik di air mati tak minum?
alangkah malang ayam di kepuk mati tak
makan?

Tun Razak, soalan-soalan itu amatlah getir
amatlah pahit dan amatlah menghiris
Lalu tuan beri jawapan yang tegas dan yakin
serta tindakan bijaksana seorang pemimpin

Maka berkobarlah semangat pembangunan
dengan seruan bekerja dari subuh ke senja
jangan biarkan tanah terbiar
tukarkan RIDA menjadi MARA
lengkapkanlah FELDA dengan FELCRA
jangan lelehkan air mata
tetapi perahlah keringat
untuk menjunjung amanat rakyat

pastikan pembangunan mesti berkembang
pastikan pengagihan mesti seimbang

Kami ingat Tuan,
sebagai jurubina Dasar Pendidikan
meletakkan asas kukuh jangan dianjak
minda dan mental mesti berkembang
moral dan budi mesti mulia
kemahiran dan teknologi mesti meningkat
Tetapi maruah bangsa dan jati diri
adalah syarat adalah matlamat


Tuan telah meletakkan asas pembinaan
bangsa bermartabat dengan acuan sendiri
Dasar Bahasa Kebangsaan
Dasar Pendidikan Kebangsaan
Dasar Kebudayaan Kebangsaan
dan Dasar Ekonomi Baru

Dirgahayu, Dirgahayu, Dirgahayu

Dari dalam lahadmu Tun Razak
kami dengar pesanan dan amanat
Dasar-dasar yang Tuan asas dan letak
jangan ditukar jangan dianjak
kerana semuanya adalah amanat keramat
pesanan sakti para leluhur
menjunjung maruah dan martabat
menuju masyarakat yang adil
membina negara yang makmur

Tun Razak, ingatkanlah kami jika terlanjur
atas segala jasa Tuan
kami menjunjung kasih
KAMI BERSYUKUR

Firdaus Abdullah
Universiti Malaya
Ramadan/Syawal 1417



Terima Kasih, Tun Razak

Jika semua jasa hendak dikenang
dan segala bakti hendak disebut
ke manakah kata-kata hendak dicari
carilah ke rongga dada yang tulus
dengan seribu kamus
carilah ke lubuk hati takrif terima kasih

Tun Razak, ingatkanlah kami jika terlanjur
maafkanlah mereka
yang tak tahu bersyukur

Kekaguman dan terima kasih kepadamu Tuan
adalah alam luas yang tak berbatas
kerana wawasan dan dedikasimu
adalah puncak tinggi tak terdaki
adalah lautan dalam tak terselam
untuk kebangkitan kembali satu bangsa
menebus martabat
menebus maruah

Tun Razak, wariskanlah kepada kami
kearifan Tuan melihat yang tersirat
memahami makrifat mentafsir hakikat

Kami ingat Tuan
sebagai Bapa Pembangunan yang sentiasa
mendengar jeritan dan rintihan rakyat
dalam gema soalan-soalan minta dijawab
apa guna politik merdeka jika ekonomi
melarat?
apa guna menang sorak jika kampung
tergadai?
alangkah malang itik di air mati tak minum?
alangkah malang ayam di kepuk mati tak
makan?

Tun Razak, soalan-soalan itu amatlah getir
amatlah pahit dan amatlah menghiris
Lalu tuan beri jawapan yang tegas dan yakin
serta tindakan bijaksana seorang pemimpin

Maka berkobarlah semangat pembangunan
dengan seruan bekerja dari subuh ke senja
jangan biarkan tanah terbiar
tukarkan RIDA menjadi MARA
lengkapkanlah FELDA dengan FELCRA
jangan lelehkan air mata
tetapi perahlah keringat
untuk menjunjung amanat rakyat

pastikan pembangunan mesti berkembang
pastikan pengagihan mesti seimbang

Kami ingat Tuan,
sebagai jurubina Dasar Pendidikan
meletakkan asas kukuh jangan dianjak
minda dan mental mesti berkembang
moral dan budi mesti mulia
kemahiran dan teknologi mesti meningkat
Tetapi maruah bangsa dan jati diri
adalah syarat adalah matlamat

Tuan telah meletakkan asas pembinaan
bangsa bermartabat dengan acuan sendiri
Dasar Bahasa Kebangsaan
Dasar Pendidikan Kebangsaan
Dasar Kebudayaan Kebangsaan
dan Dasar Ekonomi Baru

Dirgahayu, Dirgahayu, Dirgahayu

Dari dalam lahadmu Tun Razak
kami dengar pesanan dan amanat
Dasar-dasar yang Tuan asas dan letak
jangan ditukar jangan dianjak
kerana semuanya adalah amanat keramat
pesanan sakti para leluhur
menjunjung maruah dan martabat
menuju masyarakat yang adil
membina negara yang makmur

Tun Razak, ingatkanlah kami jika terlanjur
atas segala jasa Tuan
kami menjunjung kasih
KAMI BERSYUKUR

Firdaus Abdullah
Universiti Malaya
Ramadan/Syawal 1417



Abdul Razak dalam tahun 1972.

“Kalau saya berhak menjadi ternama, hak itu terletak semata-mata pada kesederhanaan. Saya memulakan pelajaran di sebuah sekolah yang berbumbung atap dan berlantai tanah. Masih jelas terasa lantai tanah di kaki saya yang tak berkasut.”

Tun Abdul Razak

Sesingkat Usia Segunung Jasa

Dari titisan darah Bugis, Abdul Razak bin Dato' Hussein anak keluarga orang besar Pahang yang dilahirkan pada 11 Mac 1922 di Pulau Keladi, Pekan dan meninggal dunia di London pada 14 Januari 1976, telah menempah dirinya untuk memimpin sejak di bangku sekolah lagi, didorong oleh bayangan kemunduran dan kemiskinan desa semasa kecil di bawah pemerintahan British dan kekejaman Jepun dalam usia remajanya.

Dalam sesingkat usianya, beliau merekodkan kepantasan dan kecemerlangan pencapaian dari sejak di bangku sekolah hingga kepada karier kerajaan dan politik.

Abdul Razak menjadi Ketua Pemuda UMNO dalam usia 28 tahun, Timbalan Presiden UMNO pada usia 29 tahun, Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang pada usia 30 tahun, Menteri Besar Pahang ketika berumur 33 tahun, Menteri Pelajaran pada usia 34 tahun, Timbalan Perdana Menteri ketika berumur 35 tahun dan menjadi Perdana Menteri sewaktu berusia 48 tahun.

Beliau sampai ke puncak karier politiknya apabila terpaksa mengambil alih pemerintahan negara dalam keadaan darurat, menjadi Pengarah Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) dan mengambil tanggungjawab memulihkan semangat dan keyakinan bangsa yang telah luntur akibat tragedi hitam 13 Mei 1969.


Dalam masa yang singkat, beliau membawa negara kembali ke demokrasi dan beliau muncul dari krisis itu sebagai Perdana Menteri Malaysia kedua yang menyinarkan harapan baru kepada rakyat.

Beliau mewariskan asas teguh bagi keselamatan masa depan negara yang terbina atas pelbagai institusi kejuruteraan sosial dan ekonomi, dari desa ke kota, dari FELCRA ke UDA, dari MARA ke FAMA, Bank Bumiputra, Tabung Haji, FELDA, FIMA, Bank Pertanian, LPN, PERNAS, Petronas, MIDA, MNI, MAS, LPP, UKM, Perbadanan Kemajuan Negeri, Bernama dan Pusat Islam.

Kebanyakan institusi ini lahir atas masalah bangsanya, di bawah Dasar Ekonomi Baru yang diperkenalkan selepas peristiwa hitam 13 Mei.

Abdul Razak seolah-olah dilahirkan untuk memimpin. Ketrampilan sifat kecerdasan, pertanggungjawaban, kesungguhan, iltizam, kehalusan, kesetiaan dan kebijaksanaannya telah diperkukuhkan lagi oleh kegagahan perwatakannya yang menyebabkan beliau disegani, dihormati malah digeruni oleh rakan-rakannya sejak menuntut di Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) lagi.

Kegagahan perwatakan ini terpancar dari wajahnya yang serius, pandangannya yang tajam, suaranya yang tidak pernah meninggi tetapi penuh kesungguhan dan pembawaannya yang tenang di sebalik ketegapan tubuh badannya.



Bapa Abdul Razak, Hussein bin Mohd Taib Orang Kaya Indera Shah Bandar (OKIS yang ke-9) bergelar Dato', beristeri dua dan mempunyai 18 orang anak.



Ibu Abdul Razak, Teh Fatimah binti Daud berdarah Bugis dari keturunan Sultan Hasanuddin.



Sekolah Umum Langgar, Pekan, Pahang yang menjiwai dan membentuk sikap hidup Abdul Razak. Di sinilah beliau memulakan pelajaran rendahnya sehingga ke darjah empat. Di antara tahun 1929 hingga 1934 sekolah ini tidak mempunyai bilik darjah, mempunyai 60 orang murid dan tiga orang guru. Pengambilan murid tanpa mengikut umur. Ternyata kehidupan Abdul Razak dihayati oleh sekolah ini apabila dalam satu ucapannya pada 2 Oktober 1967, Abdul Razak berkata, "Kalau saya berhak menjadi ternama, hak itu terletak semata-mata pada kesederhanaan. Saya mulakan pelajaran di sebuah sekolah yang berbumbung atap dan berlantai tanah. Masih jelas terasa lantai tanah di kaki saya yang tak berkasut."



Di rumah inilah, yang terletak di tepi Sungai Pahang di Kampong Jambu Langgar, Pekan Abdul Razak semasa kecil tinggal bersama dengan datuknya dan belajar mengenal dan merasakan kehidupan kampung yang miskin dan mundur.

Tentang kebijaksanaannya dalam pelajaran, salah seorang sahabat Abdul Razak yang paling karib di MCKK, Tuanku Jaafar ibni Tuanku Abdul Rahman memberitahu "Saya masuk maktab itu pada tahun 1933 dan Tun masuk setahun kemudian tetapi Tun meninggalkan maktab itu setahun lebih dahulu daripada saya.

"Abdul Razak dua kali melompat darjah dan menduduki peperiksaan Senior Cambridge hanya selepas empat tahun sahaja menuntut di kolej itu."

Menurut Tuanku Jaafar lagi sebagai ketua pelajar, Abdul Razak tidak mahu bertolak ansur dalam sebarang perbuatan yang melanggar disiplin oleh pelajar lain.[1]

Seorang lagi rakan semaktab dengannya yang kemudiannya menjadi adik iparnya, Hamzah Abu Samah berkata "Abdul Razak sangat aktif sebagai ketua pelajar, dia melibatkan diri dalam berbagai-bagai mesyuarat dan perbincangan, serba boleh dalam semua kegiatan sukan, serius dalam semua kerjanya. Ini menyebabkan dia disegani dan dihormati."[2]

Abdul Razak adalah anak sulung daripada dua beradik daripada isteri pertama Hussein bin Mohd. Taib Orang Kaya Indera Shah Bandar Pahang, Teh Fatimah binti Daud. Beliau mempunyai 16 orang lagi adik-beradik daripada isteri kedua ayahnya, Rokiah binti Salleh.[3]

Ibu bapa Abdul Razak adalah daripada keturunan Bugis. Bapanya Hussein dipercayai berasal daripada keturunan To' Tuan, seorang bangsawan Bugis yang datang ke Pahang pada tahun 1722 dan berkahwin dengan seorang gadis Pahang. To' Tuan menetap di Pahang dengan membuka perusahaan tenunan sutera. Cicit perempuan kepada To' Tuan iaitu To' Mas telah berkahwin dengan To' Bandar Jenal Orang Kaya Indera Shahbandar Kedua (OKIS) iaitu anak kepada To' Tondek.

Gelaran ini kemudiannya telah diwarisi turun-temurun oleh keturunan Abdul Razak kecuali OKIS kelapan di mana selepas kematian To' Ali (OKIS ketujuh), gelaran ini telah jatuh kepada Che Osman, anak kepada Imam Perang Indera Mahkota Gendut.


Walau bagaimanapun pada tahun 1930, gelaran ini yang membawa panggilan Dato' telah dikembalikan kepada Hussein bin Awang Mohd Taib, ayah kepada Abdul Razak dan kemudiannya diwarisi oleh Abdul Razak.

Ibu Abdul Razak juga berdarah Bugis dari cucu keturunan Sultan Hasanuddin.

Satu-satunya adik Abdul Razak, Maimunah, isteri kepada Allahyarham Muhammad bin Jusoh, Menteri Besar Pahang telah meninggal dunia pada 29 April 1976, kira-kira tiga bulan selepas kematian abangnya.

Ketika masih kecil, Abdul Razak ditinggalkan oleh bapanya kepada datuk sebelah pihak bapa, Awang Mohd. Taib di Kampung Jambu Langgar yang terletak di seberang sungai Kampung Keladi, Pekan apabila beliau ditukarkan daripada pegawai biasa di pekan ke Temerloh pada tahun 1924 untuk memegang jawatan Penolong Pegawai Daerah.

Sekalipun datuknya bukan daripada keluarga miskin dan memiliki rumah yang terbesar tetapi terletak di tengah-tengah kampung yang mundur dan miskin seperti kampung-kampung lainnya di Malaya pada masa itu, tanpa bekalan air, elektrik dan lain-lain kemudahan moden.



Abdul Razak ketika berumur 15 tahun.



Maimunah satu-satunya saudara seibu sebapa dengan Abdul Razak, adalah isteri kepada bekas Menteri Besar Pahang, Allahyarham Mohammad bin Jusoh (Dato'). Maimunah meninggal dunia tiga bulan selepas kematian abangnya pada tahun 1976.



Abdul Razak ***(nombor satu dari kanan di barisan kedua)*** *bersama dengan rakan-rakan pengawas MCKK pada tahun 1938. Di tengah ialah Pengetua MCKK, C. Bazell.*

Sebahagian besar penduduk kampung ini terdiri daripada petani yang kais pagi makan pagi, kais petang makan petang; mengerjakan sawah padi, bercucuk tanam, menangkap ikan di sungai, menternak lembu kerbau dan juga bekerja dalam perusahaan tenunan sutera yang berasal dari Bugis.

Walaupun terkawal dengan disiplin semasa tinggal dengan datuknya tetapi Abdul Razak tidak terpisah dari kehidupan kampung; mandi bersama kawan-kawan di sungai, menunggang kerbau di sawah dan ada kalanya ikut dalam kenakalan kawan-kawannya mencuri buah rambutan di rumah orang.

Abdul Razak mula bersekolah ketika berumur enam tahun. Berulang-alik empat batu setiap hari ke Sekolah Umum Langgar, Pekan tanpa memakai kasut melalui jalan batas kampung dan sawah yang becak berbekalkan duit satu sen sehari.

Beliau berkaki ayam bukan kerana bapanya tidak mampu untuk membeli kasut tetapi kerana tidak mahu terasing daripada sebahagian besar murid lain yang tidak mampu untuk berkasut.

Abdul Razak bersekolah di sekolah ini yang beratapkan nipah berlantaikan tanah dan berdindingkan papan sehingga darjah empat dengan menggondol hadiah pencapaian cemerlang dalam kelasnya setiap tahun.

Guru Besarnya, Sheikh Hussein memberitahu tidak ada apa perbezaan antara Abdul Razak dengan 60 orang muridnya yang lain dalam sekolahnya masa itu.

"Saya tahu dia anak Datuk Shahbandar dan Penolong Pegawai Daerah, dan Orang Besar jajahan tetapi budak ini berkelakuan sama seperti budak-budak kampung yang lain. Dia agak pemalu dan pendiam, seperti sekarang juga, berkelakuan baik dan tidak pernah bergaduh dengan sesiapa."[4]

Seperti anak-anak kampung lainnya, Abdul Razak juga belajar mengaji agama dan bacaan Al-Quran di surau setempat.

Latar belakang keluarga, ketokohan bapanya sebagai seorang pegawai kerajaan mungkin merangsangnya rajin belajar untuk membolehkannya menuruti jejak bapanya ke MCKK.


Bapanya, Hussein adalah di antara aristokrat Melayu yang terpilih di peringkat awal di zaman British untuk menjalani kursus khas Pegawai Pelatih (*Administrative Probationer*) di MCKK dan kemudian dilantik menjadi Pegawai Melayu pangkat rendah (*Subordinate Malay Officer*) ketika berumur 18 tahun.

Sejak memasuki Maktab Melayu Kuala Kangsar pada 26 Jun, 1934, Abdul Razak menunjukkan kecemerlangannya dalam pelajaran. Beliau lulus Junior Examination University Cambridge ketika baru berusia 15 tahun.

Bakat kepimpinannya pula terserlah dalam kegiatannya dengan beberapa persatuan dan aktif dalam semua bidang sukan di maktab itu. Beliau terpilih menjadi Ketua Pelajar maktab itu dan terkenal sebagai pemain hoki, bola sepak dan tenis yang handal di maktabnya.

Abdul Razak juga menjadi Presiden Kesatuan Pelajar Maktab Melayu Kuala Kangsar dan Naib Presiden Persatuan Persuratan, Drama dan Perbahasan.

Bakat kepimpinannya yang besar telah pun dilihat dari awal lagi oleh Pengetua MCKK, H. R. Carey yang di dalam surat perakuannya bagi menyokong permohonan Abdul Razak untuk menjadi pelajar pelatih dalam Perkhidmatan Pentadbir Melayu dalam tahun 1939 menyatakan:



Abdul Razak memasuki dunia baru MCKK pada tahun 1934. Abdul Razak ***(duduk)*** *bersama dengan sahabat karibnya, Tuanku Jaafar (Yang di-Pertuan Agong ke-10) ketika di maktab itu dalam tahun 1937.*

"Che Abdul Razak berumur 17 tahun. Beliau ialah ketua pelajar maktab dan merupakan seorang budak yang mempunyai perwatakan yang gagah. Dia adalah seorang pemimpin yang baik dan boleh dipercayai. Dia menunjukkan kebolehan yang baik dalam pelajaran dan di padang permainan, telah mewakili maktab dalam bola sepak dan hoki, memenangi pengiktirafan (colours) bagi kedua-dua permainan ini. Dia adalah kapten tenis, kapten rumahnya dan sarjan dalam Kor Kadet Maktab.

"Saya tidak teragak-agak untuk menyokongnya bagi menjadi seorang pelatih dalam Perkhidmatan Pentadbir Melayu kerana dia pastinya, pada pendapat saya mempunyai sifat pemuda yang diperlukan."[5]

Setelah menjalani latihan ini, Abdul Razak yang sebelumnya lulus peperiksaan Senior Cambridge dalam masa empat tahun sahaja di maktab itu telah diberikan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran di Raffles College, Singapura selama tiga tahun. Beliau meninggalkan MCKK pada 31 Mei 1940 tetapi pelajarannya di Singapura terbantut apabila Jepun menyerang Tanah Melayu.

Meskipun tidak lama di Raffles College tetapi menerusi kegiatannya dalam Persatuan Islam (*Muslim Society*), Abdul Razak berkesempatan mendedahkan dirinya dengan kebangkitan awal kesedaran nasionalisme Melayu.

Beliau berkenalan bagi pertama kali dengan Sardon Jubir yang datang memberikan syarahan dalam suatu majlis yang dianjurkan oleh kolej itu.

Di kolej ini juga Abdul Razak berkenalan dengan Ghazali Shafie yang ketika itu adalah pelajar tahun pertama.

Menurut Ghazali pada suatu hari pelajar-pelajar Melayu yang tidak ramai di Raffles College pada zaman itu telah memakai songkok untuk menunjukkan perpaduan kerana membantah usaha pelajar tertentu memburuk-burukkan Ungku Aziz dengan tujuan menyingkirkannya dari jawatan setiausaha kesatuan pelajar kolej itu. Orang yang berada di belakang tunjuk perasaan ini ialah Abdul Razak.[6]


Dalam masa pendudukan Jepun, Abdul Razak kembali ke kampung datuknya, Jambu Langgar, Pekan untuk mencuba hidup sebagai orang kampung dengan bercucuk tanam, bersawah dan menangkap ikan tetapi beliau mendapati kehidupan seperti ini tidak lagi sesuai dengannya.

Sebagai anak Melayu yang terdedah kepada MCKK dan Raffles College, Singapura, Abdul Razak telah mempunyai kesedaran baru untuk memimpin, mendidik dan menyedarkan bangsanya.

Apabila mendapati kehidupan kampung tidak lagi sesuai dengannya, Abdul Razak pada akhir 1942 pergi ke Bentong untuk mencari pekerjaan.

Beliau berkongsi dengan beberapa orang rakannya menerbitkan akhbar mingguan bernama *Gegaran Masa* tetapi akhbar ini hanya terbit empat kali sahaja kerana kekurangan modal dan juga kerana tidak disenangi oleh pihak Jepun.[7]

Walau bagaimanapun apabila mengetahui latar belakangnya sebagai seorang anak Melayu yang berpelajaran, Abdul Razak telah diambil oleh pihak berkuasa tempatan Jepun di Bentong untuk dilatih menjadi jurubahasa dan beliau dihantar ke Pusat Latihan Pegawai Kerajaan Jepun (Koa Kunrensjo) di Singapura bagi menjalani kursus indoktrinasi selama enam bulan yang meliputi bahasa dan budaya Jepun.



MALAY COLLEGE, KUALA KANGSAR.

REPORT ON Abdul Razak bin Hussein STATE Pahang.
c/o Dato Hussein, K.C.,
Bentong.
For the year 19 38

Class School Certificate

Date of birth 11. 3. 1922 Average age of class 16 yrs 10 months.

English subjects Precis - Fair
Books - very good
Essay - very good
His essay work sometimes reaches a very high standard. A hard worker who should do well.

Geography Good though weak in map work.

History Good

Elementary Mathematics: Very good, but careless mistakes are far too common. Should do well.

Arithmetic, Trigonometry, Calculus & C.Geometry, Geometry, Algebra: Fair. He would be better if he relied more on reason and less on memory. Should pass with credit.

Applied Mathematics - Fair. He should pass with credit Works hard but would be better if he tried to memorise less.

Malay Fairly good

Hygiene Very good

Form Master's general impression
A very able boy with energy as well. If he continues to work should do well.

Headmaster's report A school monitor. He has considerable initiative and can always be relied on. I expect him to do well later.

C.B. Buckley
Headmaster,
Malay College,
Kuala Kangsar.

Next term begins on 29. 7. 38

Laporan sekolah Abdul Razak.



Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK).



Semasa belajar di Raffles College, Singapura dalam tahun 40-an, Abdul Razak pernah menganjurkan pelajar-pelajar Melayu supaya bersongkok untuk membantah usaha penyingkiran seorang rakan. Abdul Razak di barisan kedua kanan sekali.

Sekembalinya di Pahang setelah tamat menjalani kursus itu, Abdul Razak ditempatkan di Pejabat Pentadbiran Jepun di Temerloh bersama rakan lamanya di Raffles College, Ghazali Shafie. Tetapi oleh kerana kebolehan istimewa Ghazali dalam bahasa Jepun, beliau kemudiannya dipindahkan menjadi pegawai paling kanan di Jabatan Propaganda Jepun di Kuala Lipis. Bagaimanapun Abdul Razak dan Ghazali sering berhubung dan bertemu.

Walaupun bekerja dengan Jepun tetapi Abdul Razak dan Ghazali telah menyertai gerakan bawah tanah anti-Jepun—*Japanese Malay Resistance Movement* —yang ditubuhkan oleh Yeop Mahidin seorang pembantu kepada ayah Abdul Razak di pejabat daerah Bentong. Gerakan ini yang dikenali sebagai Wataniah telah mendapat sokongan daripada Sultan Pahang, Abu Bakar Riayadin Al-Mutasin Shah.

Meskipun tidak dapat menyertai gerakan ini secara aktif, Abdul Razak telah menggunakan kedudukannya untuk memberi maklumat mengenai pergerakan tentera dan polis Jepun kepada pihak Wataniah menerusi Ghazali Shafie atau orang tertentu lainnya.

Antara maklumat yang diberikan oleh Abdul Razak ialah jadual lawatan tentera Jepun untuk mengutip padi daripada orang kampung supaya orang kampung menyembunyikan padi mereka.[8]

Tentunya kerja ini sangat berbahaya dan hanya sanggup dilakukan oleh seorang yang nekad dan berani serta komited terhadap perjuangan menentang Jepun.

Pada tahun 1945, tentera Wataniah telah mengadakan hubungan secara langsung dengan Force 136 yang merupakan kontijen tentera bagi Pihak Berikat yang khusus bertanggungjawab bagi menyatukan gerakan gerila menentang Jepun di Malaya.


Wataniah dan Force 136 bekerjasama dalam mengatur strategi bagi kemasukan pihak Berikat ke Malaya. Akhirnya Wataniah diserapkan ke dalam Force 136 pada pertengahan tahun 1945.

Apabila Force 136 dibubarkan pada 1 Disember 1945 dengan perbarisan terakhir di Kuala Lipis yang diperiksa oleh Sultan Pahang, Abdul Razak muncul sebagai salah seorang anggotanya yang turut menerima $350 dan anugerah pertempuran.

Selepas perang, pada 27 Ogos 1947, Abdul Razak berlepas ke United Kingdom dengan kapal dari Singapura untuk pengajian undang-undang di Lincoln's Inn of Court. Kerana kepintarannya, beliau hanya mengambil masa selama lapan belas bulan untuk menamatkan pengajiannya.

Di samping belajar Abdul Razak meneruskan kegiatannya dalam persatuan pelajar dengan menyertai Kesatuan Melayu United Kingdom (KMUK) di mana beliau berkenalan dengan seorang putera raja dari negeri Kedah, Tunku Abdul Rahman yang menjadi presiden persatuan itu. Abdul Razak kemudiannya menjadi setiausahanya. Beliau dan Tunku bertanggungjawab menghidupkan KMUK.

Apabila menyedari KMUK lebih tertumpu kegiatannya di kalangan anak-anak Melayu, Abdul Razak mengambil inisiatif menubuhkan Malayan Forum untuk menarik pelajar-pelajar semua kaum dari Malaya supaya melibatkan diri dalam perkembangan politik tanah air.




THE MALAY COLLEGE,
KUALA KANGSAR.

LEAVING CERTIFICATE.

Name Abdul Razak bin Dato Hussein
School Number 792
Date of Birth 11th March 1922
Date of Admission to College 26th Jan. 1934
Name of former School Malay School, Langgar Pekan
Date of Leaving College 31st May 1940
Educational Qualifications
Passed Junior Camb. July 1937.
" School Certificate " 1938.
Probationer M.A.S. 1939
Conduct and School Career Excellent. Head boy of the School. Captain of Hume House. 1st XI Colours Football, Hockey. Tennis Captain + School Squash team. Sergeant in Cadets. President of the Union + of the Debating Society. An intelligent + absolutely reliable boy, with initiative, a strong sense of discipline, + plenty of Common Sense.
Date, 23/11/40

H.R. Carey
Head-Master,
Malay College,
Kuala Kangsar.

Surat berhenti sekolah Abdul Razak yang ditandatangani oleh pengetua MCKK, H.R. Carey.



Abdul Razak ***(duduk di kiri sekali di barisan hadapan)*** *bersama rakan-rakannya dalam Pasukan Bolasepak 'First XI' MCKK 1938-1939. Duduk sebelah Abdul Razak ialah Pengetua MCKK, HR Carey yang memperakukan permohonan Abdul Razak untuk menjadi pelajar pelatih dalam Perkhidmatan Pentadbir Melayu. Berdiri di belakang, kiri sekali ialah Tuanku Jaafar Tuanku Abdul Rahman. Abdul Razak menjadi penolong ketua pasukan dan bermain di barisan tengah. Beliau menjadi kubu terkebal pasukannya. Kehandalannya ialah menggunakan kaki kiri dan kepalanya. Beliau dikurniakan* school colours *kerana kecemerlangannya dalam bolasepak.*

Ini menunjukkan dari awal lagi, Abdul Razak telah menerima realiti masa depan sosiopolitik negara yang berteraskan atas kesanggupan hidup bersama antara kaum dan konsep hidup yang luas. Menerusi forum ini juga Abdul Razak berpeluang berinteraksi dengan pemimpin-pemimpin radikal British dari Parti Buruh dan juga pensyarah-pensyarah berhaluan kiri dari London School of Economics.

Abdul Razak menyertai Parti Buruh dan Fabian Society kerana Parti Buruh pada masa itu bersimpati dengan perjuangan kemerdekaan Malaya.

Sekembalinya ke tanah air dari London dalam tahun 1950, beliau berkhidmat sebagai Penolong Setiausaha Kerajaan dan pada 1 November, 1950 dilantik dengan rasminya sebagai Orang Kaya Indera Shahbandar (OKIS) yang ke-10 oleh Sultan Pahang yang membawa gelaran Dato bagi menggantikan ayahnya yang telah meninggal dunia dalam bulan April 1950 ketika beliau masih di London. Dua tahun kemudian beliau dinaikkan pangkat menjadi Setiausaha Kerajaan Pahang dan semasa memegang jawatan inilah iaitu pada 4 September tahun 1952, ketika itu berusia 30 tahun, Abdul Razak mendirikan rumah tangga dengan seorang gadis Johor, Rahah, anak bongsu kepada Mohamed Noah bin Omar, yang ketika itu berumur 19 tahun.

Perkenalan Abdul Razak dengan Rahah adalah menerusi sahabat karibnya Taib Andak. Taib memberitahu Abdul Razak bahawa beliau diamanahkan oleh ayahnya Hussein untuk mencarikan seorang gadis Johor bagi pasangan hidupnya.[9]

Sejak di London lagi, Taib Andak telah rapat dengan Abdul Razak kerana beliau diamanahkan oleh Hussein untuk menjaga Abdul Razak.


Sekalipun sebagai pegawai tinggi kerajaan, Abdul Razak dilarang oleh kerajaan British daripada menyertai politik tetapi tidak lama selepas kembali dari London, Abdul Razak telah menjadi anggota UMNO cawangan Kuala Lipis dalam tahun 1950. Waktu itu, UMNO adalah di bawah pimpinan Dato' Onn bin Jaafar.

Suasana tanah air masa itu yang diwarnakan dengan kebangkitan nasionalisme, semangat antipenjajahan British dan keganasan pengganas komunis yang berkiblat ke China benar-benar mencabar Abdul Razak untuk menyertai arus politik negara.

Empat bulan selepas penyertaannya dalam UMNO, pemuda UMNO yang melihat potensinya sebagai anak Melayu yang terpelajar dan latar belakang perjuangannya, telah memilih Abdul Razak untuk menggantikan Hussein Onn sebagai Ketua Pemuda UMNO dalam suatu mesyuarat agungnya di Kelab Sultan Sulaiman Kampung Baru. Hussein Onn telah dilantik menjadi Setiausaha Agung UMNO.

Setahun kemudian iaitu pada 26 Ogos 1951, apabila Tunku Abdul Rahman Putra dipilih dalam mesyuarat Agung UMNO untuk mengambil alih jawatan Yang di Pertua UMNO dari Onn Jaafar yang berhenti dari UMNO kerana menubuhkan parti baru, Parti Kemerdekaan Malaya (IMP), Abdul Razak yang ketika itu berumur 29 tahun telah terpilih tanpa bertanding untuk menjadi timbalannya.

Sebelumnya Abdul Razak telah diwakilkan oleh UMNO untuk meminta Tunku Abdul Rahman rakan karibnya semasa menuntut di London bagi menggantikan Onn. Ketika itu Tunku tidak lagi aktif dalam UMNO.



Abdul Razak bertugas di Pejabat Pentadbiran Jepun di Temerloh dalam masa pemerintahan Jepun tetapi beliau menyertai Wataniah, sebuah gerakan gerila bawah tanah menentang Jepun yang ditubuhkan oleh Yeop Mahidin pada akhir tahun 1942. Anggota-anggota pasukan ini terdiri dari pejuang-pejuang Melayu yang kemudiannya diserapkan ke dalam Force 136 tajaan British. Antara rakan Abdul Razak dalam pasukan ini ialah Ibrahim bin Ismail yang kemudiannya menjadi Panglima Angkatan Tentera Malaysia dan Ungku Nasaruddin Ungku Mohamad. Gambar ini diambil sempena dengan perbarisan menandakan pembubaran Force 136 yang diadakan berdekatan dengan Kelab Pahang di hadapan Sekolah Clifford, Kuala Lipis pada 1 Disember 1945.

Gambar dari kiri ke kanan:

***Bersila**: Lt. Muda Mohamad Taib, Lt. Muda Abdul Aziz Shamsuddin, Lt. Yakin Long, Lt. Osman Ismail, Lt. Muda Mohd Zain Long.*

***Duduk**: Lt. Yaakub Hassan, Kapt. Abdul Rahman Ismail (Ajutan), Kapt. Ibrahim Ismail, Mejar Yeop Mahidin Mohd Shariff (Pegawai pemerintah), Kapt. Sulaiman Ismail dan Kapt. Abdul Razak Hussein.*

***Berdiri**: Lt. Mohamad Abdul Wahab, Lt. Muda Ibrahim Abbas, Lt. Muda Othman Jasi, Lt. Muda Jaafar Haji Mohd Nor, Lt. Muda Tengku Yunan Tengku Haji Daud, Lt. Osman Ali, Lt. Halimi Haji Sarbani, Lt. Muda Abdul Satar Mat Dahan dan Lt. Muda Alang Nasir.*

Menurut Tunku, pada mulanya beliau menolak pelawaan itu tetapi bersetuju setelah Abdul Razak datang menemuinya dari Pahang dan berjanji untuk memberikan sokongan kepadanya. Ini berikutan sepucuk surat Tunku kepadanya.

Dalam suratnya itu, Tunku memberitahu penerimaannya itu adalah dengan syarat tidak ada permainan politik seperti kera yang terikat, turun dan naik. Maksud Tunku—ahli-ahli mestilah setia kepada parti. "Hanya jika mereka sanggup timbul dan tenggelam bersama saya, saya akan bersedia untuk mengambil tanggungjawab yang tinggi ini," kata Tunku.[10]

Apabila menerima jawatan Yang Dipertua UMNO, Tunku yang ketika itu menjadi Presiden Mahkamah Tengah Kuala Lumpur terpaksa menolak jawatan Hakim yang ditawarkan kepadanya oleh Ketua Hakim Sir Foster Sutton.

Dengan Tunku sebagai keluarga diraja menjadi presiden dan Abdul Razak dari keluarga bangsawan sebagai timbalannya dan latar belakang perjuangan dan pendidikan tinggi mereka, UMNO dengan sekaligus dapat mengekalkan keyakinan orang Melayu terhadapnya dan meningkatkan imej dan meluaskan lagi pengaruhnya sekalipun telah ditinggalkan oleh Onn.

Tunku dan Abdul Razak terserlah sebagai suatu gandingan pimpinan politik UMNO yang seiring jalan, sefahaman dan sekata dalam konsep dan perjuangan politik Melayu yang berasaskan kepada perlembagaan, sederhana dan nasionalisme Malaya tulen.

Walaupun aktif dalam UMNO, Abdul Razak terus berkhidmat sebagai pegawai kerajaan Pahang dan pada 1 Februari 1951 beliau telah dilantik menjadi Ahli Tidak Rasmi Majlis Undangan Persekutuan hingga 31 Januari 1954. Pada Ogos 1955 Abdul Razak dilantik memangku jawatan Menteri Besar Pahang.

Dalam tahun yang sama, Abdul Razak bersara dari jawatan kerajaan dan menyertai pilihan raya Persekutuan yang pertama sebagai calon Perikatan (Gabungan UMNO, MCA dan MIC) pada 27 Julai 1955. Beliau bertanding di kawasan Semantan, Pahang dan berjaya mengalahkan calon Pas Mohamed Yassin bin Mohammed Salleh dengan majoriti 12095. Abdul Razak mendapat 14094 dan Mohammed Yassin 1999.

Pilihan raya ini memberikan kemenangan cemerlang kepada Perikatan dengan memenangi 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan. Keadaan ini telah membolehkan pembentukan kerajaan sendiri dalam negeri dan membuka harapan yang cerah ke arah kemerdekaan sepenuhnya menerusi perlembagaan dan menghapuskan keraguan kerajaan British untuk tidak memberikan kemerdekaan kerana kemungkinan berlakunya pergaduhan antara kaum.

Kemenangan besar Perikatan adalah atas undi yang tidak berasaskan perkauman, ramai calon bukan Melayu menang di kawasan Melayu.

Berikutan dengan kemenangannya itu, pada 9 Ogos 1955, Abdul Razak yang ketika itu berumur 34 tahun telah dilantik menjadi Menteri Pelajaran dalam kabinet yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman dan juga sebagai Ketua Whip dalam Majlis Undangan Persekutuan.

Dari sinilah kaliber kepimpinan Abdul Razak mulai terserlah. Ketokohannya sebagai seorang nasionalis memberikan kekuatan dengan ketegas-



Abdul Razak ***(kanan sekali)*** *bersama tiga rakannya berpakaian tentera Jepun.*



Abdul Razak turut menyertai perbarisan besar Force 136 pada 16 November 1945 di hadapan Istana Saadah Pekan yang di periksa oleh Sultan Pahang Abu Bakar dalam sifatnya sebagai Kolonel Kehormatnya. Perbarisan ini diadakan berikutan kejayaaan pasukan itu dalam peperangan gerila menentang tentera Jepun. Abdul Razak di barisan belakang sekali ***(nombor tiga dari kanan)****.*

Pegawai Pemerintah, Kapt. Yeop Mahidin bin Mohd Shariff duduk di sebelah kanan Sultan Pahang (berbaju putih) dan di sebelah kiri baginda ialah Kapt. Ibrahim Ismail (Jeneral Tan Sri Ibrahim). Berdiri kanan sekali ialah Ungku Nasaruddin Ungku Mohamad (Lt. Jeneral Tan Sri Ungku Nasaruddin).

annya memperkenalkan beberapa langkah berani dalam Penyata Razak untuk menangani cauvinisme Cina dan memenuhi harapan sebahagian besar rakyat bagi pembentukan bangsa merdeka yang beridentitikan Malaya.

Ketika Abdul Razak dilantik menjadi Menteri Pelajaran, kebanyakan sekolah Cina di bandar-bandar besar seperti di Pulau Pinang dan Perak telah disusupi oleh anasir komunis yang berselindung di sebalik perkauman Cina. Beliau mengambil tindakan tegas menyekat penyusupan ini dengan menutup sementara sekolah yang tidak mengendahkan amaran kerajaan. Di antaranya ialah Chung Lin dan Han Ching High School di Pulau Pinang.

Abdul Razak mengambil langkah segera membentuk jawatankuasa 15 orang yang terdiri daripada ahli-ahli Dewan Undangan Persekutuan dengan beliau sendiri menjadi pengerusinya untuk mengkaji dasar pelajaran yang ada dan bagi membentuk Dasar Pelajaran Kebangsaan yang boleh diterima oleh seluruh rakyat persekutuan dan bagi memenuhi hasrat untuk meningkatkan pembangunan budaya, sosial, ekonomi dan politik sebagai suatu bangsa dengan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di samping memelihara pertumbuhan bahasa dan kebudayaan kaum lain dalam negara ini.

Penyata Razak ini dianggap sebagai mengandungi polisi yang revolusioner dan membawa perubahan besar bagi sekolah-sekolah, dengan matlamat utama untuk menyatupadukan rakyat pelbagai kaum.

Sementara masih bergelut dengan berbagai-bagai cabaran terhadap penyata pelajarannya, Abdul Razak dipilih untuk mengikuti rombongan Perikatan ke London bagi menuntut kemerdekaan dari kerajaan British. Ketua Menteri Tunku Abdul Rahman mengetuai rombongan ini.

Ikut serta ialah Dr. Ismail bin Abdul Rahman, Kolonel H. S. Lee (MCA), dan tiga orang wakil Raja-raja Melayu terdiri daripada Datuk Panglima Bukit Gantang daripada Perak, Seth bin Mohd Said dari Johor dan Aziz bin Abdul Majid dari Selangor serta Nik Ahmad Kamil dari Kelantan. Setiausaha Agung Perikatan, T. H. Tan dan seorang pegawai perkhidmatan awam Abdul Kadir Shamsuddin menjadi Setiausaha Bersama kepada rombongan ini.

Rombongan ini berlepas ke London pada 1 Januari 1956 dengan kapal M. V. Asia dari Singapura dan tidak dengan kapal terbang untuk memberi luang "menyelesaikan perkara-perkara yang belum selesai dan bagi mencapai perpaduan fikiran dan pandangan dalam menghadapi British."[11]

Rombongan ini pulang dengan kapal terbang dengan membawa tarikh kemerdekaan bagi Malaya dan telah diberikan sambutan oleh ribuan manusia yang datang dari seluruh negara di bandar Melaka di mana Tunku Abdul Rahman mengumumkan tarikh kemerdekaan Malaya pada 31 Ogos 1957.

Setelah kemerdekaan, Tunku Abdul Rahman Menjadi Perdana Menteri dan Abdul Razak menjadi Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan dan Keselamatan Dalam Negeri.

Kemerdekaan yang mencetuskan pelbagai harapan baru rakyat berbilang kaum dan agama telah memberikan cabaran yang hebat kepada kepimpinan negara dalam bentuk ekstremisme kaum dan agama di samping ancaman kegiatan pengganas komunis di dalam hutan dan di barisan hadapan di bandar-bandar.



Abdul Razak ***(berdiri di kiri)*** *meneruskan kegiatan sukannya ketika belajar di London. Beliau bersama dengan rakan-rakan pasukan hokinya. Antaranya ialah Taib Andak* ***(bercanggung di kanan).***

Golongan ultranasionalis yang berselindung di sebalik parti agama dan sosialis mendatangkan masalah kepada keselamatan dan pembangunan negara dengan memainkan isu kemiskinan, antikapitalis, perkauman Cina dan Melayu serta sentimen Islam.

Cabaran yang datang sejak awal kemerdekaan sehingga negara menghadapi tragedi hitam 13 Mei 1969 ini, kadangkala mencabar perpaduan UMNO sendiri tetapi tidak pernah menggugat setiakawan dan perpaduan kepimpinan Tunku dan Abdul Razak.

Mereka tetap teguh sekata menampakkan pegangan terhadap dasar dan kepercayaan yang mereka jadikan asas bertolaknya kemerdekaan negara iaitu pembentukan masyarakat terbuka berbilang kaum yang bertunjangkan ekonomi pasaran, bebas dan menentang fahaman komunis, cauvinis dan ekstremisme dalam segala bentuk.

Selain daripada semangat cauvinis Cina, masalah awal yang terpaksa dihadapi oleh Tunku dan Abdul Razak ialah segolongan orang Melayu yang menganggap kemerdekaan kosong dan kemerdekaan mesti disusuli segera dengan penghapusan tentera British dan penutupan pangkalan asing di negara ini.

Golongan ini menuntut supaya Malaya menjalankan dasar antikapitalis dan antibekas penjajah dan memiliknegarakan semua ladang British dan harta benda asing di negara ini.

Sokongan Abdul Razak kepada Tunku menentang semua anasir pelampau ini terlihat dalam tindakan mereka memerangi habis-habisan Barisan Sosialis Rakyat Malaya yang merupakan gabungan Partai Rakyat Malaya dan Parti Buruh Malaya, Parti Islam Setanah Melayu dan menghancurkan juara pelajaran Cina menerusi Dasar Pelajaran Kebangsaan dan penggunaan Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Di samping itu, Tunku dan Abdul Razak bersama menentang dan melenyapkan pelampau dari dalam UMNO sendiri.

Ini dapat dilihat dalam tindakan Tunku menyingkirkan Aziz Ishak, Menteri Pertanian yang cuba menjuarai petani dan nelayan dengan menunjukkan sikap antitauke.


Abdul Razak juga berada di belakang tindakan UMNO mengambil alih akhbar nasional paling berpengaruh di kalangan masyarakat Melayu, *Utusan Melayu* dalam tahun 1961 apabila mendapati akhbar ini telah disusupi oleh anasir-anasir ultranasionalis dan sosialis.

Beliau tidak memenuhi tuntutan melampau daripada kaumnya sendiri sekalipun beliau menyedari dalam keadaan tertentu sokongan mereka akan membawa populariti yang besar kepada dirinya sendiri.

Abdul Razak tidak menunjukkan simpati kepada tuntutan pelampau-pelampau bahasa dalam tahun 1967 supaya menolak terus kedudukan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di negara ini. Bagaimanapun keadilan, kehalusan dan kebijaksanaan manipulasinya terlihat dalam banyak tindakannya bagi menangani masalah bangsanya.

Berikutan dengan tamatnya darurat pada 31 Julai 1960, Abdul Razak yang dapat mengurangkan bebannya dalam masalah keselamatan telah mengambil sepenuhnya tanggungjawab Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang ditubuhkan pada 17 November 1959 di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Apabila mengumumkan tanggungjawab kementerian itu dalam perutusan



Abdul Razak ketika belajar di London. Di kanan sekali ialah Abdul Aziz bin Haji Abdul Majid yang kemudiannya menjadi Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri.

pendek tahun barunya pada 26 Disember 1959 menerusi Radio Malaya ke seluruh negara, Abdul Razak menyatakan: "Dengan bertambah baiknya keadaan, Kerajaan Perikatan telah memutuskan untuk memberikan keutamaan paling tinggi dalam tanggungjawab memperbaiki kehidupan seluruh penduduk kampung.

"Matlamat Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang baru diwujudkan ialah untuk mengadakan asas ekonomi yang kukuh bagi para petani, bagi menjamin petani menerima sepenuhnya hasil dari tanah yang dikerjakan dan menikmati kemudahan kehidupan sebagai rakyat Malaya menyamai saudaranya di bandar."

Abdul Razak kemudiannya mengisytiharkan bahawa untuk mencapai matlamat dan cita-cita kerajaan itu dengan secepat mungkin, kerajaan akan menggunakan seluruh sumber yang ada padanya untuk digerakkan dengan penuh keazaman dan kekuatan seperti perjuangan membebaskan negara daripada keganasan komunis.

Abdul Razak kemudiannya mengambil tanggungjawab sepenuhnya melancarkan usaha membasmi kemiskinan dengan menggunakan strategi peperangan menentang komunis.

Ini dapat dilakukan oleh Abdul Razak kerana selain daripada pegawai-pegawai tempatan yang komited penuh kepada cita-citanya, Abdul Razak mempergunakan seorang bekas Pegawai Pentadbiran Tentera British (BMA) yang menyertai Perkhidmatan Awam Malaya bernama C. G. Ferguson untuk menyusun gerakan pembangunan luar bandar ala operasi tentera.[12]

Abdul Razak menjadikan Ferguson sebagai Timbalan Setiausaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar bagi membantu Mohammed bin Baba yang menjadi Ketua Setiausaha kementerian itu

Ferguson yang mempunyai pengalaman tentera telah membantu Abdul Razak membentuk Bilik Gerakan Pembangunan Luar Bandar yang lengkap dengan pangkalan, logistik, taktik dan strategi yang membolehkan Abdul Razak mengenali sasaran, merancang serangan dan mengesan kelemahan dengan cepat.

Setiap Bilik Gerakan mempunyai buku rancangan pembangunan berwarna merah yang dikenali sebagai Buku Merah. Tujuannya ialah untuk memberikan gambaran bahawa pembangunan luar bandar memerlukan rawatan darurat.

Abdul Razak dapat mengesan nadi pembangunan di seluruh negara di Bilik Gerakannya menerusi Buku Merah ini yang mengandungi maklumat penuh projek pembangunan setiap daerah dan lengkap dengan peta dan carta.

Seorang lagi pegawai bukan Melayu yang penuh dedikasi membantu Abdul Razak dalam kerja pembangunan luar bandar ini ialah Thong Yaw Hong. Beliau menyertai perkhidmatan kerajaan sejak awal lima puluhan atas galakan Abdul Razak yang ketika itu menjadi Menteri Besar Pahang. Abdul Razak tidak sahaja mengenali Thong tetapi juga keluarganya.

Thong telah dapat menghayati sepenuhnya hasrat dan cita-cita Abdul Razak kerana beliau berkhidmat dengan Abdul Razak secara langsung dan tidak langsung sejak awal kemerdekaan sehingga ke akhir hayat Abdul Razak. Bermula dengan jawatan Penolong Setiausaha Sekretariat Ekonomi Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1957 sehingga kepada jawatan Ketua Pengarah



Abdul Razak ***(dua dari kiri)*** *di majlis makan malam Persatuan Pelajar Malaya di London. Di kanan sekali, Lee Kuan Yew yang kemudian menjadi Perdana Menteri Singapura.*

Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri yang dipegangnya selama tujuh tahun.

Thong memandang tinggi dan amat menghormati Abdul Razak kerana "beliau benar-benar bekerja untuk rakyat, hidup dan matinya untuk rakyat, penuh dedikasi dan komitmen terhadap negara dan inilah pemimpin yang saya sanggup mati untuknya."

Menurut Thong konsep pembangunan Abdul Razak ialah mesti memberikan kesan yang menyeluruh dan berkekalan. Maka itu beliau memperkenalkan strategi Pembangunan Wilayah Bersepadu dengan setiap wilayah dipastikan mempunyai pusat pertumbuhan yang akan berkembang menjadi bandar.[13]

Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah ditubuhkan terbahagi kepada Pahang Tenggara (DARA), Johor Tenggara dan Terengganu Tengah.

Dua matlamat besar rancangan Pembangunan Luar Bandar ialah:

Pertama: Menjalankan rancangan kemajuan tanah yang terancang menerusi Lembaga Kemajuan Tanah dengan pemberian tanah kepada rakyat yang tidak bertanah dan yang memiliki tanah tetapi tidak mencukupi untuk mencari nafkah hidup. Rancangan ini dijalankan dengan kerjasama kerajaan-kerajaan negeri.

Kedua: Membangunkan kawasan luar bandar dengan pembinaan jalan, jambatan, bekalan elektrik dan air, balai raya, klinik, surau dan mengadakan lain-lain keperluan hidup mengikut peredaran zaman.

Berucap pada pembukaan Bilik Gerakan peringkat kebangsaan di Jalan Dato' Onn Kuala Lumpur yang dilakukan oleh Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman pada 4 September 1961, Abdul Razak berkata "Bilik ini akan menjadi pusat nadi segala rancangan kemajuan negara."

Beliau berharap dengan adanya Bilik Gerakan ini ketua-ketua pejabat, dan pegawai-pegawai kerajaan akan menumpukan sepenuh tenaga untuk menjayakan semua sekali rancangan-rancangan kemajuan negara.

"Bilik ini ialah tempat menentukan kemajuan negara kita, menentukan perkhidmatan, kemajuan serta kemakmuran bangsa dan negara kita," katanya.

Dari masa ke masa, Abdul Razak mengadakan mesyuarat di Bilik Gerakan ini dengan menteri-menteri, ketua-ketua pejabat dan pegawai-pegawai yang berkaitan dengan pembangunan bagi menyemak pencapaian rancangan dan bagi mengatasi masalah yang melambatkan kemajuan rancangan. Bilik gerakan menjadi senada dengan nama Tun Razak.

Komitmen, dedikasi dan obsesi Abdul Razak dengan pembangunan luar bandar masih diingati oleh pegawai-pegawai yang pernah bekerja dengannya dan juga wartawan-wartawan yang sering mengikuti lawatannya ke seluruh ceruk rantau tanah air untuk menemui rakyat bagi memastikan pegawai-pegawai kerajaan dan wakil-wakil rakyat menunaikan tanggungjawab mereka di samping beliau merasmikan projek-projek yang telah dijalankan.

Jadual lawatannya biasanya amat ketat, dari pagi hingga ke larut malam, dari kampung ke kampung beliau berucap dalam nada suara yang rendah tetapi menampakkan kesungguhannya untuk memberikan kesedaran kepada rakyat. Ucapannya tidak banyak berbeza antara satu tempat dengan satu tempat yang lain.[14]

Ke mana juga beliau pergi, Abdul



Rakan Abdul Razak yang paling karib sehingga ke akhir hayatnya ialah Taib Andak (Tan Sri) yang olehnya diberikan tanggungjawab penting dalam rancangan pembukaan tanah untuk rakyat di seluruh negara apabila beliau menjadi Menteri Pembanguan Negara dan Luar Bandar. Mereka bersama melalui zaman remaja yang riang dan manis ketika belajar di London.

Razak akan membawa tongkatnya yang juga boleh digunakan sebagai tempat duduk. Jika keletihan, beliau akan duduk di atas tongkat itu.

Dalam tahun 1962, Abdul Razak membuat lawatan sejauh 43000 batu menerusi jalan raya, kapal terbang, bot dan juga dengan berjalan kaki yang meliputi lawatan ke 45 Bilik Gerakan Negeri dan 118 bilik Gerakan Daerah di seluruh negara.[15]

Dalam tempoh sepuluh tahun sebagai Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, beliau mencelikkan lebih tiga juta orang dewasa yang buta huruf menerusi kelas-kelas pelajaran dewasa di seluruh negara dan membina tiga ribu buah sekolah di kampung-kampung.

Kelas pelajaran dewasa itu yang bermula dengan hanya 300 kelas dalam tahun 1961 telah meningkat kepada lebih 9000 kelas pada penghujung tahun 1962.

Atas desakan pelajar-pelajar kelas dewasa ini, Abdul Razak kemudiannya membuka kursus latihan agama dengan harapan menerusinya akan dapat menanam kepada rakyat kampung semangat ingin maju, sanggup bekerja dan hidup berbaik-baik di antara mereka dalam keadaan aman damai dan makmur.

"Agama kita menyuruh umat Islam menggunakan akal dengan sepenuhnya serta berusaha bersungguh-sungguh untuk hidup lebih berbahagia dan mulia di dunia dan juga di akhirat.

"Rakyat khasnya penduduk luar bandar mestilah mengubah falsafah hidup, cara berfikir dan cara-cara perusahaan sendiri sekira-kira boleh sesuai dengan peredaran zaman dan keadaan zaman pembangunan," katanya.[16]

Sementara masih sibuk dengan tugas utamanya untuk membawa perubahan kepada rakyat di luar bandar, Abdul Razak menghadapi tugas baru untuk membantu Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman menjayakan penubuhan negara baru Malaysia berikutan pengumuman yang dibuat oleh Tunku secara mengejut tentang gagasan itu di jamuan Persatuan Wartawan Asing Asia Tenggara di Singapura pada 17 Mei 1961.

Abdul Razak sendiri pada mulanya meragukan konsep Malaysia ini "kerana dirasakan mungkin akan disalahmengertikan oleh banyak orang sebagai gagasan British untuk mengekalkan pengaruh ekonomi di kawasan di mana kuasa pertautan mereka dengan tanah jajahan hampir lupus."[17]

Walau bagaimanapun Abdul Razak kemudiannya memainkan peranan penting menerusi Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia yang bertanggungjawab meninjau pendapat, memberi penerangan, mengadakan perbincangan dan seterusnya merealisasikan penubuhan Malaysia.

Abdul Razak bertindak sebagai penasihat Perdana Menteri dalam rundingan dengan pihak British berhubung dengan gagasan itu yang melibatkan Sabah, Sarawak, Singapura dan Brunei.

Beliau menjadi Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Cobold yang merupakan jawatankuasa antara kerajaan yang bertanggungjawab bagi menyusun cadangan perlembagaan Malaysia yang dapat diterima oleh semua pihak. Tugas Suruhanjaya Cobold ialah meninjau kehendak kaum tempatan di Sarawak dan Borneo Utara mengenai penubuhan Malaysia.

Beberapa siri rundingan diadakan di London yang membawa kepada penandatanganan persetujuan di London



***Dari kanan**: Abdul Razak, Tuanku Ahmad Shah (Sultan Pahang) dan Tuanku Jaafar ibni Tuanku Abdul Rahman (Yang di-Pertuan Agong ke-10), di London 1948.*

pada 8 Julai 1963 antara Malaysia, Singapura, Sarawak dan Sabah serta wakil kerajaan British bagi penubuhan Malaysia pada 31 Ogos 1963.

Abdul Razak mengetuai rombongan Malaysia dalam rundingan ini dan setelah mencapai kejayaan beliau memanggil Tunku Abdul Rahman ke London untuk menandatangani perjanjian itu.

Walau bagaimanapun gagasan ini telah ditentang dari awal lagi oleh Indonesia dengan presidennya, Sukarno menyifatkan Malaysia sebagai gagasan neokolonialis dan di samping itu pula Filipina di bawah Presiden Macapagal menuntut Sabah sebagai wilayahnya. Presiden Sukarno mengisytiharkan di Jakarta pada 13 Februari 1962, Malaysia mesti dihancurkan.

Abdul Razak cuba mencari penyelesaian menerusi rundingan dengan Menteri Luar Indonesia, Subandrio dan Menteri Luar Filipina dalam pertemuan di Manila pada 7 hingga 11 Jun 1963.

Pertemuan ini mencadangkan jalan keluar dengan penubuhan Maphilindo bagi kerjasama politik dan ekonomi antara negara-negara rumpun Melayu. Cadangan ini diterima oleh Persidangan Puncak antara ketua tiga negara iaitu Tunku Abdul Rahman dari Malaysia, Presiden Sukarno dari Indonesia dan Presiden Filipina Macapagal yang diadakan di Manila dari 31 Julai hingga 5 Ogos 1963. Walau bagaimanapun rancangan ini gagal apabila Presiden Sukarno berdolak-dalik terhadap persetujuan awal untuk menerima keputusan pemerhati Bangsa-Bangsa Bersatu yang meninjau pendapat rakyat Sabah dan Sarawak bagi penyertaan dalam Malaysia.

Pada 15 Disember 1963, Indonesia mengisytiharkan tidak mengiktiraf Malaysia yang telahpun dilahirkan secara rasmi pada 16 September 1963. Hubungan Malaysia-Indonesia putus dengan perisytiharan Malaysia.

Berikutan dengan itu, pemerintah Indonesia menghantar sukarelawan bersenjatanya menyusup ke Malaysia. Serangan paling kejam yang mereka lakukan ialah di Kalabakan dekat Tawau, Sabah yang membunuh lapan orang Askar Melayu dari Batalion Ketiga dalam bulan Disember 1963.

Apabila ini berlaku, yang paling kecewa dan sedih ialah Abdul Razak kerana beliaulah pemimpin pertama Malaya yang menandatangani Perjanjian Persahabatan dengan Indonesia bersama dengan Perdana Menteri Indonesia Dr. Djuanda di Kuala Lumpur pada 16 April 1959. Ketika itu beliau menjadi Perdana Menteri kerana Tunku Abdul Rahman bercuti sementara untuk membuat persiapan menghadapi pilihan raya kebangsaan.

Abdul Razak tidak sahaja berada di barisan hadapan di bidang keselamatan dan pertahanan untuk menghadapi Konfrontasi Indonesia tetapi juga dalam usaha diplomatik untuk mendapat sokongan antarabangsa dan bagi mencari perdamaian dengan Indonesia.

Pada awal 1965, beliau mengetuai rombongan Malaysia ke negara-negara Afrika; Habsyah, Somalia, Kenya, Tanzania, Uganda, Maghribi dan Mesir dan menemui pemimpin negara-negara itu bagi membersihkan semua tuduhan yang dibuat oleh Indonesia terhadap Malaysia.

Tugas Abdul Razak ini menjadi lebih mudah kerana beliau telahpun mempunyai hubungan peribadi yang rapat dengan kalangan tentera dan awam yang anti-Sukarno dan antikomunis di Indonesia. Antara yang menentang



Sebagai pelajar di London.



Abdul Razak, 28 tahun selepas diterima menjadi peguam di London dalam tahun 1950. Beliau hanya mengambil masa 18 bulan untuk lulus peperiksaan akhir undang-undang pada April 1949 dari Lincoln's Inn, London.
Abdul Razak merupakan anak Melayu dari Pahang yang pertama mendapat biasiswa Malayan Union untuk mempelajari undang-undang di London setelah lebih 70 tahun pemerintahan British.

Konfrontasi ialah Angkatan Bersenjata Republik Indonesia (ABRI). Mereka inilah yang secara sulit membantu Abdul Razak dalam usaha mencari perdamaian dengan Indonesia dan bagi mendapatkan maklumat tentang keadaan sebenar di Indonesia.

Di antara kawan Abdul Razak yang paling rapat ialah Des Alwi anak angkat kepada seorang nasionalis Indonesia, Sutan Shahrir yang dikenali oleh Abdul Razak sejak masih menuntut di London di akhir tahun 40-an.

Kebetulan semasa Konfrontasi dilancarkan, Des Alwi yang anti-Sukarno sedang berada di bawah perlindungan politik di Malaysia. Des Alwi yang juga kenal rapat dengan Tunku Abdul Rahman dan Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri, Ghazali Shafie banyak memainkan peranan dalam mengatur pertemuan sulit antara pihak Malaysia dengan Indonesia dalam usaha untuk perdamaian kedua-dua negara.

Seorang pegawai tinggi tentera Indonesia, Mejar Benny Moerdani yang aktif dalam misi sulit dengan Malaysia dalam masa Konfrontasi memberitahu bahawa kejujuran Abdul Razak dalam mempercayai semua mesej yang disampaikannya menerusi mulut dan surat telah banyak membantu, memudah dan mempercepatkan perdamaian antara Malaysia dengan Indonesia.[18]

"Razak jujur sekali, sikapnya optimistik, terbuka dan sangat percaya pada saya, semua mesej yang saya sampaikan dengan mulut atau surat dia terima, dia terima saya pada kulitnya. Dia menerima saya pada zahirnya," kata Moerdani.

Pertemuan sulit di peringkat pegawai dan menteri dalam masa Konfrontasi berlaku kebanyakannya di Hong Kong dan Bangkok.

Konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia yang berjalan selama tiga tahun telah diisytiharkan tamat oleh Presiden Suharto sebaik sahaja beliau mengambil alih kuasa daripada Presiden Sukarno pada 11 Mac 1966 berikutan dengan gagalnya pemberontakan komunis.

Suharto segera menyatakan hasrat Indonesia untuk berunding mencari perdamaian dengan Malaysia dan sebagai tanda niat baik beliau menghantar suatu misi tentera Indonesia yang diketuai oleh Laksamana Syaaf untuk menemui Tunku Abdul Rahman dan Abdul Razak.

Pendaratan Hercules di lapangan terbang Subang pada 27 Mei 1966 yang membawa misi ini dalam keadaan Konfrontasi belum tamat secara rasmi adalah merupakan peristiwa menggemparkan dan paling dramatik dalam babak terakhir Konfrontasi yang dengan sekali gus menimbulkan suasana perdamaian, kemeriahan dan keyakinan dalam perasaan rakyat di seluruh negara.

Di bandar Alor Setar ribuan rakyat berbaris di kiri kanan jalan mengalu-alukan ketibaan rombongan ini yang tiba dengan kapal terbang dari Kuala Lumpur setelah mereka lebih dahulu menemui Abdul Razak di kediamannya untuk mengunjungi pula Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman di rumahnya di tepi sungai di Mergong, Alor Setar.

Kunjungan ini yang hanya sehari suntuk telah meninggalkan kesan sejarah yang mendalam hingga ke hari ini di hati sanubari rakyat Malaysia yang telah melalui era Konfrontasi.[28]

Mengenai rombongan ini, Mejar Jeneral Moerdani memberitahu perbincangan telah timbul siapa yang harus pergi dan datang untuk menunjukkan hasrat perdamaian tetapi akhirnya Indonesia memutuskan sebagai abang, Indonesia yang mesti datang ke Malaysia kerana Indonesia yang melancarkan Konfrontasi.[19]



Abdul Razak ***(berdiri di kiri sekali)*** *bersama pelajar Malaya dan Indonesia dalam tahun 1948. Des Alwi* ***(berdiri di tengah)*** *yang menjalin persahabatan dengan Abdul Razak sejak semasa belajar di London, kemudian mendapat perlindungan politik di Malaysia semasa Konfrontasi dan menjadi agen bagi negara ini, khususnya pada Abdul Razak.*
Berdiri antara Des Alwi dan Abdul Razak ialah Mohd Khir Awang, bekas Pegawai Kewangan Negeri Kedah.

"Jika Malaysia yang datang menemui Indonesia, seolah-olah Malaysia mengaku kalah dan menyerah diri."

Sebelumnya, Abdul Razak ketika melawat Sarawak pada 18 Mei 1966 telahpun menerima sepucuk kawat dari Adam Malik mengenai arahan Suharto untuk memulakan langkah ke arah mencari perdamaian dengan Malaysia.

Empat hari selepas kunjungan mengejut misi perdamaian Indonesia ke Malaysia, pertemuan wakil Malaysia yang diketuai oleh Abdul Razak dan Indonesia yang diketuai oleh menteri luarnya Adam Malik diadakan di Bangkok pada 31 Mei 1966. Dalam pertemuan inilah, Indonesia secara rasmi mengiktiraf Malaysia sebagai sebuah negara merdeka.

Berikutnya Abdul Razak yang telah menandatangani perjanjian persahabatan yang pertama dengan Djuanda pada 17 April 1959 telah mengetuai suatu rombongan muhibah Malaysia ke Indonesia dan menandatangani perjanjian perdamaian dengan Indonesia di Jakarta pada 11 Ogos 1966 yang menamatkan dengan rasminya Konfrontasi yang telah berjalan selama tiga tahun.

Sejak itu, Abdul Razak menjadi kawan yang paling akrab, disayangi dan dihormati oleh Presiden Suharto, Adam Malik, Jeneral Ali Moertopo, Moerdani, Panggabean dan lain-lain.

Walaupun Konfrontasi telah mendorongkan perpaduan rakyat Malaysia pelbagai kaum untuk memberikan sokongan besar kepada Perikatan dalam pilihan raya 1965 tetapi bibit perkauman yang ditanam oleh Singapura menerusi konsep *Malaysian Malaysia* telah memecahbelahkan rakyat sekalipun Singapura berada dalam Malaysia hanya dalam jangka masa yang pendek.[20]


Rusuhan perkauman lebih dahulu tercetus di Singapura pada 21 Julai 1964 ketika Singapura masih berada di Malaysia yang menyebabkan Abdul Razak terpaksa berkejar ke pulau itu dan melawat ke kawasan-kawasan Melayu untuk menenangkan keadaan.

Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew menuduh pemimpin-pemimpin UMNO dari Kuala Lumpur menyebabkan tercetusnya pergaduhan kaum itu dengan mengapikan perasaan anti orang Cina. Tetapi sekembalinya ke Kuala Lumpur dari meninjau rusuhan di Singapura pada 22 Julai 1964, Abdul Razak memberitahu pergaduhan itu tidak bersangkut-paut dengan soal perkauman sebaliknya suatu perarakan maulud nabi di Singapura yang berjalan dengan aman damai menuju ke lorong 12 Geylang dari Esplanade tiba-tiba dilemparkan dengan botol oleh seorang yang nakal.

"Botol itu telah kena pada orang Melayu yang sedang berarak itu dan daripada kejadian inilah tercetusnya pergaduhan itu."[21] Rusuhan ini menyebabkan lapan orang terbunuh, 341 orang cedera dan 157 orang ditangkap.

Dalam satu ucapannya di Melaka pada 19 Julai 1965 menjelang penyingkiran Singapura, Abdul Razak menyatakan banyak kegelisahan telah timbul sejak Parti Tindakan Rakyat Singapura (Petir atau PAP) yang dipimpin oleh Lee Kuan Yew dibenarkan memasuki gelanggang politik negara ini.[22]

Apabila mengunjungi rakyat di beberapa pulau kecil Singapura pada 25 Julai 1965, Abdul Razak sekali lagi mengecam kerajaan Petir Singapura kerana membuat tuduhan yang amat jahat bahawa kerajaan Malaysia sekarang dikuasai oleh orang Melayu.



Abdul Razak berpakaian Melayu di majlis pembukaan Malaya Hall di London pada 9 September 1949. Duduk di kirinya, Sultan Ibrahim dari Johor dan Duchess of Kent.

"Pihak orang Melayu telah melonggarkan syarat-syarat kerakyatan kepada bangsa asing dan bersedia menerima kaum lain mempunyai hak yang sama dalam negeri ini tetapi sekarang Petir menuduh kita hendak membentuk sebuah Malaysia yang berbentuk Melayu dan kerajaan pusat sekarang sebenarnya dikuasai oleh orang Melayu sahaja."[23]

Apabila Singapura disingkirkan dari Malaysia pada 9 Ogos 1965, ia meninggalkan DAP jelmaan dari PAP untuk meneruskan kempen *Malaysian Malaysia* yang memarakkan api perkauman sehingga sampai ke kemuncaknya pada pilihan raya 1969 dengan peningkatan kerusi kemenangan kepada parti-parti pembangkang yang memainkan isu perkauman.

Suasana menjadi genting dan runcing kerana Perikatan kalah kepada Parti Gerakan Rakyat di Pulau Pinang, tidak dapat membentuk kerajaan di Selangor kerana kemenangan kerusi yang sama banyak dengan pembangkang dan hanya memenangi 19 daripada 40 kerusi Dewan Undangan Negeri di Perak.

Keghairahan kerana kemenangan ini di Kuala Lumpur sampai kepada peringkat penyokong-penyokong DAP meneriakkan "Melayu balik kampung" di kawasan kediaman Melayu dalam perarakan-perarakan kemenangan.

Hal ini dengan mudah membakar perasaan orang Melayu yang berada dalam kebimbangan akan kehilangan kuasa di Perak dan Selangor. Mereka bangkit dan merusuh di Kuala Lumpur pada 13 Mei 1969. Abdul Razak bertindak segera mengarahkan polis dan tentera supaya mengambil langkah mencegah rusuhan itu daripada merebak ke seluruh negara dengan mengenakan perintah berkurung di ibu negara.

Pada hari kedua peristiwa itu, keadaan darurat diisytiharkan di seluruh negara dan Abdul Razak bersama dengan pegawai-pegawai tentera dan polis dan pegawai-pegawai awamnya telah melawat ke kawasan yang terlibat.

Beliau mengarahkan Timbalan Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Thong Yaw Hong supaya membantu Menteri Tugas-tugas Khas, Tan Siew Sin mendapatkan bantuan bekalan makanan seperti beras, gula, susu, ikan sardin dan sebagainya untuk dihantar ke Kampung Baharu, Kampung Pandan, Datuk Keramat dan lain-lain kawasan di sekitar Kuala Lumpur yang terputus bekalan makanan. Bekalan ini telah didapati dari syarikat-syarikat dan kedai-kedai perniagaan.

Atas arahan Abdul Razak, Tan Siew Sin menukarkan Unit Perancang Ekonomi kepada Bilik Gerakan Kebangsaan untuk menjalankan kerja-kerja memulihkan Peraturan Awam; memastikan Pelabuhan Klang beroperasi seperti biasa dan memulihkan perkhidmatan kereta api.

Perisytiharan darurat diikuti serentak dengan penggantungan Parlimen dan Dewan Negeri serta penubuhan Majlis Gerakan Negara dengan Abdul Razak sebagai pengarahnya mulai 17 Mei 1969 untuk mengembalikan keamanan dan ketenteraman.

Peristiwa berdarah yang menghitamkan sejarah negara ini telah mengorbankan lebih 300 orang dan mencederakan kira-kira 1000 orang.

Sebelum berlakunya peristiwa ini, sejak 1967 Abdul Razak telahpun menghadapi tekanan dari berbagai-bagai pihak, dari dalam parti, kalangan birokrat Melayu, pegawai-pegawai tinggi tentera dan polis, ahli-ahli akademik dan pelajar institusi-institusi pelajaran tinggi dan kalangan intelektual



Persandingan Abdul Razak dan Rahah di majlis perkahwinan di rumah ayahnya Mohd. Noah di Jalan Wadi Hana, Johor Bahru pada 4 September 1952.

Melayu supaya beliau mengambil alih jawatan Perdana Menteri dari Tunku Abdul Rahman. Sebab utama yang mendorong desakan ini ialah Tunku dilihat terlalu banyak berkompromi dalam dasar nasional dan dasar itu tidak dilaksanakan dengan sewajarnya.

Walau bagaimanapun Abdul Razak memberitahu setiausaha peribadinya Zakaria bin Ahmad "Saya tidak boleh buat begitu kepada Tunku, Tunku kawan lama. Kami belajar bersama di London dan saya selalu menggunakan biliknya. Saya juga selalu meminjam wang darinya.[24]

"Saya tidak boleh memaksa Tunku berhenti, saya tidak mahu menjadikannya satu *precedent*.

"Awak pergilah beritahu Tunku, kalau Tunku tak mahu letak jawatan, biarlah saya yang letak jawatan."

Abdul Razak juga pernah memberitahu Setiausaha Parlimennya Michael Chen tentang adanya desakan supaya beliau mengambil alih jawatan daripada Tunku tetapi Abdul Razak berkata "Saya tidak akan membiarkan diri saya berbuat demikian. Ini bukanlah cara orang Melayu. Jika kita orang kedua maka kita hendaklah memainkan peranan sebagai orang kedua."[25]

Abdul Razak penuh percaya manusia hanya boleh merancang dan Tuhan yang menyempurnakannya.

Abdul Razak menyedari desakan supaya beliau menggantikan Tunku sejak beberapa tahun sebelum Peristiwa 13 Mei mewakili sentimen Melayu di seluruh negara yang hilang keyakinan terhadap masa depan mereka. Tetapi dalam keadaan beliau boleh berbuat demikian pun, beliau terus menunjukkan kesetiaan kepada Presiden UMNO dan Perdana Menterinya, Tunku Abdul Rahman.

Apabila Tunku memberi kata dua kepada Majlis Kerja Tertinggi UMNO pada 12 Julai 1969 "pilih saya atau Mahathir" kerana tersinggung dengan sepucuk surat Mahathir yang dianggapnya sebagai memusnahkan seluruh nilai pengorbanannya kepada negara, Abdul Razak telah memilih Tunku.

Dengan kedudukannya pada masa itu sebagai Pengarah Majlis Gerakan Negara yang mendapat sokongan semua pihak, Abdul Razak boleh mempengaruhi mesyuarat itu untuk membuat keputusan popular bagi kepentingan dirinya tetapi beliau memilih kesetiaan dan kepentingan negara.

Abdul Razak hanya mengambil alih jawatan Perdana Menteri dari Tunku Abdul Rahman pada 22 September 1970 setelah Tunku sendiri bersetuju untuk mengundurkan diri bagi menjadi Setiausaha Agung Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Abdul Razak sendiri telah menjalankan usaha diplomatik bagi menempatkan Tunku ke jawatan itu yang beribu pejabat di Jeddah semasa beliau menghadiri persidangan penubuhan OIC di Jeddah dalam tahun 1970.[26]

Beliau sebagai Pengarah MAGERAN memberikan komitmen Malaysia untuk mencari seorang yang layak bagi menjadi setiausaha agung pertubuhan itu dan juga bagi membiayai sewa pejabat dan gaji pegawai dan kakitangannya.

Sebelum membawa negara kembali kepada demokrasi pada 23 Februari 1971, Abdul Razak telah bekerja keras siang dan malam bagi menyediakan asas yang kukuh untuk memastikan Peristiwa 13 Mei tidak akan berulang lagi.

Beliau menubuhkan Majlis Perundingan Negara pada bulan Januari 1970 bagi menggantikan peranan Parlimen





Abdul Razak di awal tahun 50-an.



Bersama isterinya Rahah semasa tinggal di Kuala Lipis sebagai Penolong Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang.

untuk membincangkan secara tertutup masalah yang dihadapi oleh negara dan bagi mencari formula ke arah penyelesaiannya dan perdamaian abadi masyarakat majmuk.

Selain daripada pihak kerajaan, semua parti pembangkang kecuali DAP dan tokoh-tokoh masyarakat, pemimpin kesatuan sekerja, pemimpin agama dan juga kalangan profesional diwakili dalam majlis perundingan itu.

Majlis itu mencapai konsensus untuk kembali kepada demokrasi dengan kesanggupan untuk mengetepikan hak mempersoalkan persetujuan bersama yang telahpun termaktub dalam perlembagaan iaitu Hak Istimewa Orang Melayu dan Bumiputera, kedudukan Raja-raja Melayu, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan agama Islam sebagai agama rasmi dan hak kerakyatan bukan Melayu.

Akta Sensitif mengawal kebangkitan semula semua isu ini di samping Rukun Negara yang berasaskan keyakinan kepada Tuhan dan Kesetiaan kepada Negara diisytiharkan sebagai ideologi negara.[27]

Kembalinya Malaysia ke demokrasi setelah 20 bulan berada di bawah pemerintahan MAGERAN adalah di luar dugaan rakyat dan juga dunia luar yang menganggap demokrasi sudah berkubur di Malaysia dan negara ini akan terus berada di bawah kuasa autoritarian.

Tetapi Abdul Razak sendiri sebenarnya sering mengingatkan ahli-ahli Majlis Gerakan Negara bahawa"saya berada di sini kerana dipilih oleh rakyat dan kita mesti kembali kepada rakyat."[28]

Beliau juga memberitahu tidak berhasrat untuk memanjangkan pemerintahan MAGERAN walau sehari pun dan menyesali berlakunya Peristiwa 13 Mei yang dianggapnya sebagai tragedi nasional.[29]

Beliau memberitahu Persidangan Parlimen yang pertama selepas negara kembali kepada demokrasi pada 23 Februari 1971: "Saya sentiasa memikir dan menjalankan berbagai-bagai usaha untuk memulihkan keadaan dan suasana di dalam negara ini seperti sedia kala supaya dapatlah diadakan semula persidangan Parlimen di mana ahli-ahli Yang Berhormat dapat melaksanakan tugas masing-masing sebagai wakil-wakil rakyat."

Di persidangan Parlimen ini Abdul Razak mengemukakan pindaan dalam Fasal 2 Rang Undang-Undang Artikel 10 dalam Perlembagaan untuk mencegah sesiapa jua pun membuat kenyataan yang boleh menyentuh perasaan sensitif kaum-kaum yang ada di negara ini.

Abdul Razak berkata, "Kekacauan bulan Mei 1969 merupakan satu detik hitam dalam sejarah negara kita tetapi dengan izin Allah, kita telah merancang dasar-dasar dan mengambil tindakan yang tegas dan berkesan untuk menyelamatkan bangsa dan negara kita daripada terjerumus ke dalam gaung yang dalam.

Sungguhpun pada hari ini keadaan dan suasana pada umumnya telah pulih seperti sedia kala tetapi tidak sayugia kita melupakan pengajaran dan pengalaman yang telah kita perolehi daripada kejadian 13 Mei."[30]

Abdul Razak mengemukakan dasar ekonomi paling radikal yang dikenali sebagai Dasar Ekonomi Baru yang mempunyai serampang dua mata iaitu:

Pertama: Membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum.

Kedua: Menyusun semula masyarakat Malaysia dengan tujuan menghapuskan sama sekali perbezaan kaum dengan identiti fungsi ekonomi.[31]



Ketampanan yang memperlihatkan ketokohannya sebagai seorang keturunan bangsawan jelas dalam gambar ini. Abdul Razak dalam pakaian rasmi Orang Kaya Indera Shahbandar melangkah gagah sebagai Pemangku Menteri Besar Pahang ***(kanan sekali)*** *mengiringi Sultan Pahang, Abu Bakar untuk menghadiri Majlis Mesyuarat Negeri Pahang. Beliau memangku jawatan tersebut selama enam bulan bagi menggantikan Tengku Mohamad ibni Sultan Ahmad mulai dari 2 Februari 1955.*

Serentak dengan itu, Abdul Razak mengarahkan agar segera diwujudkan perimbangan dalam kemasukan pelajar luar bandar ke Universiti Malaya dan Maktab Teknik Kuala Lumpur yang selama ini lebih mengutamakan pengambilan pelajar bandar yang terdiri daripada bukan Melayu.

Pada tahun 1970 bilangan siswazah Melayu dalam Fakulti Sains hanya 20 orang daripada 493 orang, seorang daripada 71 orang dalam Fakulti Kejuruteraan, 15 orang daripada 40 orang dalam Fakulti Pertanian dan hanya 4 orang daripada 60 orang dalam Fakulti Perubatan.[32]

Kata Abdul Razak, "Nyatalah keadaan ini sangatlah tidak adil dan tidak diingini untuk kepentingan negara."

Perubahan paling radikal untuk membetulkan keadaan ini berlaku di Maktab Teknik Kuala Lumpur apabila seorang jurutera Melayu Ainuddin Wahid yang ditukarkan dari Jabatan Kerja Raya menjadi pengetua maktab itu telah menukarkan nisbah pengambilan anak Melayu dari hanya 52.7% kepada 91.2% bagi sesi 70/71. Beliau telah menghapuskan syarat kredit Bahasa Inggeris berasaskan bahawa Malaysia telah merdeka selama 13 tahun.[33]

Penambahan juga berlaku dalam penghantaran pelajar Melayu ke luar negara menerusi biasiswa kerajaan dan juga di bawah Rancangan Colombo dan lain-lain saluran.

Untuk mengatasi masalah pengangguran, Abdul Razak menubuhkan Pusat Belia Dusun Tua yang memberikan latihan kerja dan disiplin ala tentera kepada belia-belia dalam semua lapangan tenaga kerja yang diperlukan oleh negara.

Jawatan Penjaga Letak Kereta diwujudkan di bandar raya Kuala Lumpur dan diikuti oleh bandar-bandar besar lainnya di seluruh negara.

Di samping itu Abdul Razak menyeru orang kampung supaya berhijrah beramai-ramai ke bandar-bandar untuk menceburkan diri dalam lapangan perniagaan dan perusahaan.

Katanya, "Ini adalah mustahak untuk memperseimbangkan kedudukan ekonomi berbagai-bagai kaum di negeri ini."

"Selagi orang Melayu di luar bandar bercucuk tanam, orang Cina memenuhi bandar kerana berniaga dan orang India sebagai pekerja di ladang maka selama itulah perimbangan ekonomi antara kaum tidak dapat diwujudkan," kata Abdul Razak di mesyuarat agung perwakilan UMNO Bahagian Pekan pada 1 Mei 1971.

Berikutan dengan seruan dan juga langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan, selepas Peristiwa 13 Mei, perkampungan Melayu timbul di sekitar Kuala Lumpur. Antaranya Kampung Konggo (sekarang dikenali dengan nama Bandar Tun Razak), Kampung Kerinchi, Sungai Penchala dan juga di sekitar Sungai Besi.

Orang Melayu juga mengisi rumah-rumah pangsa yang selama ini hanya diduduki oleh bukan Melayu. Antaranya ialah di rumah pangsa Jalan San Peng dan Jalan Pekeliling (sekarang Jalan Tun Razak).

Penjaja-penjaja kecil Melayu tumbuh seperti cendawan di kawasan bandar raya Kuala Lumpur terutama di kawasan pasar Jalan Chow Kit yang selama ini hanya dipenuhi oleh orang bukan Melayu. Seorang keluarga diraja Negeri Sembilan, Tunku Muhiyiddin bin



Abdul Razak dalam misi merdeka parti Perikatan di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman untuk mengadakan perundingan dengan kerajaan British bagi kemerdekaan Malaya pada 18 Januari 1956. Rombongan ini berjaya mendapatkan tarikh kemerdekaan Malaya pada 31 Ogos 1957.
Dari kiri: *Abdul Razak, Kolonel H.S. Lee, T.H. Tan, Tunku Abdul Rahman Putra dan Dr. Ismail bin Abdul Rahman.*

Tunku Sulaiman muncul sebagai juara bagi membela dan menyelesaikan masalah penempatan, pelesenan dan tekanan yang dihadapi oleh peniaga-peniaga kecil Melayu.

Beliau menubuhkan Persatuan Peniaga-peniaga Kecil Melayu Wilayah Persekutuan dan menjadi Yang Dipertuanya yang agresif dan berani bagi penempatan penjaja Melayu. Beliau diketahui mendapat perlindungan dan sokongan daripada Abdul Razak.

Kebanyakan peniaga kecil Melayu pada masa itu ialah penjaja minuman, makanan, pakaian dan juga penjual ikan dan sayur-sayuran. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur membantu menyediakan tempat dan juga mendirikan gerai-gerai bagi mereka.

Langkah ini diikuti dengan penubuhan beberapa institusi untuk mengatasi masalah kesukaran peniaga runcit Melayu mendapat bekalan barangan, pemasaran hasil pertanian, eksploitasi harga barangan terutama beras dan minyak petrol dan juga bagi melatih tenaga kerja mahir dan separuh mahir.

Terdapat juga institusi yang ditubuhkan dengan visi untuk membantu penyertaan orang Melayu dalam syarikat-syarikat besar di Kuala Lumpur dan juga dalam perusahaan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Antara institusi-institusi yang menjadi jentera penggerak kepada Dasar Ekonomi Baru terdiri daripada PERNAS, UDA, MNI, MARA, Bank Bumiputra, MIDA, FAMA, LPN, Tabung Haji, dan Petronas.

Abdul Razak juga mengarahkan supaya langkah diambil segera bagi menubuhkan Universiti Kebangsaan Malaysia. Untuk tujuan itu Menteri Besar Selangor Harun Idris segera memberikan tanah seluas 2300 ekar berhampiran pekan Bangi, kira-kira 18 batu dari bandar Kuala Lumpur.

Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman dan Menteri Pelajaran Mohd Khir Johari tidak begitu ghairah dengan cadangan penubuhan UKM.


Idea untuk menubuhkan universiti itu timbul di kalangan intelektual Melayu yang mengadakan satu perjumpaan di Dewan Bahasa dan Pustaka sebelum pilihan raya 1969 berikutan dengan adanya ura-ura untuk meningkatkan taraf Kolej Tunku Abdul Rahman anjuran MCA kepada universiti yang akan dikenali dengan nama Universiti Merdeka.

Menurut Profesor Bakar Hamid, salah seorang daripada 50 orang intelektual Melayu yang menghadiri perjumpaan itu dan menjadi ahli jawatankuasa penajanya, tanpa sokongan Tun Razak universiti itu tidak akan wujud. Seorang aktivis pelajar yang kemudiannya menjadi pemimpin negara, Anwar Ibrahim juga mempunyai pendapat yang sama.[34]

Abdul Razak tidak menunjukkan sokongan secara terbuka tetapi beliau mengadakan pertemuan beberapa kali dengan jawatankuasa penaja UKM dan telah memberikan bantuan wang RM5,000 bagi perbelanjaan mengadakan Kongres Universiti Kebangsaan di Universiti Malaya pada 15 Mac 1969. Perjumpaan inilah yang memutuskan supaya ditubuhkan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Di bawah Abdul Razak, negara tidak sahaja melihat dasar ekonomi dan sosial yang radikal tetapi juga Dasar Luar Malaysia yang progresif, keluar dari bayangan pro-Barat, bebas dan berkecuali.

Abdul Razak mempamerkan dasar



Misi Merdeka gabungan yang terdiri daripada perwakilan Perikatan dan perwakilan Raja-raja Melayu. Dari kiri ke kanan ialah Nik Ahmad Kamil, Dr Ismail Abdul Rahman, Abdul Wahab (Datuk Panglima Bukit Gantang), Tunku Abdul Rahman, Mohd Seth Mohd Said, H.S. Lee, Abdul Aziz Majid, Abdul Razak. Di belakang ialah T.H. Tan dan Abdul Kadir Shamsuddin.

ini tidak sahaja dengan ucapan dan kenyataan tetapi juga dengan tindakannya membawa Malaysia menjadi anggota kumpulan negara-negara berkecuali dan mengadakan hubungan diplomatik dengan negara-negara yang mengiktiraf kedaulatan Malaysia tanpa mengira perbezaan politik dan ideologi negara.

Menyedari hakikat bahawa Malaysia bersempadan lima negara dan untuk mengelakkan berulang lagi konfrontasi dengan mana-mana negara jiran, Abdul Razak memikirkan suatu ikatan kerjasama sepatutnya diwujudkan bagi mencari penyelesaian secara perundingan jika timbul sebarang masalah dan juga bagi kerjasama pembangunan ekonomi.

Abdul Razak tidak mahu peristiwa Konfrontasi berulang lagi. Maka itu, Abdul Razak mengambil inisiatif meluaskan konsep ASA (*Association of South East Asia*) yang dicetuskan oleh Tunku Abdul Rahman dalam tahun 1960 dengan anggotanya terdiri daripada Malaysia, Thailand dan Filipina kepada ASEAN (*Association of South East Asian Nations*).

ASEAN diisytiharkan penubuhannya di Bangkok pada 8 Ogos 1969 dengan dianggotai oleh Indonesia, Malaysia, Singapura, Thailand dan Filipina.

Sepuluh bulan selepas menjadi Perdana Menteri, Abdul Razak membawa Menteri Luar ASEAN ke Kuala Lumpur untuk menandatangani Perisytiharan Asia Tenggara sebagai kawasan aman, bebas dan berkecuali pada 27 November 1971.

Dalam ucapannya di upacara menandatangani perisytiharan itu, Abdul Razak berkata, "Penerimaan perisytiharan ini oleh negara-negara yang mewakili hampir 200 juta orang, memberikan pengertian terhadap pentingnya langkah usaha kita untuk menjamin suatu era baru perdamaian dan kestabilan di Asia Tenggara.

"Yang terpenting sekali ialah perisytiharan ini menunjukkan keazaman kita untuk menentukan nasib kita sendiri bagi menjamin kemerdekaan dan maruah nasional."

Abdul Razak juga mengadakan lawatan ke negara-negara komunis dan sosialis dan ke negara-negara dunia ketiga tetapi lawatannya yang paling dramatik ialah ke negara China Komunis selama enam hari mulai pada 28 Mei 1974. Beliau mengadakan pertemuan dengan pengerusi negara itu Mao Zedong dan perdana menterinya Zhou Enlai dan kedua-dua pihak kemudiannya menandatangani persetujuan menubuhkan hubungan diplomatik sekalipun masih terdapat kegiatan pengganas komunis yang disokong oleh China Komunis di Malaysia. Ini menjadikan Malaysia negara Asia Tenggara yang pertama mengadakan hubungan diplomatik dengan China Komunis.

Tindakan Abdul Razak ini memberikan kemenangan moral yang besar kepadanya dan kepada parti Barisan Nasional yang dipimpinnya kerana ia melumpuhkan moral Parti Komunis Malaya yang selama ini tidak mengiktiraf kemerdekaan Malaysia dan membangkitkan sentimen masyarakat Cina di Malaysia untuk memberikan sokongan besar kepada Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum 1974.

Di barisan depan politik, berasaskan kepada pengalaman dan pemerhatiannya kepada kerjasama dan persefahaman yang boleh dicapai menerusi Majlis Perundingan Negara dalam masa Parlimen digantung, Abdul Razak telah mengambil langkah yang lebih besar dengan menubuhkan kerajaan campuran di Perak, Pulau Pinang, Kelantan dan Kedah di peringkat negeri dan di Pusat antara Perikatan, PAS, PPP dan Gerakan.



Abdul Razak dan delegasi kemerdekaan Malaya bersama Menteri Kolonial British, Alan Lennox-Boyd semasa Persidangan Perlembagaan di Lancaster House, London dalam tahun 1956.

Kerajaan campuran yang pertama diwujudkan di Pulau Pinang antara Parti Gerakan pimpinan Dr. Lim Chong Eu yang menguasai negeri itu dalam Pilihan Raya 1969. Ini diikuti dengan kerajaan campuran di Perak dengan Parti Progresif Rakyat (PPP). Kerajaan campuran PAS–Perikatan diwujudkan di peringkat negeri Kelantan, Kedah, Perak, Terengganu dan pusat mulai 1 Januari 1973. Penyertaan PAS ini menyempurnakan hasratnya untuk wujudkan Barisan Nasional.

Dengan penubuhan kerajaan campuran ini, Abdul Razak mencatatkan satu lagi sejarah besar dalam kepimpinannya yang dilihat oleh pemerhati-pemerhati politik sebagai kebijaksanaan manipulasi politiknya sehingga dapat menukarkan politik konfrontasi kepada akomodasi dan dialog.

"Dengan terbentuknya Barisan Nasional, kita akan terus mara dengan penuh keyakinan dan ketabahan bagi menghadapi cabaran-cabaran yang lebih besar pada masa depan kelak," kata Abdul Razak dalam perutusan tahun baru 1973 menerusi TV dan radio ke seluruh negara. Kerajaan-kerajaan campuran di Sarawak dan Sabah turut disertakan ke dalam Barisan Nasional.

Nama Barisan Nasional digunakan buat pertama kalinya bagi menghadapi Pilihan Raya Kebangsaan pada 24 Ogos 1974. Sejak itu Barisan Nasional dikenali dengan simbol dacing menggantikan simbol Perikatan kapal layar.

Abdul Razak yang bagi pertama kalinya mengepalai kempen pilihan raya itu sebagai Perdana Menteri telah membawa Barisan Nasional keluar dari pilihan raya itu dengan kejayaan yang lebih besar dengan menggondol 135 kerusi daripada 154 kerusi yang dipertandingkan di mana pembangkang hanya menang 19 kerusi. Abdul Razak sendiri menang tanpa bertanding di Pekan iaitu kawasan yang diwakilinya.

Di sebalik kemenangan cemerlang dan kekuatan baru kerajaan Barisan Nasional, Abdul Razak terus menghadapi masalah dengan kerajaan negeri Sabah yang dipimpin oleh Mustapha bin Datu Harun yang tidak dapat menguruskan pentadbiran dan kewangan negeri dengan sewajarnya dan mendatangkan berbagai-bagai ancaman dan masalah kepada kerajaan pusat.

Apabila Abdul Razak hendak membawanya ke kabinet pusat supaya beliau meninggalkan jawatan Ketua Menteri Sabah, beliau meminta jawatan Timbalan Perdana Menteri dan apabila Abdul Razak enggan memenuhi kehendaknya dan menawarkan jawatan Menteri Pertahanan beliau bersetuju tetapi meminta dilantik Timbalan Menteri kepadanya. Abdul Razak melantik seorang anggota Senat dari Sabah, Dzulkifli Abdul Hamid sebagai Timbalan Menteri Pertahanan, tetapi ternyata Abdul Razak dipermainkan oleh Mustapha dengan beliau tidak meninggalkan jawatan Ketua Menteri di samping menjadi Menteri Pertahanan.

Melihat beberapa langkah lagi yang diambil oleh kerajaan pusat untuk mengawalnya, Mustapha sebagai Presiden USNO telah memanggil mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi USNO pada 23 April 1974 dan mengemukakan kertas "Masa Depan Kedudukan Sabah Dalam Malaysia" yang mendakwa kerajaan Persekutuan akan membolot semua kekayaan Sabah.

Apabila Abdul Razak mendapat berita ini, beliau menarik balik kuasa menangkap dan menahan daripada Mustapha. Beliau juga mengarahkannya meletakkan jawatan tetapi



Abdul Razak bersama delegasi kemerdekaan Malaya ke London melambai selamat jalan kepada orang ramai yang berhimpun di lapangan terbang Kuala Lumpur pada 9 Mei 1957.
Di hadapan ialah Tunku Abdul Rahman. Anggota lain adalah Menteri Buruh, V. T. Sambanthan, Menteri Pengangkutan, Ong Yoke Lin dan Penyimpan Mohor Besar Raja-raja, Mustapha Albakri.

Mustapha mengancam membubarkan Dewan Undangan Negeri Sabah untuk mengadakan pilihan raya kilat bagi mendapatkan mandat membawa Sabah keluar dari Malaysia.

Abdul Razak memanggil Harris Salleh dan memberitahunya jika Mustapha mengisytiharkan Sabah merdeka, beliau sendiri akan mengisytiharkan darurat di negeri itu dan melantik Harris sebagai Pengerusi Jawatankuasa Operasi Negeri.

Abdul Razak juga meminta Harris menubuhkan parti baru bagi mewakili BN untuk menentang USNO jika diadakan pilihan raya. Harris menunjukkan Gabenor Sabah, Mohamed Fuad Stephens sebagai orang paling layak untuk mengetuai parti itu. Fuad bersetuju.

Hubungan kerajaan Persekutuan dengan Sabah menjadi bertambah tegang dengan keengganan Mustapha untuk menandatangani perjanjian memberikan hak minyak kepada Petronas dengan penukaran 5 peratus keuntungan daripada pengeluaran kepada negeri. Dua belas negeri dalam Malaysia telah pun menandatangani perjanjian itu.

Selain daripada itu, walaupun Menteri Besar atau Ketua Menteri sepatutnya meminta izin dari Perdana Menteri untuk ke luar negara tetapi Mustapha tidak pernah berbuat demikian kerana dia merasakan tidak perlu menghormati protokol.[35]

Mustapha juga telah berunding secara langsung dengan Arab Saudi untuk mendapatkan pinjaman bagi mengatasi masalah kewangan negeri. Ini dilakukan tanpa mendapat izin terlebih dahulu daripada kerajaan pusat walaupun beliau dikehendaki berbuat demikian di bawah Perlembagaan Negara.

Ketika memohon pinjaman itu dari Raja Faisal, Mustapha telah memberitahu bahawa dia berselisih dengan Abdul Razak kerana membantah langkah Perdana Menteri menubuhkan hubungan diplomatik dengan China Komunis. Bagaimanapun Raja Faisal memberitahunya mungkin Abdul Razak mempunyai sebab tertentu untuk berbuat demikian.[36]

Menurut Abdul Rahman Yaacob yang turut sama dalam pertemuan itu, sebenarnya kemarahan Mustapha kepada Abdul Razak bukan kerana soal hubungan dengan China tetapi kerana Abdul Razak tidak membenarkannya meminta pinjaman secara langsung dari negara luar.

Abdul Razak meneruskan usahanya untuk melemahkan Mustapha. Pada 15 Julai 1975, Berjaya muncul secara rasmi sebagai parti pembangkang di Sabah yang menyebabkan Mustapha berkejar pulang dari London dan telah diberitahu oleh Menteri Dalam Negeri, Ghazali Shafie di rumah Tunku Abdul Rahman di Pulau Pinang bahawa Abdul Razak dan Barisan Nasional menyokong Berjaya kerana ancaman Mustapha untuk keluar dari Malaysia dan hendak mengadakan pilihan raya.

Tiga bulan selepas kematian Abdul Razak, kerajaan USNO pimpinan Mustapha ditumbangkan oleh Berjaya yang mendapat 28 kerusi berbanding dengan USNO 20 kerusi dalam pilihan raya pada 14 April 1976. Fuad Stephens dilantik menjadi Ketua Menteri dan Harris Salleh sebagai timbalannya. Kira-kira tiga bulan kemudian Harris mengambil alih jawatan Ketua Menteri menggantikan Fuad yang terbunuh dalam satu kemalangan kapal terbang dekat Kota Kinabalu pada 6 Julai 1976.

Tahun 1975 adalah tahun yang penuh cabaran kepada Abdul Razak. Beliau berada dalam pertarungan politik, krisis negara, pergolakan dalam



Abdul Razak dan empat orang lagi anggota perwakilan Malaya pulang ke tanah air dengan kapal terbang dari rundingan lanjut bagi kemerdekaan Malaya di London pada 29 Mei 1957.
***Dari kanan**: Menteri Besar Negeri Sembilan, Shamsuddin bin Naim, Menteri Besar Kedah, Tunku Ismail Tunku Yahya, Penyimpan Mohor Besar, Raja-raja Melayu, Haji Musthapha Al-Bakri, Menteri Buruh, V. T. Sambanthan, Abdul Razak dan Menteri Kesihatan, Leong Yew Koh.*

diri sendiri yang paling mendebarkan dan menyedihkannya. Selain daripada krisis Sabah, Menteri Besar Selangor, Harun Idris pula menjadi masalah baru kepadanya.

Tidak ada sesiapa pun, kecuali dua orang yang mengetahui bahawa Abdul Razak sedang membilang hari kematiannya yang semakin dekat, malah isterinya Rahah dan anak-anaknya sendiri tidak tahu bahawa masa bagi Abdul Razak sudah terbatas untuk menyelesaikan semua krisis yang dihadapinya dan juga untuk menyempurnakan tugas yang masih banyak kepada negara.

Sejak enam tahun yang lalu, Abdul Razak telahpun diberitahu oleh doktornya bahawa beliau menghidap leukemia yang tidak memberikan harapan kepadanya untuk hidup lama. Tetapi keuzuran yang benar-benar dirasakannya dan terjelas kepada orang ramai ialah sejak akhir tahun 1975.

Badannya semakin kurus, wajahnya pucat dan cengkung. Ramai yang mengesyakinya sakit, tetapi tidak ada yang berani bertanya dan Abdul Razak tidak pernah memberitahu apa penyakitnya kepada sesiapapun. Beliau sekadar menunjukkan kepada orang terdekatnya tentang bintik-bintik hitam yang semakin banyak di tangannya.

Dipercayai yang tahu tentang penyakitnya selain daripada Abdul Razak sendiri dan doktor peribadinya, Dr. MacPherson, ialah timbalannya Dr. Ismail.[37]

Suatu hari setiausaha sulitnya Shafie bin Yahya apabila masuk ke biliknya melihat Abdul Razak berada dalam keadaan menggeletar dengan hawa dingin yang dikuatkannya. Abdul Razak menunjukkan bintik hitam di lengannya kepada Shafie.

Setiausaha Majlis Keselamatan Negara, Mohd Amir bin Haji Yaakub pernah diminta oleh Abdul Razak meraba bahunya dan beliau hanya dapat merasakan hanya tulang. Mohd Amir bertanya, "Kenapa Tun?" "Tak tahulah Amir," katanya.[38]

Shafie percaya Abdul Razak tidak mahu memberitahu tentang penyakitnya kepada sesiapa kerana sifatnya yang tidak suka menyusahkan orang lain.

Isterinya, Rahah tidak menyedari bahawa suaminya runsing tentang penyakitnya. Apa yang diketahuinya Abdul Razak runsing mengenai keengganan Harun Idris untuk menerima tawaran supaya menjadi wakil Malaysia ke Bangsa-bangsa Bersatu untuk sementara waktu berikutan dengan adanya tuduhan rasuah terhadapnya.[39]

Abdul Razak yang tidak suka dengan politik konfrontasi amat tidak senang dengan keputusan Harun itu.

"Inilah masanya saya lihat Tun begitu bimbang dan sedih kerana saya tahu Tun tidak suka untuk berlawan," kata Rahah. Menurut Mohd Amir Yaakub, Abdul Razak marah dengan sikap Harun dan menyatakan kepadanya, "Kenapa Harun tak hendak pergi, pergilah dahulu, Rahman Talib pergi juga dahulu."

Menurut adik ipar Abdul Razak, Hamzah Abu Samah, Abdul Razak telah merayu atas nama kawan dan sebagai saudara kepada Harun supaya menerima tawaran itu.

"Pergilah dahulu, setelah keadaan tenang *you* baliklah dan beritahu saya sama ada nak berkhidmat di negeri atau pusat," kata Abdul Razak.

Melihat kesungguhan dan kejujuran Abdul Razak, Harun bersetuju dan Abdul Razak memintanya menulis surat menyatakan persetujuan itu tetapi entah kenapa Harun tidak pernah menulis surat itu. "Harun mungkin dipengaruhi oleh orang sekelilingnya supaya menolak tawaran itu," kata Hamzah.



Abdul Razak dan isteri Rahah pada saat paling bersejarah. Mereka tiba di Stadium Merdeka Kuala Lumpur untuk menghadiri upacara perisytiharan kemerdekaan negara pada 31 Ogos 1957.

Hal ini menimbulkan kemarahan Timbalan Perdana Menteri, Hussein Onn yang menulis surat kepada Abdul Razak akan meletakkan jawatan sekiranya Harun tidak ditangkap. Beliau disokong oleh Peguam Cara Negara *(Solicitor General)*, Salleh Abbas yang mendesak supaya Harun didakwa di mahkamah.

Abdul Razak memberitahu Hamzah bahawa beliau terpaksa bertindak terhadap Harun. Pada 24 November 1975 Harun ditangkap oleh Badan Pencegah Rasuah dan dihadapkan di Mahkamah Tengah Khas atas pelbagai tuduhan rasuah.

Walaupun Abdul Razak semakin lemah, beliau terus menjalankan jadual hariannya. Pergi ke pejabat seperti biasa, menghadiri upacara tertentu dan mengadakan lawatan ke beberapa tempat termasuk Sumatera Barat dari 15 hingga 17 November 1975. Ini merupakan lawatan Abdul Razak terakhir ke Indonesia dan juga kali terakhir menemui sahabat karibnya Presiden Suharto.

Rakyat Sumatera dalam pakaian tradisional mereka telah memberikan sambutan hangat kepada Abdul Razak dengan berbagai-bagai upacara kebudayaan yang gagah, indah dan penuh meriah.

Presiden Suharto yang menyedari Abdul Razak tidak bermaya untuk meneruskan permainan golf dengannya di Prapat Sumatera apabila sampai lubang kelapan meminta Des Alwi memberitahu Abdul Razak supaya berhenti.[40] Tetapi setelah meminta minuman, Abdul Razak meneruskan semula permainannya dengan Suharto.

Dalam bulan Disember 1975, Pengerusi Majlis Universiti Kebangsaan, Abdullah Salleh telah menemui Abdul Razak di pejabatnya dan menjemput beliau menyertai Pertandingan Tahunan Golf Antara Universiti di UKM bagi pasukan UKM tetapi Abdul Razak memberitahu Abdullah kakinya sakit.

Abdullah yang telah lama memerhatikan keadaan kesihatannya, memberanikan diri untuk bertanya bagi pertama kalinya, "Adakah Tun sakit?" Abdul Razak serta-merta bangun dari kerusinya dan sambil menghayunkan kedua-dua belah tangannya ke bawah beberapa kali berkata, *"I am alright, I am alright."*

Apabila Abdul Razak berlepas ke London pada pertengahan Disember 1975 satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Jabatan Penerangan Kuala Lumpur hanya memberitahu beliau ke luar negara untuk berehat.

Bekas Perdana Menteri yang pertama Tunku Abdul Rahman yang menemui Abdul Razak sebelum berlepas telahpun merasakan itu adalah pertemuannya yang terakhir dengan Abdul Razak.

Tunku menulis dalam *Star* 29 Disember 1975; "Saya berjumpa Tun Razak sebelum beliau berlepas ke London dan memberitahu isteri saya bahawa saya tidak akan berjumpa lagi dengannya. Sungguh sedih perpisahan itu dan saya masih teringat wajahnya ketika dia mengucapkan selamat tinggal kepada saya."

Sanusi Junid yang ketika itu menjadi anggota Parlimen biasa yang turut mengucapkan selamat jalan telah ditanya oleh Abdul Razak, "Adakah orang yang tahu akan mati akan melakukan perkara-perkara yang tak baik," dan Sanusi menjawab, "Kalau dia tahu dia nak mati, dia tentu tak akan buat benda yang Tuhan marah." Abdul Razak ketawa.[41]



Selepas merdeka, Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman melantik Abdul Razak sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan dalam suatu rombakan kecil kabinet. Gambar ini dirakamkan pada 10 September 1957 selepas sidang kabinet pertama sejak merdeka, di Dewan Undangan Persekutuan.

***Duduk dari kanan**: Sardon Jubir (Kerja Raya Pusat dan Telekomunikasi), Sulaiman Dato' Abd. Rahman (Dalam Negeri dan Keadilan), Kolonel H.S.Lee (Menteri Kewangan), Tunku Abdul Rahman, Abdul Razak, V.T. Sambanthan (Kesihatan), Abdul Aziz Ishak (Pertanian, Perikanan dan Kehutanan).*

***Berdiri dari kanan**: Bahaman Shamsuddin (Hasil Bumi), Tan Siew Sin (Perdagangan dan Perusahaan), Mohd. Khir Johari (Pelajaran), A. Rahman Talib (Pengangkutan), Omar Ong Yoke Lin (Buruh, Sosial dan Kebajikan).*

Sebelum berlepas ke London, Abdul Razak memberitahu anak bongsunya, Nazir yang ketika itu berada di darjah empat Victoria Institution Kuala Lumpur bahawa beliau akan bercuti panjang dan menasihatkan Nazir supaya belajar bersungguh-sungguh dan tinggal baik-baik semasa dia tidak ada.[42]

Dalam perjalanan ke London, Abdul Razak singgah di Paris untuk berehat tetapi penyakitnya telah menjadi berat. Beliau mengadu sakit perut dan kaki. Abdul Razak serta rombongan bergegas terbang ke London pada 22 Disember 1975 untuk rawatan di London Clinic.

Abdul Razak dijangka akan pulang ke tanah air pada 14 Januari tetapi beliau telah dimasukkan semula ke London Clinic dua hari sebelumnya kerana diserang demam. Beberapa hari sebelumnya pelajar-pelajar Malaysia telah menemui Abdul Razak bersama keluarga dan rakannya bersiar di Hyde Park.

Isteri Abdul Razak, Rahah telah dipanggil ke London apabila keadaan suaminya bertambah berat.

Abdul Razak membisikkan kepada rakannya yang paling karib, Taib Andak yang melawatnya di London Clinic, "Yib, saya akan mati, jangan beritahu Rahah."[43]

Salah seorang keluarga Abdul Razak di Kuala Lumpur telah menerima panggilan dari London memberitahu supaya membawa anak bongsunya Nazir, kerana ayahnya sangat ingin menemuinya.

Setiausaha kerja UMNO Malaysia, Khalil Akashah yang melawat Abdul Razak pada malam 13 Januari 1976 memberitahu bahawa Abdul Razak kelihatan segar ketika beliau meninggalkannya pada jam 12 tengah malam tetapi pada 4 pagi waktu London, Abdul Razak mengadu kepada isterinya Rahah yang berada di sisinya bahawa kakinya sakit.[44] Keadaannya menjadi bertambah tenat dan lemah mulai jam 9 pagi. Rahah telah mengingatkan Abdul Razak supaya mengucap dua kalimah-syahadat dan memberikannya air zamzam. Abdul Razak mengucap beberapa kali.

Abdul Razak telah menghembuskan nafas terakhir pada jam 11.10 pagi waktu London dan jam 6.30 petang waktu Malaysia, 14 Januari 1976 pada usia 54 tahun.

Nazir yang dijangka diterbangkan ke London dengan diiringi oleh isteri Michael Chen tidak sempat berlepas apabila menerima berita kematian itu.

Walaupun rakyat telah mengesyaki Abdul Razak sakit berdasarkan kepada gambarnya yang sering mereka lihat di akhbar dan televisyen tetapi berita kematian itu yang diumumkan oleh Pemangku Perdana Menteri, Hussein Onn menerusi Radio dan Televisyen Malaysia pada jam 10.47 malam, Rabu 14 Januari 1976, memeranjatkan seluruh negara.

Rakyat terperanjat kerana mereka tidak pernah melihat Abdul Razak berehat dalam sakitnya, mereka hanya melihatnya bekerja dan bekerja.

Mereka seolah-olah tidak percaya terhadap sebuah berita kematian tetapi kemudiannya jejak-jejak Menteri Pelajaran, Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Timbalan Perdana Menteri, Pengarah MAGERAN dan Perdana Menteri Abdul Razak yang bertapak sekian lama di hati mereka menggetarkan rasa keharuan dan kepiluan atas kehilangan yang sudah pasti seorang patriot yang terus melangkah untuk negara dan bangsanya sehingga ke nafasnya yang terakhir.

Nota

1. Dari *Seluruh Hidupnya untuk Malaysia,* New Straits Times Press, Kuala Lumpur 1976.
2. Interbiu dengan Tan Sri Hamzah Abu Samah, adik ipar Abdul Razak. Hamzah pernah menjadi Timbalan Menteri Dalam Negeri (1967-69), Menteri Penerangan (1969-71), Menteri Kebudayaan dan Sukan (1971-73), Menteri Pertahanan (1973-74), Menteri Perdagangan (1974-78) dan kini Presiden Majlis Olimpik Malaysia.
3. Sumber Memorial Tun Abdul Razak.
4. Op. cit. *Seluruh Hidupnya untuk Malaysia.*
5. *Tun Razak, His Life and Times* by William Shaw, Longman, Kuala Lumpur 1976. hlm. 25.
6. Interbiu dengan Tan Sri Ghazali Shafie pada 4 September 1996. Ghazali adalah bekas Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Menteri Tugas-tugas Khas, Menteri Penerangan, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Luar.
7. Op. cit. *Tun Razak, His Life and Times.* hlm. 44
8. Op. cit. Interbiu dengan Tan Sri Ghazali Shafie.
9. Interbiu dengan Datuk Shafie Yahya, menantu Tan Sri Taib Andak. Shafie adalah Setiausaha Sulit Timbalan Perdana Menteri (1964-72), Setiausaha Sulit Perdana Menteri (1972-75) dan Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah (BPR).
10. *Political Awakening* oleh Tunku Abdul Rahman, Pelanduk Publications, Petaling Jaya, 1986. hlm. 24.
11. *Looking Back* by Tunku Abdul Rahman, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1977 hlm 60.
12. Interbiu dengan Tan Sri Thong Yaw Hong pada 2 September 1996. Thong adalah Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi (1971-78) dan kini Pengerusi Public Bank.
13. Ibid.
14. Penulis ialah salah seorang wartawan yang sering mengikuti lawatannya ke luar bandar.
15. Sumber Jabatan Perkhidmatan Penerangan.
16. Ucapan Abdul Razak merasmikan Kursus Latihan Agama yang pertama dalam Rancangan Pelajaran Dewasa di Bilik Gerakan Negara pada 31 Mac 1963.
17. Op. cit. *Tun Razak, His Life and Times,* hlm. 151
18. Interbiu dengan Benny Moerdani di Jakarta pada 12 Jun 1996.
19. Ibid.
20. Singapura disingkirkan dari Malaysia pada 9 Ogos 1965.
21. *Utusan Melayu,* 23 Julai 1964
22. *Utusan Melayu,* 20 Julai 1965
23. *Utusan Melayu,* 24 Julai 1965
24. Interbiu dengan Datuk Zakaria Ahmad, Setiausaha Peribadi Abdul Razak pada 26 Oktober 1995.
25. Interbiu dengan Datuk Michael Chen pada 13 September 1996. Chen ialah Setiauasaha Parlimen kepada Timbalan Perdana Menteri (1964-69).
26. Interbiu dengan Datuk Kamaruddin Mohd Ariff pada 11 Julai 1996.
27. Ucapan membentangkan Rang Undang-undang (Pindaan) Perlembagaan di Dewan Rakyat pada 23 Februari 1971.
28. Interbiu dengan Datuk Abdullah Ahmad Badawi yang ketika itu menjadi Ketua Penolong Setiausaha Hal Ehwal Awam.
29. Interbiu dengan Datuk Amir Yaakob pada 29 Julai 1996. Mohd. Amir adalah Penolong Pengarah MAGERAN (1969), Setiausaha Majlis Keselamatan Negara (1973-76), Pengarah Imigresen (1979-80), dan Ketua Pengarah Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) (1989-92).
30. Op. cit. Ucapan Abdul Razak.
31. *Buku Merah.* Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1971.
32. Op. cit. Ucapan Abdul Razak.
33. Interbiu dengan Tan Sri Ainuddin Wahid.
34. Interbiu dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim.
35. Dari *Politics of Federalism* oleh Bruce Ross-Larson, Bruce Ross-Larson, Singapura 1976.
36. Op. cit. Interbiu dengan Thong.
37. Interbiu dengan Datuk Mohd. Amir Yaakub pada 29 Julai 1996.
38. Ibid.
39. Interbiu dengan Tun Rahah pada 27 Oktober 1995.
40. Interbiu dengan Des Alwi pada 12 Jun 1996 di Jakarta. Des dilahirkan di kepulauan Maluku dan menjadi anak angkat kepada Mohammad Hatta dan Sutan Sjahrir yang dibuang Belanda ke pulau itu pada tahun 1936. Beliau berkenalan dengan Abdul Razak, Tunku Abdul Rahman dan Tan Sri Ghazali Shafie semasa belajar di London dalam akhir tahun-tahun 40-an. Beliau memainkan peranan menyelesaikan Konfrontasi bersama Ali Moertopo dan Benny Moerdani.
    Pernah menjadi diplomat Indonesia di Berne, Austria dan Manila. Sebelum itu, pernah mendapatkan perlindungan di luar negeri kerana kegiatan anti-Sukarno.
41. Interbiu Datuk Seri Sanusi Junid pada 16 September 1996.
42. Laporan Bernama pada 14 Januari 1976.
43. Op. cit. Interbiu dengan Tan Sri Hamzah.
44. Interbiu dengan penulis di London. Ketika itu (1975-76) penulis adalah wakil Utusan di London.

“Abdul Razak sangat mengambil berat terhadap pelajaran anak-anaknya. Beliau mahu mereka maju dalam pelajaran, menjadi orang berilmu dan kembali ke tanah air.

“Suatu hari nanti awak akan berbangga dengan mereka,” katanya kepada Rahah.”

Pengarang



keluarga

Perdana Menteri Malaysia kedua, Abdul Razak berasal dari keturunan bangsawan Johor Bugis yang berhijrah ke Pahang dalam kurun ke-18.

Sekali dalam hidupnya, bersama isterinya Rahah, beliau mengetuai satu rombongan belayar dengan kapal ke Ujung Pandang (Makasar), Sulawesi Selatan untuk mencari dan mengesahkan asal usul keturunannya.

Bapa Abdul Razak, Hussein bin Mohd Taib berasal dari keturunan To' Tuan bangsawan Bugis dan ibunya Teh Fatimah binti Daud dari keturunan Sultan Hassanuddin yang memerintah Sulawesi di pertengahan kurun ke-17.

Setibanya di Ujung Pandang dengan K.D. Hang Tuah pada 2 Mei 1972, Abdul Razak menziarahi makam moyangnya Sultan Hassanuddin yang juga dikenali sebagai seorang pejuang nasional Indonesia menentang penjajah Belanda.

Meskipun ketibaannya telah diberikan sambutan hebat sebagai kepulangan seorang wira, dikurniakan gelaran bangsawan Bugis *La Tatta Ambralla Daeng Manesa* (Perkasa, Pahlawan, Tetap Sekali, Teguh Pendirian dan Laksamana), dipakaikan songkok kehormatan tertinggi sekali dalam adat Bugis, disisipkan ke pinggangnya keris pusaka bersalut emas berusia 200 tahun dan dihadiahkan sebuah kapal layar Bugis (penisi) dengan kemampuan muatan 70 tan, tetapi Abdul Razak tidak mahu hal ini dibesar-besarkan oleh media di tanah air kerana bimbang disalahmengertikan oleh masyarakat berbilang kaum di Malaysia.[1]

Asal usul keturunan bangsawan Bugis inilah yang mewariskan turun-temurun gelaran Orang Kaya Indera Shahbandar (OKIS) yang membawa gelaran Dato' hingga kepada bapanya, Hussein.

Kerana darah bangsawannya, Hussein berpeluang mendapat pendidikan di Maktab Melayu Kuala Kangsar dan menjadi pegawai dalam pentadbiran British di Pahang pada tahun 1916. Beliau melangsungkan perkahwinan dengan Hajah Teh dalam tahun 1920 dan dikurniakan dua orang anak iaitu Abdul Razak yang dilahirkan pada 11 Mac 1922 dan Maimunah dilahirkan pada tahun 1923.

Hussein juga adalah seorang pejuang. Beliau ikut serta dalam perjuangan menentang Malayan Union, menjadi Presiden Kesatuan Melayu Pahang dan juga seorang ahli Mesyuarat Negeri Pahang. Beliau meninggal dunia pada tahun 1950 ketika Abdul Razak masih menuntut di London.

Dengan kematian ayahnya, Abdul Razak pula mewarisi gelaran OKIS. Beliau sebenarnya mempunyai adik-beradik yang ramai. Selain daripada kakaknya sendiri, Maimunah iaitu isteri kepada Menteri Besar Pahang, Muhamed bin Jusoh (1974-1978) beliau mempunyai 16 orang lagi adik-beradik lelaki dan perempuan dari isteri kedua bapanya, Rokiah binti Salleh. Di antaranya ialah Zainun, isteri kepada Hamzah Abu Samah.

Pada 4 September 1952, ketika menjadi Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Abdul Razak pada umur 30 tahun telah melangsungkan perkahwinan dengan seorang gadis Johor, Rahah 19 tahun. Rahah ialah anak kepada seorang pegawai Jabatan Agama Islam Johor, Mohd Noah.

Hasil perkahwinan ini, mereka dikurniakan lima orang anak yang kesemuanya lelaki iaitu Mohd. Najib dilahirkan pada 23 Julai 1953, Ahmad Johari pada 29 November 1954, Mohamed Nizam pada 3 Oktober 1957, Mohamed Nazim pada 25 Mac 1962 dan Mohamed Nazir pada 19 November 1966.

Abdul Razak memang mengharapkan kedatangan seorang anak perempuan dan bila mendapat anak lelaki lagi beliau memberitahu rakan-rakannya "sama sahaja" dan "kita tidak boleh hampa dengan pemberian Tuhan".

Abdul Razak pernah meminta seorang anak perempuan setiausaha parlimennya, Michael Chen untuk dijadikan anak angkatnya, tetapi Chen hanya mendapat anak perempuan setelah Abdul Razak meninggal dunia.

Chen selalu berseloroh dengan anak keempatnya yang bernama Elizabeth Chen. "Jika Tun masih hidup, engkau adalah seorang Islam." Keluarga Chen sehingga hari ini menjadi keluarga Cina paling rapat dengan keluarga Abdul Razak.[2] Mereka sering kunjung-mengunjung antara satu sama lain.

Dalam pada itu, Abdul Razak dan Rahah telahpun mempunyai dua orang anak angkat perempuan iaitu Rohaya binti Bakar dan Fathiyah binti Hassan.

Rahah mengenang Abdul Razak sebagai seorang suami yang penyayang, baik, pelindung, tidak pemarah, suka berseloroh dan berjenaka.

Rahah sering kelihatan bersama Abdul Razak, tidak sahaja di majlis-majlis rasmi tetapi juga mengikuti lawatan Abdul Razak ke luar bandar yang dijadualkan secara ketat dan dilakukan pada siang dan malam. Sifat Rahah yang lemah lembut, sederhana dan bersahaja menyebabkan beliau disenangi oleh masyarakat wanita di bandar dan luar bandar yang banyak membantu meninggikan imej dan populariti suaminya, sebagai pemimpin rakyat.

Sekalipun sibuk dengan tugas hariannya, Abdul Razak sangat mengambil berat terhadap keluarganya; isteri dan lima orang anaknya. Beliau meluangkan masa untuk berehat bersama keluarganya di dalam dan luar negeri, pulang ke kampung, berehat di pantai dan sebagainya. Walau bagaimanapun, percutian di luar negeri amat jarang sekali kerana "Tun sangat mengambil berat apa orang kata".[3] Apabila mengajak seorang rakan diplomatnya di pejabat pesuruhjaya tinggi di Canberra, Abu Kassim Ahmad untuk pergi bercuti bersama keluarganya ketika beliau melawat Australia, Abdul Razak menyuruhnya mencari hotel sederhana untuk penginapan bersama dan tidak membenarkannya membuat sebarang tuntutan dari kerajaan. Beliau membayar semua perbelanjaan rakannya sekeluarga dengan wang poketnya sendiri.

Abdul Razak juga tidak mahu Rahah menunjuk-nunjuk dan berlebihan dalam semua hal.

Beliau tidak suka dengan pembaziran. Peralatan dan perhiasan rumah kediaman rasminya Sri Taman tidak akan ditukarkan sekiranya didapati masih boleh dipakai.

Beliau juga tidak mencurahkan wang untuk anak-anaknya hidup mewah ketika belajar di United Kingdom.

Abdul Razak sangat mengambil berat terhadap pelajaran anak-anaknya. Beliau mahu mereka maju dalam pelajaran dan menjadi orang terpelajar.

"Suatu hari nanti, awak akan berbangga dengan mereka," kata Abdul Razak kepada isterinya Rahah.

---

1. Interbiu dengan Des Alwi.
2. Interbiu dengan Michael Chen.
3. Interbiu dengan Hamzah Abu Samah.



Abdul Razak seorang suami yang baik, penyayang, tidak pemarah, suka berseloroh dan berjenaka. Gambar 1972.



Sifat bersahajanya bersesuaian dengan kehendak Abdul Razak yang tidak mahu isterinya menunjuk-nunjuk dan berlebihan dalam semua hal. Imej Rahah ini membantu popularitinya suaminya terutama di kalangan masyarakat di kampung. Gambar tahun 1972.



Dalam pakaian pelaut Bugis ketika melawat Ujung Pandang (Makasar) dalam tahun 1972.

Abdul Razak bersama isterinya Rahah dan lima orang anak lelakinya. Dari kiri Mohamed Nazim (anak keempat), Mohd. Najib (anak sulung), Ahmad Johari (anak kedua) dan Mohamed Nizam (anak ketiga). Di tengah antara Abdul Razak dan Rahah ialah anak bongsu, Mohamed Nazir. Abdul Razak menamakan anaknya yang sulung dengan nama Presiden Mesir pertama, Mohammad Naguib yang menggulingkan Raja Farouk pada 23 Julai, 1952. Gambar ini yang diambil pada 31 Ogos 1974 merupakan gambar terakhir Abdul Razak bersama seluruh anggota keluarganya di Sri Taman.

Abdul Razak menziarahi makam moyangnya, Sultan Hassanuddin di Ujung Pandang, Sulawesi Selatan pada 2 Mei 1972.

Upacara sambutan beristiadat di Ujung Pandang bagi Abdul Razak dan isteri.



Barisan para hulubalang - Bugis menyambut Abdul Razak sebagai kepulangan anak Bugis dari pelayaran yang penuh kejayaan.



Gabenor Sulawesi Selatan, Ahmad Chamil memakaikan keris pusaka bersalut emas berusia 200 tahun ke pinggang Abdul Razak bersempena dengan pengurniaan gelaran La Tatta Ambarala Daeng Manesa *kepadanya yang bererti "Perkasa, Pahlawan, Tetap Sekali, Teguh Pendirian dan Laksamana."*



Menerima hadiah sebuah kapal layar 'Putera Makasar' daripada Gabenor Sulawesi Selatan di Pelabuhan Kelang, dua tahun selepas lawatannya ke Ujung Padang.



Sri Taman yang terletak di Jalan Perdana menjadi kediaman rasmi Abdul Razak sejak menjadi Timbalan Perdana Menteri hingga ke akhir hayatnya. Sekarang Sri Taman menjadi Memorial Tun Razak.



Abdul Razak bersama keluarga mengunjungi model rumah peneroka Felda yang terletak di belakang Sri Taman pada hari jadinya yang ke-47.




Menteri Pelajaran, Abdul Razak dan Rahah dalam tahun 50-an ketika baru mempunyai dua orang anak iaitu Mohd. Najib ***(kanan)*** *dan Ahmad Johari* ***(kiri)*** *di kediaman mereka di Kuala Lumpur.*



Anak bongsu, Mohamed Nazir, 5 tahun bermanja dengan ayahnya dalam satu majlis di Sri Taman pada 16 Januari 1973. Abdul Razak adalah seorang ayah yang penyayang dan kemesraan antaranya dengan anak-anaknya yang sering terlihat dalam kesibukan hariannya melayani tetamu di kediamannya atau menerima sambutan di lapangan terbang menjadi bahan menarik pada para jurugambar media.



Abdul Razak memeluk Mohd Nizam dan mencium Mohamed Nazim apabila mereka turut menyambutnya di Lapangan Terbang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Kuala Lumpur pada 4 Januari 1966 sekembalinya dari mengadakan lawatan.



Mohamed Nazir mengambil kesempatan bermanja dengan ayahnya di Sri Taman pada 18 Julai 1971 ketika Abdul Razak hendak menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang peraduan mengarang mengenai Jubli Perak UMNO. Nazir sering dilihat sangat rapat dengan Abdul Razak tetapi kata Rahah "Bukan ayahnya lebih menyayanginya tetapi maklumlah dia anak bongsu".



Seorang Pegawai Penerangan Amerika Syarikat dari Washington, Robert Sterling membawa batu dari bulan yang dipungut oleh angkasawan Amerika untuk ditunjukkan kepada Abdul Razak di Sri Taman. Beliau uzur dan tidak dapat menghadiri pameran batu itu yang diadakan dengan ihsan Amerika Syarikat di Muzium Negara pada Februari 1970. Turut memerhatikan batu itu ialah Mohamed Nazim.





Rahah, berbual mesra dengan Sharifah Roziah, isteri Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman di majlis hari jadi Tunku Abdul Rahman pada 16 Februari 1967. Kemesraan dua orang isteri ini menggambarkan kemesraan hubungan antara Abdul Razak dan Tunku yang berasaskan kepada sikap saling harga-menghargai dan hormat-menghormati yang terbina sejak perkenalan mereka ketika sama-sama belajar di London di akhir tahun 40-an. Abdul Razak bukan sahaja pernah tinggal sebilik dengan Tunku di London malah selalu meminjam wang daripadanya.



Tunku Abdul Rahman, Abdul Razak, Rahah dan Sharifah Roziah dalam suatu majlis yang diadakan pada September 1972. Abdul Razak tidak pernah lupa menjemput Tunku ke majlis-majlis yang diadakannya semasa menjadi Perdana Menteri.

Kemesraan pasangan suami isteri, Abdul Razak dan Rahah ketika menyambut tetamu ke Majlis Hari Raya di Sri Taman pada 6 Jun 1973.





Abdul Razak bergambar bersama keluarganya sempena hari jadinya yang ke-45 di Sri Taman. Ketika ini Abdul Razak mempunyai empat orang anak lelaki. Dari kiri anak sulungnya Mohd. Najib, dalam pangkuannya ialah Mohamed Nazim, kanan sekali anak kedua Ahmad Johari dan di sebelahnya ialah anak ketiga, Mohamed Nizam.



Abdul Razak dan Rahah mengetuai satu pasukan dalam perlumbaan perahu dengan pasukan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Yaacob Latif (Tan Sri) bersempena dengan pembukaan rasmi tasik yang dibaiki semula di Taman Bunga Kuala Lumpur pada 1 Mac 1975. Sekarang tasik ini dikenali sebagai Tasik Perdana. Keriangan di wajah Abdul Razak tidak menampakkan bahawa beliau sedang merahsiakan kepada isterinya penyakit leukemia yang semakin mengancamnya dalam tahun 1975.

Mohd. Najib ***(tengah)****, anak sulung Abdul Razak bermain dengan adik-adiknya, Mohamed Nazim* ***(belakang)****, Mohamed Nizam* ***(kanan)*** *dan Mohamed Nazir* ***(di depan)*** *di tahun 1973.*





Apabila Abdul Razak menyambut hari jadi ke- 46, anak lelakinya bertambah seorang lagi, Mohamed Nazir ***(dalam dukungan)****. Harapan Abdul Razak untuk mendapat seorang anak perempuan masih tidak tercapai dan apabila berita kelahiran anaknya yang kelima itu diterima ketika beliau berada bersama kawannya pada 19 November 1966, beliau telah ditanya "anak apa" dan Abdul Razak menjawab "sama sahaja". Nazir adalah anaknya yang bongsu.*





Bermain mini golf dengan anaknya Ahmad Johari semasa percutian di Switzerland.



Dr. MacPherson ***(kiri)*** *yang selalu mengiringi Abdul Razak keluar negeri. Beliau mengetahui tentang Abdul Razak menghidap penyakit leukemia tetapi setiausaha peribadinya sendiri, Zakaria Ahmad* ***(kanan)*** *tidak tahu dengan pasti.*

Bersama Rahah bermain dengan burung merpati di Venice. Di kiri sekali ialah juruiringnya, DSP Amran bin Haji Ibrahim. Abdul Razak jarang sekali bercuti bersama keluarganya ke luar negara. Beliau sangat mengambil berat tentang apa orang kata sekalipun dalam perkara yang hak baginya. Bagaimanapun, dalam awal tahun 70-an, Abdul Razak telah membawa Rahah dan anak-anak bercuti ke Eropah. Antaranya ke Switzerland dan Itali.



Abdul Razak menikmati udara bebas lepas bersama isterinya Rahah ketika bercuti di Pulau Bali, Indonesia dalam tahun 1974.



*Abdul Razak mengucap selamat jalan kepada ibunya **(di kirinya)**, Hajah Teh binti Daud untuk menunaikan fardu haji ke Mekah dengan kapal laut "KL" dari Port Swettenham, Kelang pada 23 Mac 1961.*



Abdul Razak sendiri menunaikan haji pada 11 Mei 1961.



Abdul Razak mengucap selamat jalan kepada isterinya yang pergi menunaikan fardu haji pada tahun 1972.

Abdul Razak menziarahi makam ibunya, Allahyarham Hajah Teh di tanah perkuburan Pekan bersama isteri, anak-anaknya dan abang iparnya Mohamed Jusoh (Dato') Menteri Besar Pahang ***(nombor dua dari kiri di belakang Abdul Razak)*** *dalam tahun 1974.*



Memohon restu Ilahi di hari jadi ke-46.
"Saya tidak meminta banyak pada hari ulang tahun kelahiran saya. Apa yang saya mahukan sekarang, sebagaimana doa saya setiap hari ialah perpaduan yang kekal, tolak ansur dan muhibah di antara rakyat berbagai kaum dan agama!", katanya ketika menyambut hari jadi ke-46.

“Secara kebetulan kemiskinan berada di kampung-kampung dan yang miskin adalah orang Melayu. Matlamat Razak adalah untuk pembangunan nasional yang memerlukannya untuk membetulkan ketidakseimbangan.”

Thong Yaw Hong
Bekas Ketua Pengarah
Unit Perancang Ekonomi



bapa pembangunan

Anak-anak desa pada awal tahun enam puluhan dapat mengenangkan kegirangan pertama kali melihat sinaran lampu elektrik menerangi rumah menggantikan cahaya lampu minyak tanah yang malap dan paip air menggantikan perigi atau sungai untuk minum, mandi-manda dan membasuh.

Batas bendang ditimbuni tanah merah dan jalan kampung yang berlumpur dan becak berganti dengan jalan tar.

Kaum wanita beramai-ramai ke kelas Pelajaran Dewasa di balai raya yang baru dibangunkan di kampung masing-masing untuk belajar mengenal huruf, membaca dan menulis dalam usia yang sudah meningkat.

Menerusi kelas ini, dalam masa 10 tahun dari 1960 hingga 1970 lebih tiga juta orang dewasa yang buta huruf dicelekkan di seluruh negara.

Pusat Bidan dan Klinik Kesihatan muncul di merata desa.

Ini diikuti dengan gerakan raksasa; hutan rimba dipugar untuk pemindahan, penempatan dan penerokaan manusia tidak bertanah yang mendapat pembahagian tanah sama banyak untuk kawasan kediaman, penanaman getah dan dusun.

Mereka memasuki kehidupan baru yang sistematik dan berjadual, masa kerja dan rehat yang diaturkan, dibayar atas kerja yang dilakukan walaupun bekerja atas tanah yang diberikan.

Demikianlah Abdul Razak mewarnakan kampung di seluruh tanah air sejak awal 60-an setelah mengambil tanggungjawab sebagai Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Kementerian itu ditubuhkan pada Disember 1959 tetapi oleh kerana sebagai Menteri Pertahanan dan Menteri Dalam Negeri, beliau terpaksa menumpukan perhatian kepada gerakan memerangi pengganas komunis, Abdul Razak hanya mengambil tanggungjawab itu sepenuhnya setelah keadaan darurat diisytiharkan tamat pada 31 Julai 1960.

Pada 26 Disember 1959, dalam ucapan tahun barunya menerusi Radio Malaya ke seluruh negara, Abdul Razak mengisytiharkan "Dengan keadaan darurat yang bertambah baik, Kerajaan Perikatan memutuskan untuk memberikan keutamaan kepada langkah memperbaiki kehidupan penduduk kampung.

"Untuk membolehkan matlamat ini dicapai dengan secepat mungkin, kerajaan akan menggunakan seluruh sumber yang ada dan mengerahkannya dengan keazaman dan kekuatan seperti yang digunakan untuk membebaskan negara dari keganasan komunis," kata Abdul Razak.

Dihantui oleh bayang-bayang kemunduran dan kemiskinan semasa kecil di kampung; mandi di sungai, ke sekolah yang berbumbung atap dan berlantai tanah serta kaki tidak berkasut menjejak tanah, Abdul Razak mengambil tanggungjawab ini dengan penuh azam dan iltizam untuk mengeluarkan bangsanya dari kepahitan yang telah dilaluinya sendiri.

Beliau lalu memerangi kemiskinan seperti memerangi keganasan komunis di hutan rimba.

Buku prasarana pembangunan setiap daerah dan kampung dinamakannya "Buku Merah" kerana "merah" mengingatkannya kepada darurat, "merah" adalah "segera" dan "merah" adalah "bahaya" yang mesti dihapuskan.

Menerusi jalan darat dan udara, dengan perahu atau motobot, dengan basikal atau jalan kaki, Abdul Razak dengan tongkat senantiasa di tangannya menemui rakyat di seluruh ceruk rantau untuk memastikan pembangunan yang dirancangnya sampai kepada mereka.

Dalam setahun, Abdul Razak melawat tidak kurang daripada 45 bilik gerakan negeri, 118 bilik gerakan daerah di samping menemui rakyat yang meliputi perjalanan antara 40 000 hingga 60 000 batu.

Untuk menukarkan falsafah hidup dan sikap tradisi orang Melayu supaya mereka aktif menyertai rancangan pembangunan, Abdul Razak melancarkan berbagai-bagai gerakan. Antaranya ialah Gerakan Maju, Jayadiri dan Gerakan Pembaharuan.

Apabila negara menghadapi stagflasi dalam tahun 1974, beliau melancarkan Gerakan Bumi Hijau untuk menggiatkan jentera kerajaan melibatkan rakyat dalam rancangan penggunaan tanah, tanaman jangka pendek, perkebunan berkelompok, ternakan dan pemeliharaan ikan air tawar.

Di Kuala Lumpur, dalam tahun yang sama Restoran Rakyat telah dibuka di bawah kelolaan isterinya, Rahah untuk menjual makanan berkualiti dengan harga berpatutan kepada rakyat berpendapatan rendah.

Menerusi Felda dan Felcra[1], Abdul Razak telah membuka tidak kurang daripada 800 000 ekar tanah dari Perlis hingga ke Sabah yang menempatkan 85 000 keluarga yang mewakili seramai 400 000 orang.

Penonjolannya yang jelas dalam pembangunan desa, mendorongkan rakyat untuk memanggilnya "Bapa Pembangunan" tetapi ada pihak yang menganggapnya sebagai cauvinis kerana kegiatannya dilihat mengutamakan kaumnya sendiri.

Tetapi bekas Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, Thong Yaw Hong berkata, "Secara kebetulan kemiskinan berada di kampung-kampung dan yang miskin adalah orang Melayu. Matlamat Razak adalah untuk pembangunan nasional yang memerlukannya untuk membetulkan ketidakseimbangan."[2]

Apabila Lt. Jeneral Abdullah Samsudin, Komander Briged Keenam di Sungai Petani Kedah dalam tahun 1973 bertanya kepada Abdul Razak kenapa peruntukan yang besar diberikan bagi pembangunan kampung-kampung baru (*new village*) sedangkan penduduknya terdiri daripada orang Cina tidak bekerjasama dengan kerajaan. Abdul Razak menjawab, "Jangan lupa saya telah memberikan peruntukan yang lebih kepada kampung-kampung tradisi."[3]

"Razak adalah seorang yang adil", kata bekas Menteri Perumahan Kerajaan Tempatan dan Pembangunan Kampung Baharu, Michael Chen.[4]

---

1. Felda ialah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan Felcra ialah Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan.
2. Interbiu dengan Tan Sri Thong Yaw Hong.
3. Interbiu dengan Lt. Jeneral Datuk Abdullah Shamsuddin.
4. Interbiu dengan Datuk Michael Chen.

LAWATAN YANG AMAT B
TUN ABDUL RAZA
— 1 —

JOHORE:
1 JOHORE BA
2 MUAR
3 BATU PAHAT
4 SEGAMAT
5 KLUANG
6 PONTIAN
7 MERSING
8 KOTA TINGGI

PAHANG:
1 KUANTAN
2 TEMERLOH
3 RAUB
4 BENTONG
5 PEKAN
6 CAMERON HIGHLANDS
7 JERANTUT
8 KUALA LIPIS

SELANGOR:
1 KUALA LUMPUR
2 KLANG
3 KUALA SELANGOR
4 ULU SELANGOR
5 ULU LANGAT
6 KUALA LANGAT
7 SABAK BERNAM

MALACCA:
1 JASIN
2 ALOR GAJAH
3 MCCA CENTRAL

PENANG:
1 BALIK PULAU
2 BUKIT MERTAJAM
3 BUTTERWORTH


PERLIS:
KANGAR


TRENGGANU:
1 KUALA TRENGGANU
2 DUNGUN
3 MARANG
4 BESUT
5 ULU TRENGGANU
6 KEMAMAN

EFFECTIVE WORKING DAYS
TO IMPLEMENT FIVE-YEAR
PLAN



Inilah Bilik Gerakan Negara di Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar di Jalan Dato' Onn Kuala Lumpur yang membolehkan Abdul Razak merasakan denyut nadi pembangunan luar bandar di seluruh negara.
Bilik Gerakan ini telah ditubuhkan pada 4 September 1961 sebagai pusat merancang dan menggerakkan pembangunan di seluruh negara. Ia lengkap dengan peta, carta, foto, filem, rajah dan graf berkaitan dengan pembangunan di peringkat daerah dan negeri.
Abdul Razak berkata "Tujuan Bilik Gerakan Pembangunan Negara ini bukanlah untuk merasai nadi kemajuan yang masih berdenyut, tetapi mengesan tempat-tempat di mana nadi pembinaan telah terhenti denyutnya, semoga halang lintangnya dapat dicari dan salah silapnya dapat diperbetulkan segera."





Buku Merah mengandungi berbagai-bagai projek pembangunan tiap daerah yang terdapat di Bilik Gerakan Negeri dan Daerah di seluruh negara. Buku ini yang diperkenalkan oleh Abdul Razak dalam tahun 1960 menjadi panduan utama kepada pegawai-pegawai kerajaan dalam menggerakkan pembangunan luar bandar seperti pembinaan jalan, parit, surau, klinik, kelas dewasa, perkhidmatan telefon dan sebagainya.
Buku Hijau pula adalah pelan induk kerajaan untuk melipatgandakan pengeluaran bahan-bahan makanan supaya cukup untuk keperluan negara.

Dalam pertemuan dengan Pegawai-pegawai Daerah dan Penyelia-penyelia Kelas Dewasa dari seluruh negara di Bilik Gerakan Negara pada 12 Oktober 1963, Abdul Razak menunjukkan carta lawatannya sebagai Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar bagi tahun 1962 yang berjumlah 45 lawatan ke pejabat Gerakan Negeri dan 118 pejabat Gerakan Daerah meliputi sejauh 43 000 batu dengan kapal terbang, kereta api, motokar, bot dan berjalan kaki.
Beliau mengingatkan seluruh pegawai yang terlibat dengan pelaksanaan Rancangan Lima Tahun Malaysia Kedua (1961-1965) bahawa masa kerja yang sebenar hanya tinggal 1000 hari sahaja kerana daripada sejumlah 1825 hari dalam lima tahun, terdapat 700 hari cuti yang terjumlah dari cuti hujung minggu iaitu Jumaat, Sabtu dan Ahad, cuti umum, cuti sakit dan cuti tahunan.
Di bawah carta lawatannya ialah carta pai pembahagian "hari kerja" dan "tidak bekerja" dalam lima tahun.



Abdul Razak melalui sawah padi ketika melawat Kampung Seng Kala, Raub Pahang pada 17 Ogos 1961.
Tentunya perjalanan ini menghimbaukan kenangan Abdul Razak kepada zaman anak-anaknya; berjalan kaki tanpa kasut melalui kampung terpencil dan batas sawah setiap hari untuk ke Sekolah Umum di Kampung Langgar, Pekan.



Penduduk-penduduk Kampung Sungai Tok Pandak, Kangar membantu Abdul Razak melalui lumpur dan titian kecil bagi menyaksikan sendiri keadaan kehidupan para petani di kampung itu dalam bulan November 1960. Beliau memberitahu Penolong Pegawai Pembangunan Luar Bandar dari seluruh negara pada 11 November 1960, "Saya sendiri akan melawat ke jajahan dari satu masa ke satu masa untuk melihat hasil rancangan yang terletak pada usaha dan tenaga Penolong-penolong Pegawai Kemajuan." Beliau meminta mereka membandingkan kerja dengan tugas setem pada sampul surat. "Setem itu berguna dan berharga jika ia tetap melekat kepada surat sehingga surat itu sampai kepada alamat yang ditujukan. Jika tidak, setem itu tidak berguna. Pekerjaan tuan-tuan hanya akan dihargai dan dipandang tinggi jika pekerjaan itu mendapat hasil yang dikehendaki."



Berperahu bersama pegawai-pegawainya untuk melawat pintu kawalan Rancangan Tali Air Sungai Padang, Kangar. Bercermin mata hitam di hadapan sekali ialah bekas pegawai Pentadbiran Tentera British (BMA) C.G. Ferguson yang diambil oleh Abdul Razak bekerja dengannya sebagai Timbalan Setiausaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Ferguson menggunakan pengalamannya, membantu Abdul Razak membentuk Bilik Gerakan Pembangunan Luar Bandar berasaskan bilik operasi tentera bagi memerangi kemiskinan dengan strategi memerangi darurat. Ferguson mahir berbahasa Melayu dan pandai berpantun.



Abdul Razak melawat Jalan Gertak Sanggol di Pulau Pinang pada September 1961 yang sedang dalam pembinaan. Di kanan, Ketua Menteri Pulau Pinang, Wong Pow Nee.



Bertongkat meniti jambatan batang kelapa setelah melawat Kampung Soi, Kampung Sepat, Kampung Penor dan Kampung Pahang di Kuantan pada 12 April 1964. Beliau melawat kelas dewasa yang terletak di salah sebuah kampung tersebut. Dalam masa 10 tahun, Abdul Razak mencelikkan lebih tiga juta orang dewasa yang buta huruf menerusi Kelas Dewasa di seluruh negara yang dilancarkannya mulai tahun 1961.

Pada 16 Disember 1961, Abdul Razak berjalan lebih dua batu melalui jalan berlumpur dan licin yang penuh dengan semak-samun untuk sampai ke Kampong Paya Luas di Kuala Kurau Pahang bagi menyaksikan kemajuan pembinaan jalan yang menghubungkan Paya Luas dengan sebatang jalan utama di Kuala Kurau.

Abdul Razak begitu riang dapat berbual dan mendengar penduduk kampung menyampaikan masalah mereka kepadanya ketika melawat jalan baru Bukit Gantang dalam daerah Larut dan Matang pada 22 Julai 1960.
Lihat betapa pakaian anak-anak kampung pada tahun 60-an, berkain gulung tanpa baju dan kasut. Tentunya ada antara anak-anak ini yang telah berjaya dalam pelajaran, menjadi pegawai dan peniaga dan menikmati kehidupan mewah menerusi Dasar Pembangunan Luar Bandar, Hak Istimewa dan Dasar Ekonomi Baru.



*Abdul Razak melawat kawasan yang dilanda banjir besar di luar Kota Bharu pada 7 Januari 1967. Antara kampung yang dilawati ialah Kampung Bunut Payung. Mengiringi beliau, Menteri Besar Kelantan, Asri Haji Muda (**kiri sekali**) dan Menteri Kerja Raya, Pos dan Telekom, Sardon Jubir (**tiga dari kanan**).*






Tiba dengan kereta api di Bukit Besi Dungun bersama dengan Menteri Besar Terengganu, Ibrahim Fikri untuk meninjau masalah perusahaan lombong besi yang menghadapi kemerosotan dalam tahun 1964.

Melihat penduduk-penduduk bergotong-royong dalam Gerakan Jayadiri di Kuala Pilah dalam tahun 1974.



*Abdul Razak melawat kawasan Parlimen Bachok yang diwakili oleh Timbalan Yang Dipertua Pas, Zulkifli Mohamad untuk mendengar taklimat dan meninjau sendiri pembangunan luar bandar yang dijalankan di kawasan itu. Zulkifli (**di kiri sekali**) telah terbunuh dalam kemalangan jalan raya dekat Basrah, Pahang selepas pilihan raya 1964. Di sebelah kiri Abdul Razak ialah Wan Abdul Kadir bin Wan Ismail, Pegawai Penerangan UMNO yang pernah menjadi Menteri Penerangan Malaysia. Dalam hasratnya untuk menyampaikan pembangunan kepada rakyat, Abdul Razak tidak mengenal batas perbezaan politik malah beliau menyatakan dalam temuramah dengannya yang disiarkan oleh* Sunday Times *pada 19 September 1971, "Saya ingin melakukan sesuatu di Kelantan seperti saya telah usahakan untuk rakyat di negeri-negeri lain, mengadakan pembangunan, membuka tanah untuk rakyat, jalan raya, klinik, sekolah...."*



Abdul Razak bertanyakan kepada Pegawai Daerah Kemaman, Taib Ali mengenai kerja-kerja pembangunan luar bandar yang di jalankan di daerahnya dalam lawatannya pada 7 April 1964. Terdapat Pegawai-pegawai Daerah yang gementar dengan lawatan Abdul Razak ke daerahnya kerana beliau amat menghalusi dan mengenali sebarang percubaan untuk menutup kelemahan dan kegagalan dalam pelaksanaan.




Mengunjungi rumah seorang penduduk kampung di Endau dalam rangka kempen pilihan raya 1959.



Setelah merasmikan sebatang jalan simen di Kampung Parit Haji Yusof, Krian Perak, Abdul Razak menumpang skuter seorang penduduk tempatan untuk memeriksa jalan baru itu pada Januari 1969.




Bersama wakil rakyat dan penduduk Kampung Rambong di Baling pada 12 September 1961 dalam rangka lawatannya untuk menanam semangat gotong-royong di kalangan penduduk.



Abdul Razak meneliti kedudukan projek pembangunan di Dungun yang dimaklumkan kepadanya oleh Jurutera Negeri Terengganu, R. L. Stewart. Turut memerhati di kanan sekali ialah Menteri Besar Terengganu, Ibrahim Fikri.



Abdul Razak sedang diberikan penerangan oleh Pengerusi Felda, Taib Andak tentang kemajuan rancangan Felda. Di belakang Abdul Razak ialah Ghafar Baba. Ada pihak yang berpandangan bahawa keberkesanan pelaksanaan rancangan ini adalah kerana Taib Andak sebagai seorang rakan karib Abdul Razak telah diberikan kepercayaan penuh olehnya dan dapat menjalankan tugasnya dengan licin tanpa banyak gangguan politik.



Abdul Razak melawat sebuah rumah murah MARA di Bukit Kati dalam lawatannya ke Perlis pada Julai 1968. Beliau seolah-olah bertanya "Apakah kita selamanya akan tinggal di sini?"
Dua puluh tahun sesudah kematiannya, kehidupan rakyat banyak berubah. Banyak rumah peneroka Felda telah berubah wajah dan anak-anak Felda berpelajaran tinggi, memasuki lapangan profesional dan menjadi usahawan yang berjaya.

Abdul Razak melawat peringkat awal Rancangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) di Kampung Awah, Pahang. Kelihatan rumah-rumah peneroka yang telah siap dibangunkan.
Felda merupakan projek Abdul Razak yang paling berkesan dalam mengubah kehidupan masyarakat kampung dari petani miskin dan tidak pernah bertanah menjadi peladang yang kaya menerusi penanaman getah, kelapa sawit dan dusun yang teratur di atas tanah yang diberikan kepada mereka dengan keluasan yang ekonomik. Felda berusia 10 tahun ketika Abdul Razak meninggal dalam tahun 1976. Dalam tahun 90-an di beberapa buah negeri terdapat peneroka Felda yang menjadi jutawan apabila tanah mereka dimajukan bagi pembangunan kawasan perumahan.



*Kedua-dua gambar kartun yang disiarkan oleh akhbar Straits Times ini dalam awal tahun 60-an menggambarkan Abdul Razak melancarkan Rancangan Malaysia Kedua sebagai peperangan menghadapi suatu lagi darurat iaitu kemiskinan di kalangan rakyat kampung. Turut menyaksikan pelancaran itu ialah Presiden Parti Negara, Onn Jaafar, Yang di-Pertua Pas, Dr. Burhanuddin Al-Hilmy (**nombor dua dari kanan di belakang tugu**), Ketua Parti Progresif Rakyat (PPP), Dr. Seenivasagam (**kiri sekali**) dan Ketua Umum Parti Rakyat Malaya (PRM), Ahmad Boestamam (**berbaju belang**).*



Abdul Razak dengan projek pembangunan luar bandarnya dan Menteri Kewangan, Tan Siew Sin sebagai sumber pembiayaannya. Matlamat rancangan ini adalah untuk membawa pemodenan ke kampung dan menukarkan kampung menjadi bandar.



Abdul Razak merasmikan upacara menakung air Empangan Muda Kedah bersempena dengan pembukaan empangan itu pada 26 April 1969. Projek yang bernilai RM228 juta ini merupakan salah satu projek terbesar di Asia Tenggara yang membolehkan penanaman padi dua kali setahun yang menggandakan pendapatan para petani Kedah. Menurut Timbalan Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri pada masa itu, Thong Yaw Hong rancangan ini tidak sahaja memberikan faedah kepada petani-petani Melayu tetapi juga ramai penanam padi Cina di Kedah.



Bersama para petani menaburkan baja di sawah dalam Kempen Jayadiri di Tanjung Karang, Selangor dalam tahun 1968.



Antara kemudahan yang dibawa ke kampung di bawah Rancangan Pembangunan Luar Bandar dalam tahun 60-an ialah perkhidmatan telefon. Abdul Razak cuba menggunakan pondok telefon yang diadakan di Kuala Selangor.



Pertemuan dengan pemimpin-pemimpin Perkumpulan Perempuan di Bilik Gerakan Negara pada 4 Disember 1963. Abdul Razak menyeru pemimpin-pemimpin wanita di bandar memainkan peranan bagi membangunkan kesedaran di kalangan wanita kampung untuk menerima gerakan pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan.



*Isteri Abdul Razak, Rahah (**dua dari kiri**) sebagai Pengerusi dan Pengelola Restoran Rakyat sedang mengadakan mesyuarat dengan ahli jawatankuasanya bagi melicinkan perjalanan restoran itu.*
Restoran Rakyat telah diwujudkan dalam tahun 1974, terletak berhadapan dengan Dewan Bandaraya atas cadangan Abdul Razak bagi membantu rakyat berpendapatan rendah di bandar mendapat makanan yang berkualiti dan berzat dengan harga yang berpatutan dalam masa negara menghadapi inflasi.



Berucap di upacara perletakan batu asas bangunan MARA di Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur pada 6 Jun 1965. Duduk di barisan depan dari kanan, Menteri Penerangan, Senu Abdul Rahman, Menteri Hal-Ehwal Sarawak, Temenggung Jugah, Menteri Pelajaran, Mohd Khir Johari, Menteri Kerja Raya Pos dan Telekom, Sardon Jubir, Menteri Tanah dan Galian, Abdul Rahman Yaacob, Menteri Besar Selangor, Harun Idris dan Menteri Besar Pahang, Yahya Mohd Sheikh.



Bank Bumiputra telah ditubuhkan dengan bantuan modal dari kerajaan sebanyak lima juta ringgit berikutan dengan suatu keputusan dalam Kongres Bumiputera Pertama. Abdul Razak membuka akaun di bank itu bersempena dengan pembukaannya di Kuala Lumpur pada 14 Oktober 1966. Beliau menyerahkan simpanannya kepada pengarah urusan bank Bumiputera yang pertama Mohammad Razlan bin Abdullah dengan diperhatikan oleh Setiausaha Syarikat, Mohd Ros Mohd. Ali.



Merasmikan pembukaan Kongres Ekonomi Bumiputera yang kedua di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur pada 17 September 1968. Di kanannya ialah Pengerusi MARA, Ghafar Baba dan di kirinya pengerusi persidangan, Raja Mohar Badiozzaman.



Sebuah jawatankuasa pelaksanaan keputusan Kongres Bumiputera Kedua telah dibentuk dengan dipengerusikan oleh Abdul Razak sendiri bagi mengkaji dan memastikan pelaksanaan semua keputusan dengan berkesan dari masa ke masa. Abdul Razak mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa itu pada 17 Disember 1968. Dari kanan ke kiri terdiri daripada menteri-menteri kabinet: Ghazali Jawi, Ghafar Baba, Abdul Rahman Yaacob, Senu Abdul Rahman dan Sardon Jubir. Menurut Abdul Rahman Yaacob mesyuarat itu membincangkan rasa tidak puas hati yang mulai timbul di kalangan orang Melayu terhadap kelemahan pelaksanaan keputusan Kongres Bumiputera yang pertama melibatkan tanggungjawab Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan juga Bank Negara yang gabenornya ketika itu ialah Ismail Ali.



Pengarah Institut Teknologi MARA (ITM), Arshad Ayub menunjukkan kepada Abdul Razak model bangunan ITM apabila beliau melawat ke tapak bangunan itu pada 11 Februari 1969, setahun setelah beliau meletakkan batu asasnya di Batu Tiga Jalan Klang, Selangor. ITM telah berjaya memenuhi hasrat Abdul Razak untuk menghasilkan pengeluaran anak-anak Melayu terutamanya dari luar bandar dalam bidang profesional, perniagaan dan perusahaan. Abdul Razak terkenal sebagai seorang yang dapat mengenali dengan tepat bakat dan potensi seseorang. Arshad Ayub seorang pegawai kerajaan yang progresif dan sentiasa bersemangat tinggi yang ditugaskannya ke ITM telah memainkan peranan berkesan dalam merancang kurikulum yang produktif dan tenaga pengajar yang dinamik bagi melahirkan pelajar-pelajar yang berkualiti. Imej Arshad yang tegas dan agresif sebagai pengarah pertama ITM menjadi kenangan kepada ramai bekas pelajar institut itu.



Abdul Razak sangat berbangga dengan bilik gerakannya. Hampir setiap tetamu negara yang terdiri daripada ketua-ketua negara asing; presiden, perdana menteri dan raja telah dibawa menyaksikan bilik ini dan diberikan penerangan mengenai pembangunan luar bandar di seluruh negara. Shah Iran dan isterinya Farah Diba sedang diberikan penerangan oleh Abdul Razak ketika mereka melawat Bilik Gerakan Negara dalam kunjungan rasmi ke negara ini pada Januari 1968.



Raja Arab Saudi, Al-Malik Faisal melawat Bilik Gerakan Pembangunan Negara pada 8 Jun 1970.

> Abdul Razak telah memilih untuk menyokong Tunku apabila Tunku memberikan kata dua: "Pilih saya atau Mahathir" dalam krisis politik UMNO 1969 walaupun Abdul Razak diketahui mempunyai penilaian yang tinggi terhadap Mahathir.

Pengarang



liku-liku perjuangan

Abdul Razak bin Hussein yang menjadikan perjuangan sebagai falsafah hidup sejak zaman persekolahannya, telah memilih UMNO, sebuah parti politik Melayu *moderate* untuk menyempurnakan misinya kepada bangsa, agama dan negara apabila beliau kembali ke tanah air dengan ijazah undang-undang dari Lincoln's Inn, London dalam tahun 1950.

Dalam politik, Abdul Razak menjalin setiakawan dengan Tunku Abdul Rahman selama lebih 20 tahun, daripada perjuangan mencapai kemerdekaan hinggalah kepada mencorak kemerdekaan dengan dasar ekonomi pasaran, memerangi komunisme, dan ekstremisme serta membangunkan masyarakat majmuk.

Sedang Tunku Abdul Rahman dijulang sebagai "Bapa Kemerdekaan", Abdul Razak yang mewangi peranannya dalam pembangunan ekonomi luar bandar dan bandar dianugerahkan oleh rakyat dengan panggilan "Bapa Pembangunan".

Perjuangan politiknya sejak dari awal memperlihatkan kehandalannya sebagai *trouble-shooter* yang tersembunyi, licin dan berkesan dalam mencapai matlamat, menangani krisis dan melalui situasi kritikal. Ini dapat dilihat antara lain dalam pembentukan Dasar Pelajaran Kebangsaan (Penyata Razak 1956), Pembangunan Luar Bandar, pembentukan Malaysia, penyingkiran Singapura, Konfrontasi Indonesia, Peristiwa 13 Mei, pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, Krisis Sabah dan kes Datuk Harun.

Beliau lebih percaya kepada politik akomodasi dari politik konfrontasi, menukarkan musuh menjadi kawan dan menggunakan kuasa dan pengaruh pada kesempatan yang terbuka dengan memperlihatkan penghormatan kepada undang-undang dan perlembagaan negara.

Puncak kegemilangan politiknya ialah apabila beliau muncul sebagai Pengarah Gerakan Negara dalam Peristiwa 13 Mei 1969, menggantung Parlimen, memerintah dengan *decree*, mengharamkan perbincangan isu sensitif, menerapkan kesetiaan dengan Rukunegara, membangunkan semula harapan dan keyakinan rakyat dengan Dasar Ekonomi Baru, mengembalikan demokrasi berparlimen dan menggabungkan semua parti politik termasuk pembangkang dalam sebuah kerajaan Barisan Nasional.

Dalam stail dan pendekatan, Abdul Razak dilihat sebagai *strategist* dan *tactician*, diplomat yang bijaksana dan demokrat yang tidak berganjak daripada prinsip hak dan keadilan.

Di sebalik pegangannya yang kuat kepada Ketuanan Melayu, Abdul Razak tidak bertolak ansur dengan kepercayaannya kepada dasar perimbangan dan keadilan masyarakat majmuk.

Beliau mengasaskan berbagai-bagai institusi kebangsaan yang menjadi tapak kukuh pergerakan negara ke arah perimbangan pembahagian ekonomi, keharmonian politik dan kedamaian negara.

Semua institusi yang dibangunkannya kekal menjadi warisan yang terus berfungsi, membesar dan berkembang melimpahkan hasil, memakmurkan yang miskin, melahirkan ramai ilmuan, cendekiawan dan para profesional, menukarkan syarikat-syarikat kecil menjadi korporat dan konglomerat yang kesemuanya menjadi bukti bicara bahawa Abdul Razak adalah seorang *visionary* yang jauh melampaui batas zaman.

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) dan Lembaga Penyatuan Pemulihan Tanah Persekutuan (Felcra) memakmurkan anak-anak kampung yang asalnya

tidak bertanah. Majlis Amanah Rakyat (MARA), Institut Teknologi Mara (ITM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Bank Bumiputra melahirkan ilmuan dan profesional Melayu yang handal, Petroleum Nasional (Petronas) telah memiliki kepakaran sendiri dan operasinya menjangkau ke luar negara, Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) terus menjadi tapak kemaraan bumiputera di bandar dan Perbadanan Nasional (PERNAS) menjadi PERNAS International Holdings Berhad.

Abdul Razak juga telah mengarahkan penubuhan syarikat penerbangan Malaysia pada Mac 1971 dengan nama Malaysian Airlines (MAL). Tetapi pada bulan Oktober, namanya telah ditukar kepada Malaysian Airline System (MAS). Abdul Razak sendiri telah memilih nama MAS itu daripada beberapa nama yang dikemukakan oleh pihak pengurusan setelah mendapati nama MAL tidak sesuai.

Dasar Ekonomi Baru yang diperkenalkannya dalam jangka masa tidak sampai 30 tahun telah mencorakkan identiti baru masyarakat Malaysia, menghapuskan pengenalan kaum menerusi fungsi ekonomi, Melayu tidak lagi dikenali hanya sebagai nelayan, petani dan pekerja kampung sebaliknya berada di barisan depan bersama kaum India dan Cina di lapangan perniagaan, perusahaan dan bidang profesional.

Betapapun perasaan simpatinya terhadap masalah kaumnya tetapi Abdul Razak tidak pernah tertarik dengan pandangan dan pendekatan yang tidak rasional untuk menyelesaikannya.

Beliau adalah seorang nasionalis terulung yang mahu masyarakat majmuk Malaysia berkembang dengan seimbang dan sihat.

Di atas segala-galanya, Abdul Razak tidak syak lagi merupakan seorang *visionary* teragung dalam sejarah negara kerana kebanyakan tugu kegemilangan bangsa hari ini terbangun atas tapak-tapak yang ditinggalkannya.



Abdul Razak bagi pertama kalinya mengemukakan konsep Barisan Nasional (BN) untuk mendapat restu rakyat dalam pilihan raya umum 1974 dengan menggunakan simbol dacing. Beliau adalah arkitek BN yang diasaskan dengan penubuhan kerajaan campuran di beberapa buah negeri setelah berakhirnya MAGERAN pada tahun 1971.



Abdul Razak, Tunku Abdul Rahman dan Dr. Ismail, tiga serangkai pemimpin besar Malaysia yang dari sejak awal kemerdekaan seiring jalan mencorakkan kemerdekaan negara atas asas anti-komunis, antiekstremisme, propasaran bebas dan dasar hidup bersama pelbagai kaum. Gambar di persidangan UMNO 1959.



Abdul Razak meletakkan batu asas bangunan Ibu Pejabat UMNO di Jalan Tuanku Abdul Rahman Kuala Lumpur pada 2 September 1960. Ibu pejabat ini telah digunakan hingga Januari 1986 apabila UMNO berpindah ke ibu pejabat barunya setinggi 41 tingkat berharga RM368 juta di Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur.



The

Malay College

Magazine

1940

Vol. 1. — No. 2.

BELIA-BELIA MELAYU DENGAN PERSURATAN.

PADA keluaran THE MALAY-COLLEGE MAGAZINE kali ini tergerak hati sahaya hendak menuliskan sadikit bagi pandangan sahaya di-atas belia-belia Melayu yang berpelajaran Inggeris zaman sekarang di-dalam bahagian persuratan bahasa-nya. Maka di-harapkan boleh kira-nya di-masa yang lapang bagi menjadi bachaan saudara-saudara sakalian yang masch di-bangku sekolah-nya lagi sa-mentara tempoh menempoh dunia kerana melayarkan bahtera kehidupan belum tiba ketika-nya. Mudah-mudahan; pada suatu masa di-hadapan kelak, dapat-lah kita bersama-sama melihat bertambah banyak bilangan orang-orang muda kita yang bekerja kuat bagi menegapkan semangat sama-sama bangsa-nya kerana watan kita Semenanjong yang di-kasehi ini.

—

Ada pun nampak-nya kebanyakan pemuda-pemuda Melayu zaman sekarang ini yang sudah bersekolah Inggeris konon tidak-lah berapa lagi mengendahkan akan buku-buku dan surat-suratan sa-umpama surat khabar dan majallah bahasa-nya sendiri. Ada yang memikirkan, bahawa dengan sebab memegang surat khabar Melayu di-hadapan mata orang ramai boleh jadi jatoh mutu dan darjah diri-nya, dan sa-tengah-nya berkata, surat-surat khabar Melayu tiada berisi ilmu pengetahuan yang boleh menghidupkan semangat dan fikiran yang bernas. Maka yang lebeh ta' elok-nya lagi ia-lah menchercha pula dengan perkataan mengatakan surat-surat khabar dan barang sa-bagai-nya yang ada dalam bahasa Melayu penoh dengan chakap-chakap kosong dan perkara-perkara yang ta' ka-mana sampai-nya.

Maka sunggoh pun ada juga sadikit benar-nya tudohan ini, tetapi sukachita-lah sahaya berkata, bahawa macham mana pun hal-nya, maka ia-nya haq kita juga; sebab ada bahasa Melayu ia-lah kerana ada orang Melayu, meski pun sejarah-nya mengatakan penoh dengan champoran bahasa-bahasa dagan, sa-umpama bahasa Sanskrit, Arab, Hindi, Farsi, China, Portugis, Belanda dan sekarang banyak champoran bahasa Inggeris pula, tetapi ia-lah bahasa yang di-tutorkan oleh orang-orang kita (kechuali bahasa Eropah) sa-menjak berzaman-zaman dengan faseh mengikut pelat Melayu.

Ada pun belia-belia dan pemuda-pemuda yang berpelajaran Inggeris pada masa sekarang ada-lah di-jumlahkan ia-nya ka-dalam hutongan orang yang berilmu, kerana tidak shak segala ilmu pengetahuan yang sa-ni-seni boleh belaka di-dapati-nya daripada buku-buku bahasa Inggeris. Tetapi bukan-kah kelak malu juga jika di-sisi jumlah puak kaum berpelajaran konon itu jahil di-dalam bahasa-nya sendiri terlebeh daripada orang tua-tua Melayu yang di-katakan kunu atau orang yang tiada berpelajaran itu?

Maka tudohan dan pandangan rendah kapada bahasa Melayu itu pada fikiran sahaya terjadi bukan-lah kerana apa, melainkan ia-lah sebab kejahilan mereka juga di-dalam bahasa-nya sendiri. Mereka tiada mengenal akan bagaimana manis-nya dan halus-nya bahasa persuratan Melayu; mereka

Keratan rencana "Belia-belia Melayu dengan Persuratan" tulisan Abdul Razak dalam majalah Malay College Kuala Kangsar (MCKK) tahun 1940. Semangat nasionalis Abdul Razak telah terserlah dari sejak beliau menuntut di MCKK.
Dalam tulisannya ini, Abdul Razak antara lain menyatakan:
"Bagi belia-belia di bangku sekolah sukacitalah saya berkata bahawa sungguhpun tempoh sekolah Melayu tuan-tuan terpaksa disingkatkan kerana hendak merebut peluang mempelajari bahasa Inggeris tetapi janganlah lupa berjinak-jinak dengan suratan Melayu.
Untukkanlah masa tiap hari walaupun sekejap bagi membaca-baca atau menulis atau menyiasat bahasa Melayu kita. Kemudian hari kelak tahulah tuan-tuan bagaimana rupanya bahasa Melayu yang dikatakan dan kecantikannya. "Surat-surat khabar Melayulah yang sangat-sangat mengambil berat bekerja menyiarkan fikiran umat Melayu Raya pada masa ini. "Dengan membacanya sahaja, lain daripada tuan menolong perusahaan kerana kebajikan ramai, maka adalah tuan seperti senantiasa berhubung fikiran atau perasaan dengan kaum tuan yang ramai.
"Wartawan-wartawan Melayu kurun kedua puluh ini hidup perasaannya. Perusahaannya di dalam bahagian hendak memperluaskan bahasa Melayu sangat besar".

hanya-lah mendapat pelajaran bahasa Melayu-nya sa-kadar Darjah III atau IV sahaja di-sekolah Melayu (darjah yang belum boleh membacha dan mengeja serta mengarang bahasa Melayu dengan sempurna), kemudian terus-lah sahaja masok ka-sekolah Inggeris. Maka pada masa itu di-tinggalkan-nya-lah pelajaran Melayu-nya itu dengan tiada berusek-usek, hingga ia-nya meningkat ka-Darjah VIII atau-IX di-sekolah Inggeris (kechuali di-College ini) baharu-lah di-buka-nya balek, itu pun sa-kadar hendak lulus dalam pepereksaan Cambridge-nya sahaja—bukan sa-benar-nya di-buat kerana tarekan perasaan kegemaran mahu tahu selok belok bahasa-nya itu. Maka dengan mempelajari nahu-nya sadikit-sadikit dalam bahasa Inggeris (pada hal kebanyakan tiada pula faham menjalankan-nya dalam bahasa Melayu) dan boleh menterjumah daripada bahasa Inggeris ka-bahasa Melayu dengan ayat-ayat yang telor bunyi-nya atau sa-tengah-nya sa-kadar boleh di-tangkap sahaja maana-nya, maka keluar-lah ia ka-dunia yang lapang dengan pelajaran Inggeris-nya itu di-jadikan perkakas jadi jalan membetulkan taraf dan darjah diri-nya. Maka kekal-lah hal-nya demikian dari suatu masa ka-suatu masa, hingga yang ada, sa-makin lama masa di-lalui-nya, sa-makin jauh dan sayup bahasa-nya Melayu itu di-pandang-nya. Pada hal-nya ini-lah masa-nya yang patut benar bagi-nya berapat-rapat dengan persuratan Melayu-nya yang maseh bengkalai lagi itu.

Maka kurang-lah patut-nya demikian. Bagi belia-belia yang di-bangku sekolah sukachita-lah sahaya berkata, bahawa sunggoh pun tempoh sekolah Melayu tuan-tuan terpaksa di-singkatkan kerana hendak merebut peluang mempelajari bahasa Inggeris, tetapi jangan-lah lupa berjinak-jinak dengan suratan Melayu. Untokkan-lah masa pada tiap-tiap hari, walau pun sa-kejap, bagi membacha-bacha atau menulis atau menyiasat bahasa Melayu kita. Kemudian hari kelak tahu-lah tuan-tuan bagaimana rupa-nya bahasa Melayu yang di-katakan ada kechantekan-nya itu.

Bacha-lah surat-surat khabar dan majallah Melayu. Surat-surat khabar Melayu hari ini pada bahagian kandongan-nya tiada-lah berapa benar kurang-nya daripada surat-surat khabar Inggeris; bahkan surat-surat khabar Melayu-lah yang sangat-sangat mengambil berat bekerja menyiarkan fikiran ummat Melayu raya pada masa ini. Dengan membacha-nya sahaja, lain daripada tuan menolong perusahaan kerana kebajikan ramai, maka ada-lah tuan saperti sentiasa berhubong fikiran atau perasaan dengan kaum tuan yang ramai.

Wartawan-wartawan Melayu qurun kedua puloh ini hidup perasaan-nya. Perusahaan-nya di-dalam bahagian hendak memperluaskan bahasa Melayu sangat besar. Apa-kah tujuan wakil-wakil akhbar Melayu mengadakan perkumpulan di-Singapura sadikit minggu dahulu? Maka jawab-nya tiada-lah lain daripada tujuan hendak menubohkan kesatuan kerana menchari persamaan di-dalam lengkongan persuratan Melayu. Maka Kesatuan yang sa-umpama ini, jika berjaya, maka mutu-nya akan kembali kapada orang-orang Melayu sendiri. Tetapi sa-balek-nya boleh-kah chukup berjaya, kira-nya orang-orang Melayu yang berpelajaran tinggi dalam bahasa Inggeris pada hal tiada banyak yang mengambil berat atas sa-suatu pergerakan bahasa-nya sendiri? Sama-sama-lah kita jawab di-dalam hati.

Agak-agak-nya sudah mendengar belaka akan nama-nama Maxwell, Shellabear, Marsden, Wilkinson, Blagden, Winstedt dan berpuloh-puloh lagi tuan-tuan Pegawai kulit puteh yang sangat mengambil berat menyiasat akar umbi dan rumpun bahasa Melayu. Maka sakalian-nya itu tiada-lah akan tergerak hati-nya, melainkan kerana banyak perkara-nya dan rahsia-nya yang ada di-dalam bahasa Melayu itu boleh di-kutip dan di-kumpulkan. Sekarang lihat-lah, sedangkan orang lain lagi sangat mengambil berat di-dalam perkara persuratan kita, maka betapa pula patut-nya kita, tuan punya-nya sendiri. Balek-balek mereka pula lebeh pandai daripada kita sendiri.

Ada pun buku-buku di-dalam bahasa Melayu memang-lah kekurangan. Darjah kandongan-nya betul banyak yang rendah, tetapi kechantekan-nya maseh kekal juga. Perhatikan-lah buku-buku Melayu yang lama-lama. Maka jalan hendak mendapat buku-buku yang mengandongi fikiran tinggi hanya-lah dengan peranteraan tuan-tuan pendeta Melayu yang berpelajaran tinggi dalam bahasa Inggeris atau lain-lain bahasa yang maju sahaja, lain tidak. Maka ini-lah sahaya berfikir sangat patut-nya belia dan pemuda-pemuda hari ini memandang kapada bahasa-nya sendiri. Jadikan-lah pengetahuan Inggeris itu kemudian hari (lain daripada kemustahakan kerana jawatan yang khas) saperti sahabat yang menolong membanyakkan buku-buku dan persuratan Melayu kerana menyampaikan fikiran dan pelajaran kapada orang-orang Melayu yang ramai yang tiada berpengetahuan Inggeris. Orang-orang kita Melayu terkenal bangsa yang terkemudian sa-kali dalam perlumbaan kemajuan di-tanah ayer-nya sendiri pada hari ini. Sedang kekurangan ilmu pengetahuan, kekurangan kuat kuasa dan kekurangan serba serbi-nya. Kita hendak-lah berlari, bukan berjalan merangkak-rangkak, balek-balek di-situ juga.

Al-hasil, berat tanggongan belia-belia dan pemuda-pemuda, kerana kapada-nya-lah tersandar kehidupan marwah bangsa-nya yang kuchar kachir pada masa ini. Mari kita belajar bersama-sama dan hidupkan perasaan suka berbantu-bantuan sa-mentara ada masa lagi, mudah-mudahan jadi-lah kita orang yang tegap dan kuat memikul beban yang berat yang akan kita tanggong kelak, ada-nya.

A. Razak bin Husin,

Prob. M.A.S.



Abdul Razak mengangkat sumpah sebagai Menteri Pelajaran pada 9 Ogos 1955 di hadapan Yang di-Pertuan Agong yang pertama Tuanku Abdul Rahman.
Dengan ini bermulalah langkah besar Abdul Razak ke arah memenuhi aspirasi nasional untuk mewujudkan satu Dasar Pelajaran Kebangsaan yang berasaskan kepada penggunaan bahasa Melayu.

Abdul Razak menghadap Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara pada 21 Ogos 1959 untuk meletak jawatan sebagai Perdana Menteri setelah menyandangnya kerana Tunku Abdul Rahman meletakkan jawatan dan menumpukan masa dan tenaganya bagi kempen pilihan raya nasional yang pertama selepas merdeka.





Jawatankuasa Dasar Pelajaran Kebangsaan mengadakan mesyuaratnya yang pertama pada 30 September 1955 dengan dipengerusikan oleh Menteri Pelajaran, Abdul Razak. Ahli jawatankuasanya terdiri daripada Abdul Razak (Pengerusi), V.T. Sambanthan, Sulaiman Dato' Abdul Rahman, Abdul Aziz Haji Abdul Majid, Shamsudin Naim, Too Joon Hing, Abdul Rahman Haji Talib, Goh Chee Yan, Zainul Abidin Sultan Mydin, Lim Chong Eu, Abdul Hamid Khan Haji Sakhawat, Leung Cheung Ling, Mohamed Ghazali Jawi, Lee Thean Hin dan Mohamed Idris Mat Sil.



Keputusan Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga yang menganjurkan supaya ditubuhkan Lembaga Bahasa Melayu Indonesia-Malaysia untuk penyatuan bahasa kedua-dua negara telah disampaikan kepada Abdul Razak pada 21 September 1956 oleh Pendeta Za'ba.



Abdul Razak melancarkan Bulan Bahasa di Dewan Bahasa dan Pustaka pada 26 Mac 1966.
Minggu Bahasa Kebangsaan yang pertama telah diadakan dari 30 Januari hingga 6 Februari 1960. Abdul Razak berharap dalam minggu itu bukan keturunan Melayu akan menggunakan bahasa kebangsaan di rumah, di pejabat dan juga dalam perhubungan dengan rakan dan sekutu perniagaan.
"Hanya dengan cara ini mereka akan merasa terpulang kepada negara ini dan bahasa Melayu akan benar-benar menjadi tenaga berkesan yang mengikat perpaduan rakyat," katanya.



Menteri Pelajaran, Hussein Onn menyampaikan dokumen Ejaan Baru Malaysia–Indonesia kepada Abdul Razak di upacara pelancaran Sistem Ejaan Baru di Dewan Bahasa dan Pustaka pada 16 Ogos 1972.



Abdul Razak menyampaikan Hadiah Karya Sastera 1971 kepada seorang novelis tanah air yang terkenal, Shahnon Ahmad di Dewan Tunku Abdul Rahman. Shahnon pernah disifatkan oleh Abdul Razak sebagai Victor Hugo Malaysia dalam ucapannya merasmikan Seminar Kesusasteraan Nusantara di Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1973.




Abdul Razak mengkagumi karya seorang pelukis tanahair paling terkemuka Ibrahim Hussein ketika merasmikan pameran pelukis itu di Dewan Tuanku Canselor, Universiti Malaya.



Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah memberikan penghargaan kepada seorang pujangga dan ulama besar Indonesia yang terkenal Profesor Haji Abdul Malik Karimullah (HAMKA) dengan menganugerahkan kepadanya Ijazah Kehormat Doktor Undang-undang pada tahun 1974.
Abdul Razak sebagai Canselor UKM yang pertama menyampaikan ijazah itu kepada Hamka dalam suatu upacara konvokesyen di Bangunan Parlimen. Hamka menemui Abdul Razak di pejabatnya.



Abdul Razak sedang berbual dengan wartawan dan sasterawan tanah air dalam majlis penyampaian Hadiah Karya Sastera 1972.
Dari kiri Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times, A. Samad Ismail, wartawan Berita Harian Alias Ali, Presiden Gapena (Gabungan Penulis-penulis Nasional), Prof. Ismail Hussein dan Zakry Abadi.





Kumpulan kompang dan bunga manggar mengarak Abdul Razak dan isteri ke Dewan Tuanku Canselor, Universiti Malaya untuk merasmikan pembukaan Kongres Kebudayaan Kebangsaan. Turut serta ialah Timbalan Perdana Menteri, Dr. Ismail Abdul Rahman dan isteri, Hamzah Abu Samah, Nik Ahmad Kamil dan Profesor Ungku Aziz dan isteri pada 16 Ogös 1971. Dalam ucapan perasmiannya, Abdul Razak berkata: "Bentuk dan corak kebudayaan sesuatu bangsa hanya boleh dipastikan setelah menempuh proses timbang terima masyarakatnya serta menempuh ujian masa dalam mana setengah-setengah unsur itu diterapkan menjadi bentuk kebudayaan yang kekal sementara yang lainnya ditolak dan ditinggalkan.
"Dalam mencari bentuk dan menentukan corak kebudayaan kebangsaan kita tidaklah boleh melupakan hakikat masyarakat kita yang berbilang kaum - the reality of our multi-racial society".



Abdul Razak sebagai Menteri Pertahanan mengumumkan penyerahan diri seramai 118 pengganas komunis di Perak Selatan pada 9 Julai 1958. Di sebelah kirinya ialah Menteri Besar Perak, Ghazali Jawi dan di sebelah Ghazali ialah Pengarah Operasi Darurat Lt. Jeneral Sir James Casseis.



Abdul Razak sebagai Menteri Pertahanan melawat Rejimen Persekutuan di Kem Sungai Udang, Melaka pada bulan September 1959. Beliau disambut Mejar D. R. Y. Dawson dan Lt. Kol. M. Osborne.

*Malaya telah diletakkan dalam keadaan darurat dalam tahun 1948 berikutan keganasan komunis. Bagaimanapun kira-kira tiga tahun selepas merdeka, Undang-undang Peraturan Darurat itu telah dihapuskan. Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman menandatangani Perisytiharan Pemansuhan Darurat itu pada 31 Julai 1960 di bilik kabinet bangunan lama Parlimen dengan diperhatikan oleh Abdul Razak (**di kanan Tunku**). Berdiri memerhatikan ialah Abdul Aziz Abdul Majid Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri.*



PERLEMBAGAAN
PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

PEMASHHORAN MENGIKUT PERKARA 163 DALAM
PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

(T. ALAM SHAH)
Yang di-Pertuan Agong

BAHAWA SA-NYA ada-lah di-tentukan oleh Fasal (2) Perkara 163 dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu ia-itu Undang² Peratoran Dzarurat tahun 1948, dan mana² undang² tambahan yang di-buat mengikut Perlembagaan itu boleh pada bila² masa di-mansokhkan dengan satu Pemashhoran menyatakan Undang² yang tersebut itu tiada mustahak lagi:

DAN BAHAWA SA-NYA BETA puas hati sa-bagaimana yang tersebut kemudian daripada ini bahawa Undang² yang tersebut itu tiada mustahak lagi:

MAKA DENGAN HAL YANG DEMIKIAN BETA, Sultan Hisamuddin Alam Shah ibni Al-marhum Sultan 'Ala-iddin Sulaiman Shah Dengan Kurnia Allah Subhanahu-wata'ala bagi Negeri² dan jajahan Persekutuan Tanah Melayu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada menjalankan kuasa² yang di-beri kapada BETA oleh Fasal (2) Perkara 163 dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu DENGAN INI memansokhkan Undang² Peratoran Dzarurat tahun 1948, dan mana² undang² tambahan yang di-buat mengikut Perlembagaan itu mulai daripada tiga puloh satu haribulan July tahun 1960, dan BETA mengishtiharkan bahawa Undang² yang tersebut tiada mustahak lagi.

DI-BUAT di-Istana Negara Beta, di-Kuala Lumpur, Ibu Kota Persekutuan pada dua puloh sembilan haribulan July tahun sa-ribu sembilan ratus enam puloh.

Menjunjong Titah Perentah
Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong,

(T. ABDUL RAHMAN)
Perdana Menteri

Naskhah Perisytiharan Pemansuhan Darurat pada 31 Julai 1960.



Abdul Razak melawat Prebet Abu Bakar Khamis yang tercedera dalam serangan hendap pengganas komunis di Sarawak di Hospital Besar Kuala Lumpur dalam tahun 1967.



Tabung Derma Perwira dilancarkan oleh Abdul Razak pada 31 Oktober 1968 dengan kerjasama akhbar-akhbar untuk mengutip derma dari kalangan awam bagi membantu keluarga tentera yang terbunuh dan tercedera dalam gerakan memerangi pengganas komunis dan lain-lain gerakan keselamatan. Di kanan sekali ialah Ketua Pengarang Utusan Melayu, Melan Abdullah dan di kiri sekali Ketua Pengarang Straits Times, Leslie Hoffman.





Abdul Razak yang dalam rangka lawatan ke Sarawak kelihatan riang apabila Ketua Menteri Sarawak (1963-1966), Stephen Kalong Ningkan menandatangani Buku Merah bagi pembangunan luar bandar di negeri itu pada 18 Mei 1966. Beliau telah melawat Marudi, Bahagian Keempat, Sarawak. Meskipun pada masa itu Sarawak berada dalam krisis politik tetapi Abdul Razak cuba membawa pembangunan kepada bumiputera di kampung-kampung dan di rumah-rumah panjang di daerah pedalaman di negeri itu.Kalong Ningkan telah digantikan oleh Tawi Sli sebagai Ketua Menteri Sarawak pada akhir tahun 1966 apabila Sarawak diletakkan dalam pemerintahan darurat berikutan suatu krisis perlembagaan. Kalong Ningkan meninggal dunia pada 1 April 1997 dalam usia 76 tahun.

Abdul Razak mengumumkan dalam satu persidangan akhbar di Kuching pada Mac 1972 penubuhan Rajang Security Command (Rascom) untuk memerangi pengganas komunis di Sarawak. Ketua Menteri Sarawak, Abdul Rahman Yaacob dilantik sebagai pengarah operasinya. Rascom merangkum kerjasama antara orang awam, polis dan tentera dengan tujuan membolehkan dasar dan keputusan dijalankan dengan cepat dan berkesan terutama sekali dalam perkara yang memerlukan usaha sama berbagai-bagai perkhidmatan. Apabila gerakan ini mencapai kejayaan besar pada tahun 1974 dengan tangkapan dan penyerahan beramai-ramai pengganas komunis, Abdul Rahman menjemput Abdul Razak untuk mengumumkan kejayaan itu tetapi beliau memberitahu Abdul Rahman, "that is your show" *("itu adalah kejayaan awak"). Abdul Rahman mengenang Abdul Razak sebagai seorang yang tidak ingin mengambil kesempatan untuk mencari nama dan popularity.*



Abdul Razak menerima Darjah Kehormat Seri Maharaja Mangku Negara (SMN) dari Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Rahman yang membawa gelaran 'Tun' di Istana Negara pada 7 Januari 1960.

Abdul Razak sedang diberikan penerangan oleh Komander Briged Infantri Malaysia, Lt. Jeneral Abdullah bin Samsudin tentang bagaimana pengganas komunis hidup dalam hutan di kawasan sempadan ketika beliau melawat briged itu di Sungai Petani, Kedah dalam tahun 1973.



Badan Pencegah Rasuah (BPR) telah ditubuhkan ketika Abdul Razak menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan. Seorang ahli undang-undang, Harun Hashim telah menjadi pengarah pertama BPR tetapi beliau tidak kekal lama dalam jawatan itu. Abdul Razak mengadakan mesyuarat yang pertama dengan pegawai-pegawai BPR dari seluruh negara. Di kirinya ialah Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Sheikh Abdullah Sheikh Abu Bakar dan Harun Hashim di kanannya.



Abdul Razak sedang berbual dengan pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja yang terkemuka dalam tahun 60-an ketika beliau menghadiri majlis jamuan tahunan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) pada Mac 1969. ***Dari kiri****: Setiausaha Agung Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang (NUPW), P. P. Narayanan, Abdul Razak, Presiden MTUC, Yeoh Teck Chye dan Zaidi dari MTUC.*

Abdul Razak tiba di Singapura berikutan dengan meletusnya rusuhan perkauman di pulau itu pada 22 Julai 1964. Perdana Menteri Singapura Lee Kuan Yew dan Menteri Kewangan Singapura, Goh Keng Swee dalam wajah muram menyambut Abdul Razak yang diiringi oleh Menteri Kewangan, Tan Siew Sin ***(kiri sekali)****. Bersongkok antara Razak dan Lee ialah Ahmad Haji Taib seorang pemimpin UMNO Singapura yang terkenal dalam tahun 60-an.*


FM1054

Abdul Razak melawat kampung-kampung Melayu di Singapura yang berada dalam keadaan terancam dalam masa pergaduhan perkauman dan mengadakan pertemuan dengan penduduk setempat. Beliau diiringi pemuda-pemuda Melayu setempat ketika melawat ke Kampung Kaki Bukit di Geylang Singapura. Di antaranya ialah Kalam Hamidi seorang penulis dan dramatis terkenal di Singapura pada masa itu ***(nombor dua dari kanan di barisan depan)****.*




Ketika melawat kawasan Melayu di Jalan Eunos, Jalan Yahya dan Kaki Bukit Geylang yang terlibat dengan pergaduhan perkauman di Singapura, Abdul Razak menasihatkan penduduk-penduduknya supaya bertenang dan menghormati undang-undang. Beliau memberitahu mereka kerajaan telah mengambil langkah bagi menjamin keselamatan dan mengembalikan keamanan. Di kanan sekali ialah Abdullah Ahmad Setiausaha Politik Timbalan Perdana Menteri.



Dari sejak awal Singapura menyertai Malaysia, hubungan antara Kuala Lumpur dengan Singapura tidak pernah mesra sebaliknya sentiasa tegang kerana Singapura menentang hak istimewa orang Melayu dan menjalankan kempen Malaysian–Malaysia *yang menuntut persamaan hak bagi semua kaum. Akhirnya Singapura disingkirkan dari Malaysia. Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman mengumumkan penyingkiran Singapura dari Malaysia dalam satu sidang akhbar yang disertai oleh Abdul Razak pada 9 Ogos 1965. Lee Kuan Yew menangis di kaca TV Singapura dalam menerima keputusan itu.*

Mesyuarat Agung UMNO pada tahun 1968 yang menampakkan kerunsingan para pemimpin UMNO berdepan dengan rasa tidak puas hati para perwakilan terhadap dasar tolak ansur dan kelembapan melaksanakan dasar-dasar nasional terutamanya yang menyentuh kepentingan pelajaran dan ekonomi Melayu. Harapan perwakilan kepada Abdul Razak untuk menyelamatkan keadaan semakin memuncak.





Abdul Razak dijulang oleh penyokong-penyokongnya apabila beliau berjaya mempertahankan kerusi Parlimennya di Pekan Pahang dalam pilihan raya 1969 dengan mengalahkan calon Pas Yazid Jaafar dengan majoriti 8925. Abdul Razak Hussein (BN) 12641 dan Yazid Jaafar (Pas) 3716.



Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman dan Timbalannya Abdul Razak menghadap Yang di-Pertuan Agong pada 22 September 1970 untuk mencatatkan suatu peristiwa bersejarah. Tunku menyembahkan peletakan jawatannya dengan kerelaannya sendiri dan Abdul Razak menerima pelantikannya sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kedua. Abdul Razak mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri sehari berikutnya (23 September 1970). Ketika itu negara masih berada dalam pemerintahan MAGERAN.



Satu jam setengah setelah menyerahkan perletakan jawatannya sebagai Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman menghadiri suatu perhimpunan khas dengan pemimpin-pemimpin UMNO dari seluruh Malaysia di Dewan Bahasa dan Pustaka di mana beliau memberitahu tidak akan bertanding lagi untuk jawatan Yang Dipertua UMNO dan menyeru mereka supaya memberikan sokongan penuh kepada penggantinya Abdul Razak.



Abdul Razak berucap bagi pertama kalinya kepada Perhimpunan Khas UMNO di Dewan Bahasa dan Pustaka pada 22 September 1970 sebagai Perdana Menteri kedua Malaysia.



Abdul Razak bergambar bersama pegawai dan kakitangan Ibu Pejabat UMNO pada Oktober 1970 iaitu kira-kira dua minggu selepas beliau mengambil alih jawatan Presiden UMNO dan Perdana Menteri dari Tunku Abdul Rahman.
***Duduk dari kanan**: Ketua Penyelidik UMNO, Wan Mohd Mahyiddin bin Wan Nawang, Ketua Penerangan UMNO, Osman Abdullah, Setiausaha Agung UMNO, Senu Abdul Rahman, Abdul Razak, Pegawai Khas, Syed Ahmad Jamallulail dan Penolong Setiausaha Kerja UMNO, Hassan Haji Ahmad. Di barisan belakang bertali leher ialah Pembantu Khas Setiausaha Agung UMNO, Zainuddin Ahmad.*



Mengunjungi rumah Timbalan Ketua Perhubungan UMNO Kelantan, Tengku Razaleigh pada awal 1973 untuk mengadakan pertemuan dengan pemimpin-pemimpin UMNO Kelantan.

Abdul Razak bagi pertama kalinya menemui Dr. Mahathir Mohamad pada 16 Julai 1971 setelah beliau disingkirkan dari UMNO kerana menentang kepimpinan Tunku Abdul Rahman. Pertemuan ini berlaku ketika Mahathir menghadiri Seminar Pemuda UMNO Malaysia di Morib. Memerhatikan di kiri sekali ialah Menteri Besar Selangor, Harun Idris yang membawa Mahathir ke seminar itu dan di sisinya ***(sedang ketawa)*** *Musa Hitam. Turut memerhatikan ialah Profesor Ahmad Ibrahim* ***(membelakangkan gambar)****.*

Abdul Razak mengepalai perarakan Jubli Perak UMNO yang diadakan di sekitar bandar Kuala Terengganu pada Julai 1971. Perayaan ini diadakan di seluruh negara bermula di peringkat pusat pada Mei 1971 iaitu empat bulan selepas Abdul Razak menjadi Yang Dipertua Agung UMNO.

Abdul Razak berucap di hadapan lebih 50 000 orang yang mengalu-alukan kejayaan lawatannya ke Republik Rakyat China sekembalinya dari China di Padang Kelab Selangor pada 2 Jun 1974. Lawatan ini yang membawa kepada pengiktirafan China ke atas Malaysia, telah meningkatkan populariti Abdul Razak dan beliau melihatnya sebagai masa yang paling baik untuk mengumumkan pilihan raya umum.



Pemimpin Pas, Asri Haji Muda menyambut kedatangan Abdul Razak sebagai pemimpin Barisan Nasional untuk berucap dalam satu rapat umum di Padang Kelab Selangor mengenai lawatannya yang berjaya ke Republik Rakyat China. Di kanan ialah pemimpin Parti Gerakan, Dr. Lim Chong Eu. Bagi pertama kalinya nama Barisan Nasional telah dipamerkan di perhimpunan ini yang dihadiri oleh semua pemimpin parti komponen BN.




Abdul Razak mengadakan rundingan terakhir dengan pemimpin Parti Progresif Rakyat, S. P. Seenivasagam sebelum mengumumkan peruntukan kerusi bagi parti-parti komponen BN bagi pilihan raya umum 1974 dalam perhimpunan BN di Dewan Bahasa dan Pustaka pada Ogos 1974.

Abdul Razak pertama kali menghadapi rakyat sebagai pemimpin Barisan Nasional dalam pilihan raya Ogos 1974 setelah berjaya memujuk parti-parti pembangkang menyertainya dalam Barisan Nasional.






Pilihan raya umum 1974 menyaksikan Abdul Razak penuh bersemangat mengetuai satu gerakan kempen bersepadu antara parti-parti komponen BN yang begitu hebat untuk melumpuhkan sama sekali parti-parti pembangkang. Abdul Razak bertekad untuk mengesahkan bahawa konsep Barisan Nasional diterima sepenuhnya oleh rakyat. Beliau telah mengadakan kunjungan ke seluruh negara siang dan malam dari barat ke timur dan dari utara ke selatan. Abdul Razak disambut dengan hangatnya dalam rangka lawatan kempen pilihan raya di Pahang.



*Berkempen dalam pilihan raya 1974 di Terengganu. Kelihatan Ketua Pemuda Pas, Mustafa Ali **(berjambang)** menyambut Abdul Razak. Di kiri sekali Menteri Besar Terengganu, Nik Hassan Abdul Rahman.*



*Berkempen di Kelantan, Abdul Razak diiringi Yang Dipertua Pas, Asri Haji Muda **(kanannya)** dan Menteri Besar Kelantan, Mohamed Nasir **(kirinya)**.*



Abdul Razak yang diiringi oleh isterinya Rahah sedang memeriksa namanya sebelum membuang undi dalam pilihan raya umum di Pekan, Pahang pada 24 Ogos 1974.

Mesyuarat penting Majlis Kerja Tertinggi UMNO pada 8 Ogos 1973 di bilik mesyuarat Sri Taman berikutan kematian Timbalan Perdana Menteri, Dr. Ismail. Kelihatan dari kiri, Dr. Mahathir Mohamad, Aishah Ghani, Sardon Jubir, Abdul Razak, Senu Abdul Rahman, Harun Idris, Ghafar Baba dan Ghazali Shafie.

Dari kiri, Ghazali Jawi, Jaafar Albar dan Hamzah Abu Samah.




Dari kiri, Syed Nasir Ismail, Syed Ahmad Shahabuddin, Mustafa Jabar, Tengku Ahmad Rithauddeen, Musa Hitam dan Mansor Osman.



Dari kiri, Othman Saat, Jaafar Hassan, Syed Hassan Aidid dan Othman Abdullah.



Khalil Akashah (**kiri**) *Setiausaha Kerja UMNO dan Samad Idris.*



Barisan Majlis Kerja Tertinggi UMNO 1972 -1975 yang pertama dipilih untuk tiga tahun sekali berikutan dengan pindaan perlembagaan UMNO yang dibuat setelah Abdul Razak mengambil alih pimpinan UMNO pada Januari 1971. Sebelumnya MKT UMNO dipilih setahun sekali. Gambar ini diambil pada 1973 setelah Hussein Onn menjadi Timbalan Perdana Menteri menggantikan Dr. Ismail Abdul Rahman yang meninggal dunia. Seorang lagi Naib Yang Dipertua UMNO, Sardon Jubir tidak ada dalam gambar ini kerana dihantar ke Bangsa-Bangsa Bersatu di New York.

Duduk dari kiri:
Aishah Abdul Ghani, Tengku Razaleigh Hamzah, Hussein Onn, Abdul Razak, Ghafar Baba, Senu Abdul Rahman dan Harun Idris.

Berdiri dari kiri:
Ghazali Shafie, Khir Johari, Ali Haji Ahmad, Syed Ahmad Shahabuddin, Mohamed Jusoh, Ghani Ali, Wan Kadir Wan Ismail, Hamzah Abu Samah, Ghazali Jawi, Syed Nasir Syed Ismail, Mustafa Jabar, Othman Abdullah, Jaafar Albar, Dr. Rais Saniman, Nik Hassan Abdul Rahman, Othman Saat, Dr. Halim Ismail, Syed Nahar Shahabuddin dan Samad Idris.

Berdiri di belakang:
Dr. Mahathir Mohamad, Suhaimi Kamaruddin, Syed Hassan Aidid, Jaafar Hassan, Kamaruddin Mohd Isa, Khalil Akashah (Setiausaha Kerja), Musa Hitam, Tengku Rithaudeen, Wan Mokhtar Ahmad dan Mansor Osman.

Abdul Razak membentuk kabinet Barisan Nasional yang pertama berikutan dengan kejayaannya membawa parti itu mencapai kemenangan cemerlang dalam pilihan raya 1974.
Di antara perubahan radikal yang dibuatnya ialah melantik Dr.Mahathir Mohamad sebagai Menteri Pelajaran ***(duduk di kanan sekali)*** *menggantikan Khir Johari yang dilantik menjadi anggota diplomat bertaraf menteri.*
Mohd Asri Haji Muda dari PAS dilantik sebagai Menteri Tugas-tugas Khas ***(duduk nombor tujuh dari kanan)****.*
Duduk dari kanan*: Dr. Mahathir Mohamad (Pelajaran), Michael Chen (Kampung-kampung Baru dan Perumahan), Mohamad Yaakob (Tenaga, Teknologi dan Penyelidik), Taib Mahmud (Perancangan Am dan Penyelidikan Sosioekonomi), Ghazali Shafie (Dalam Negeri), Hamzah Abu Samah (Perdagangan dan Perindustrian), Mohd Asri Haji Muda (Tugas-tugas Khas), Lee Siok Yew (Kesihatan), Abdul Ghafar Baba (Pertanian), Hussein Onn (Timbalan Perdana Menteri), Yang di-Pertuan Agong, Abdul Razak, Suffian (Ketua Hakim Negara), V. Manikavasagam (Perhubungan), Abdul Ghani Gilong, (Pengangkutan Kerja Raya), Ong Kee Hui (Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar), Lee San Choon (Buruh dan Tenaga Rakyat), Ali Haji Ahmad (Kebudayaan, Belia dan Sukan), Tengku Ahmad Rithauddeen (Penerangan dan Tugas-tugas Khas), Musa Hitam (Perusahaan Utama) dan Kadir Yusof (Peguam Negara).*

Berdiri dari kiri*: Paul Leong (Timbalan Menteri Perusahaan Utama), Mustafa Jabar (Tim. Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar), Mokhtar Hashim (Tim. Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar), Mohamed Rahmat (Tim. Menteri Perusahaan Awam), Shariff Ahmad (Tim. Menteri Penerangan), Chong Hon Yan (Tim. Menteri Kewangan), Richard Ho (Tim. Menteri Pengangkutan dan Kerja Raya), Athinahappan (Tim. Menteri Undang-undang), Abdul Samad Idris (Tim. Menteri Dalam Negeri), Wan Kadir Ismail (Tim. Menteri Perhubungan), Kamaruddin Mat Isa (Tim. Menteri di Jabatan Perdana Menteri), Abdullah Ahmad (Tim. Menteri Jabatan Perdana Menteri), Hassan Adli (PAS) (Tim. Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat), Kadir Shamsuddin (Ketua Setiausaha Negara), Abu Bakar Omar (PAS) (Tim. Menteri Kesihatan), Chang Siang Sun (Tim. Menteri Pelajaran) dan Dr. Sulaiman Daud (Tim. Menteri Tanah dan Galian).*



Abdul Razak dijulang oleh penyokong-penyokongnya apabila dipilih semula tanpa bertanding dalam pilihan raya 1974 di kawasan Parlimen Pekan. Kecemerlangan kepimpinan Abdul Razak sebagai pemimpin Barisan Nasional terbukti dalam pilihan raya ini dengan BN membolot 135 kerusi dan parti pembangkang hanya mendapat 19 kerusi yang memberikan majoriti 116 kerusi kepada BN.

“Bagi kami di Malaysia, dari zaman-berzaman Selat Melaka itu bukan selat perantaraan. Bahkan selat itu adalah selat yang bersejarah, meriwayatkan tali perhubungan yang abadi yang belum pernah diputuskan dan tidak dapat diputuskan oleh lautan atau sejarah.”

Tun Abdul Razak



konfrontasi

Konfrontasi Indonesia selama 3 tahun (13 Februari 1962 - 13 Mac 1966) adalah episod yang paling dramatik dalam kehidupan singkat Abdul Razak.

Sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Abdul Razak memainkan peranan utama di bidang diplomasi, operasi tentera dan perisikan untuk memerangi Konfrontasi dan juga mencari perdamaian dengan Indonesia.

Jika di Indonesia, Panglima Tertinggi Tenteranya, Sukarno tidak mengetahui usaha damai yang dijalankan oleh pegawai-pegawai tingginya yang diketuai Mejar Jeneral Suharto, di Malaysia, Abdul Razak juga tidak menceritakan segala-galanya tentang operasi sulitnya kepada Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman dan kepada Menteri Dalam Negeri, Dr Ismail.

Sebenarnya ramai di kalangan tentera Indonesia yang tidak pernah percaya bahawa Konfrontasi Indonesia akan berjaya sebaliknya mereka sedar jika perang terjadi antara Indonesia dan Malaysia, sekitar 80 peratus tentera Indonesia akan tewas atau tertangkap?[1]

Suharto membuat perhitungan ini dari segi wujudnya kerjasama pertahanan Inggeris dan Malaysia. Menghadapi kenyataan ini, beliau merasakan sulit sekali seandainya pasukan Indonesia melancarkan suatu serangan langsung dari arah selatan.[2]

Untuk mengelakkan berlaku keadaan yang lebih buruk, sebaik sahaja mengambil alih kuasa dari Sukarno pada 11 Mac I966, Suharto telah melancarkan suatu operasi rahsia bernama Operasi Khusus (Opsus) yang melibatkan Letnan Kolonel Kemal Idris, Letnan Kolonel Ali Moertopo, Mejar Benny Moerdani, Letnan Kolonel A. Ramli dan Letnan Kolonel Sugeng Djarot yang ketika itu bertugas di Bangkok sebagai atace tentera.

Mereka ditugaskan mengadakan hubungan dengan Kuala Lumpur khususnya Abdul Razak dan Ghazali Shafie.

Apabila berlaku keluar masuk pegawai-pegawai tinggi Indonesia ke Kuala Lumpur dalam masa Konfrontasi, Menteri Dalam Negeri Dr. Ismail melancarkan protes kepada Menteri Pertahanan Tun Abdul Razak. Dr. Ismail merasa tersinggung mengapa dirinya sama sekali tidak diberitahu ada sejumlah pembesar Indonesia masuk ke Malaysia. Sebagai menteri yang menangani bidang imigresen, dia merasa ditinggalkan.

"Walau sudah sekian lama membuka hubungan, jalur komunikasi antara kelompok Abdul Razak dan Ali Moertopo masih terus dilakukan secara tertutup. Tidak pernah berita mengenai adanya tim penghubung Indonesia di Kuala Lumpur tersebut sempat diketahui oleh pihak Inggeris, media massa dan masyarakat Malaysia. Malah Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman sendiri juga tidak pernah dilapori."[3]

Kontak antara pihak Indonesia dengan Abdul Razak dimudahkan oleh kerana adanya seorang musuh Sukarno yang telah menjadi kawan rapat Abdul Razak sejak menuntut di London yang berlindung di Malaysia. Beliau ialah Des Alwi.

Mejar Moerdani yang pada mulanya menyamar sebagai pegawai Garuda di Bangkok untuk mengatur penyusupan *infiltrators* bagi operasi sabotaj di Malaysia

dan Singapura akhirnya menjadi orang paling aktif dalam misi mencari perdamaian dengan Malaysia.

Menerusi Des Alwi, pertemuan Abdul Razak yang pertama sekali dengan Benny Moerdani berlaku di bilik Des Alwi di Hotel Amarin Bangkok pada pertengahan tahun 1965, ketika itu Abdul Razak sedang menghadiri suatu pertandingan golf.[4]

Abdul Razak sangat kagum dengan Benny yang tampan dan mempunyai raut muka yang keras tetapi tenang.

"Razak juga menilai bahasa Inggeris Benny sangat lancar, penampilannya tegas, berdisiplin tinggi, *correct* sikapnya. Kepada para anak buahnya, Razak malahan pernah memuji Benny dalam kalimat, *"This is the type of officer I like. You see, just like Benny Moerdani"*[5]

Benny sendiri sudah merasa amat senang sekali dengan Abdul Razak dalam pertemuan pertama dengannya "Sikap Tun optimistik. Pertama kali saya jumpa dengannya saya sudah suka dengannya.

"Tun jujur sekali, terbuka dan sangat percaya kepada saya. Semua mesej yang saya sampaikan, dengan mulut atau surat, dia terima, dia terima saya pada kulitnya.

"Penyelesaian Konfrontasi Indonesia menjadi mudah kerana dia. Dia mempunyai pandangan yang tinggi pada Indonesia dan Dr. Hatta", kata Benny.[6]

Ekoran pertemuan dengan Benny, Abdul Razak telah menemui Letnan Kolonel Ali Moertopo di Hotel Amarin Bangkok dalam perjalanannya pulang dari lawatan ke Burma dalam bulan Disember 1965. Rundingan-rundingan selanjutnya dengan pihak Malaysia kemudiannya diserahkan oleh Ali kepada Benny.

Rombongan tentera Indonesia untuk membuktikan "niat baik" mendarat mengejut di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang pada 27 Mei 1966, disertai oleh semua pegawai-pegawai yang terlibat dalam operasi sulit untuk perdamaian. Mereka lebih dahulu menemui Abdul Razak di Sri Taman di Kuala Lumpur.

"Dari sana kami terbang ke Kedah, lalu berjumpa dengan Tunku Abdul Rahman. Kami diterima dengan penuh mesra, akrab dan ramah, kerana mereka menganggap Indonesia adalah saudara."[7]

Pengakhiran Konfrontasi Indonesia itu berlaku dengan dramatik sekali. Ketibaan mengejut rombongan tentera Indonesia di Kuala Lumpur pada 27 Mei 1966 diikuti segera dengan pertemuan Abdul Razak dengan Menteri Luar Indonesia, Adam Malik lima hari kemudian di Bangkok (31 Mei 1966) dan menandatangani perjanjian perdamaian dengan Indonesia antara Abdul Razak dengan Adam Malik pada 11 Ogos 1966 di Jakarta.

Dalam ucapannya di upacara itu, Abdul Razak berharap bahawa perjanjian persahabatan Indonesia-Malaysia pertama yang ditandatangani antaranya dengan Juanda pada 17 April 1959 dapat dibarui semula dan dijalankan dengan sempurna. Kepulangan rombongan Tun Abdul Razak ke tanah air setelah menandatangani perjanjian perdamaian itu telah diikuti beberapa minit kemudian oleh rombongan Menteri Luar Indonesia, Adam Malik.

Pada 17 Mac 1970, Abdul Razak dan Adam Malik menandatangani satu lagi perjanjian persahabatan antara Malaysia dengan Indonesia dengan disaksikan oleh Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman dan Presiden Suharto dalam lawatan rasmi ke Malaysia.

Abdul Razak kemudiannya menjadi pemimpin Malaysia yang sangat dihormati dan disayangi oleh pemimpin-pemimpin tertinggi Indonesia.

Dua bulan sebelum kematiannya di London, Abdul Razak mengunjungi Suharto di Sumatera Barat yang memberikannya sambutan paling hangat dan paling mesra buat kali terakhir.

---

1. *Kemal Idris: Bertarung Dalam Revolusi* oleh H. Rosihan Anwar (ed) et. al. Pustaka Sinar Harapan, Jakarta, 1996. *hlm. 201*
2. *Benny Moerdani: Profil Prajurit Negarawan* oleh Julius Pour. Yayasan Kejuangan Panglima Besar Sudirman, Jakarta, 1993. *hlm.323*
3. Ibid. *hlm. 332.*
4. Interbiu dengan Des Alwi
5. Op. cit. *Benny Moerdani: Profil Prajurit Negarawan. hlm. 330*
6. Interbiu dengan Benny Moerdani pada 12 Jun 1996 di Jakarta.
7. Op. cit. *Kemal Idris: Bertarung Dalam Revolusi hlm. 202*



*Perjanjian Persahabatan Malaya-Indonesia yang pertama telah ditandatangani oleh Perdana Menteri Malaya, Abdul Razak dengan Perdana Menteri Indonesia, Dr. Djuanda (**berkot putih**) pada 17 April 1959. Memerhati di kanan ialah Duta Indonesia di Malaya, Dr. Mohd Razif dan di kanan Abdul Razak, Dr. Ismail. Abdul Razak ketika itu menggantikan Tunku sebagai perdana menteri kerana Tunku meletak jawatan untuk berkempen dalam pilihan raya 1959 – pilihan raya umum yang pertama selepas merdeka.*

Sejak merdeka, Abdul Razak memainkan peranan penting dalam usaha merapatkan hubungan persahabatan Malaysia-Indonesia terutama di bidang kebudayaan. Beliau menandatangani Perjanjian Persahabatan dengan Indonesia sehari selepas mengambil alih jawatan perdana menteri dari Tunku Abdul Rahman. Ketika menandatangani perjanjian itu, Abdul Razak berkata, "Kita telah mencapai hasrat yang tersemat di sanubari kita sejak lama dahulu untuk menjalin semula hubungan rapat dengan saudara-saudara kita yang telah diputuskan oleh penjajah Barat."

Timbalan Perdana Menteri, Abdul Razak bersama dengan Presiden Indonesia, Sukarno semasa lawatan rasminya yang pertama ke Indonesia untuk mengeratkan hubungan kedua negara pada tahun 1959.





Tunku Abdul Rahman berucap di upacara menandatangani Perjanjian Penubuhan Malaysia pada 8 Julai 1963 di London. Sekalipun ditentang keras oleh Indonesia, penubuhan Malaysia diteruskan berikutan dengan perjanjian itu. Tunku, Abdul Razak dan Tan Siew Sin menandatangani bagi pihak Malaysia dan Britain diwakili oleh perdana menterinya, Harold MacMillan, Duncan Sandys, Sir William Goode dan Sir Alex Waddell. Presiden Sukarno mengisytiharkan di Jakarta pada 13 Februari 1962 bahawa Malaysia sebagai projek neokolonialisme yang mesti diganyang.



Abdul Razak mendapatkan penjelasan dari Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri, Ghazali Shafie berhubung Perjanjian Penubuhan Malaysia sebelum berlepas ke London pada 25 Jun 1963 mengetuai rombongan bagi rundingan lanjut mengenai perlembagaan Malaysia. Ketika ini Indonesia telah meningkatkan kempen "Ganyang Malaysia."



*Menteri Luar Malaysia, Abdul Razak, Menteri Luar Filipina, Emmanuel Pelaez (**di tengah**) dan Menteri Luar Indonesia, Subandrio (**di kanan sekali**) menandatangani suatu dokumen yang dikenali sebagai* Manila Accord *atau Persetujuan Manila untuk kerjasama bagi kestabilan dan keselamatan rantau ini yang antara lain mencadangkan penubuhan Maphilindo bagi kerjasama antara tiga negara rumpun Melayu.*
Persetujuan itu dicapai dalam perjumpaan yang diadakan di Manila dari 7 hingga 11 Jun 1963 ekoran dari tentangan Indonesia dan Filipina terhadap penubuhan Malaysia.
Bagaimanapun Abdul Razak menyedari langkah ini hanyalah taktik kedua negara itu untuk melewatkan penubuhan Malaysia.



Bangsa-Bangsa Bersatu yang bimbang terhadap keselamatan Asia Tenggara berikutan dengan Konfrontasi Indonesia telah menghantar dutanya Narasinham pada bulan April 1963 untuk meninjau hasrat rakyat Borneo bagi menyertai Malaysia untuk dilaporkan kepada Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu. Narasinham menemui Abdul Razak di pejabatnya di Kuala Lumpur.



*Des Alwi (**kanan**), seorang warganegara Indonesia yang anti-Sukarno dan mendapat perlindungan politik di Malaysia menjadi misi sulit Malaysia menemui golongan anti-Sukarno di Indonesia dalam masa Konfrontasi (1962-1966).*
Des memberikan laporan terakhir kepada Ghazali Shafie dan seorang pegawai tinggi polis Malaysia di kediaman Abdul Razak.



Abdul Razak mungkin sedang memaklumkan kepada Menteri Dalam Negeri, Dr. Ismail tentang rancangannya untuk mengadakan pertemuan dengan misi sulit Indonesia di Bangkok sebelum berlepas dari Lapangan Terbang Subang untuk lawatan rasmi ke Burma pada Disember 1965. Turut mengucapkan selamat jalan kepada beliau ialah Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Jeneral Ibrahim Ismail dan Ketua Polis Negara, Salleh Ismail.



Pertemuan sulit Abdul Razak dengan Letnan Kolonel Ali Moertopo dari bahagian perisikan Indonesia di Hotel Amrin, Bangkok pada Disember 1965 dalam usaha mencari perdamaian antara Malaysia dan Indonesia.



Beberapa hari sebelum pendaratan mengejut misi "damai" tentera Indonesia di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang, Abdul Razak yang sedang dalam lawatannya ke Sarawak telah menerima suatu mesej dari Menteri Luar Indonesia, Adam Malik dan mesej itu ditunjukkan kepada Menteri Hal-Ehwal Sarawak, Temenggung Jugah.



Saat gembira Abdul Razak bersama dengan Letnan Kolonel Ali Moertopo dan Letnan Kolonel Kemal Idris ketika lawatan singkat misi tentera Indonesia ke Malaysia dalam masa Konfrontasi untuk membuktikan "niat baik" mahu berdamai dengan Malaysia. Rombongan yang dipimpin oleh Laksamana Syaaf itu tiba di Kuala Lumpur pada pagi 27 Mei 1966 dan berada separuh hari sahaja di Malaysia.



Misi tentera Indonesia di Bilik Gerakan bersama dengan Abdul Razak tidak lama selepas ketibaan mengejut mereka di Kuala Lumpur. Kemal Idris menulis dalam Bertarung Dalam Revolusi *"kunjungan itu betul-betul disambut meriah. Kami diajak melihat bilik gerakan tentang pembangunan Malaysia yang dijelaskan oleh Abdul Razak sendiri. Di sana terdapat pula rencana, pengendali jangka pendek dan jangka panjang pembangunan yang sedang dijalankan".*



Pemimpin-pemimpin Malaysia dan Indonesia dalam kemesraan dan keriangan setelah menghasilkan formula perdamaian di Bangkok pada 31 Mei 1966. Dari kiri Ghazali Shafie, Adam Malik, Abdul Razak dan Laksamana Syaaf. Pertemuan itu diadakan empat hari selepas kunjungan rombongan damai Indonesia ke Kuala Lumpur. Di pertemuan ini Indonesia mengumumkan secara rasmi pengiktirafannya terhadap Malaysia sebagai sebuah negara merdeka dan berdaulat.



Drama tamatnya Konfrontasi tidak berakhir di Bangkok. Pada 11 Ogos 1966, Abdul Razak mengetuai suatu rombongan pemimpin-pemimpin Malaysia membalas kunjungan damai Indonesia.
Rakyat Indonesia berbaris di sepanjang jalan dan lorong di Jakarta memberikan sambutan paling hangat kepada rombongan Malaysia itu.
Ternyata kepada rombongan Malaysia, Konfrontasi bukan kehendak rakyat Indonesia.
Mengenainya, Letnan Jeneral Kemal Idris menulis: "Walaupun sebenarnya Angkatan Darat Indonesia tidak bersetuju dengan keinginan Bung Karno, tetapi kerana itu perintah Panglima Tertinggi, tetap harus dijalankan".





Sempena menandatangani perjanjian perdamaian, Abdul Razak dan anggota rombongannya menziarahi Makam Pahlawan Indonesia di mana bersemadinya pegawai-pegawai tinggi tentera Indonesia yang telah dibunuh dengan kejam oleh Gestapo Komunis dan dicampakkan ke Lubang Buaya dalam pemberontakan Parti Komunis Indonesia (PKI) 1965.
*Abdul Razak berada di makam Jeneral Achmad Yani. Di sampingnya ialah Ghafar Baba (**di kanan**) dan Sambanthan (**di kiri**). Di kanan sekali bercermin mata hitam ialah Hamzah Alang seorang tokoh UMNO yang popular dalam tahun enam puluhan dan di sebelahnya ialah Michael Chen. Juga kelihatan Setiausaha Politik Perdana Menteri, Abdullah Ahmad (**bersongkok**).*

Abdul Razak yang telah menandatangani Perjanjian Persahabatan dengan Perdana Menteri Indonesia Djuanda pada 17 April 1959, menandatangani pula Perjanjian Perdamaian Malaysia-Indonesia dengan Menteri Luar Indonesia Adam Malik di Jakarta pada 11 Ogos 1966 yang menandakan tamatnya Konfrontasi Indonesia.
Presiden Suharto yang mengarahkan Operasi Khusus (Opsus) untuk menamatkan Konfrontasi, menyaksikannya dari belakang.
Di kanannya ialah Panglima Tentera Darat Jeneral Hamid Bidin dan Pengarah Cawangan Khas Polis Abdul Rahman Hashim.

Setelah menandatangani Perjanjian Perdamaian Indonesia-Malaysia, Abdul Razak dan Adam Malik melakukan kunjungan hormat terhadap Presiden Sukarno.
Sekalipun jutaan rakyat Indonesia merayakan tamatnya Konfrontasi dan pemulihan hubungan dengan Malaysia tetapi gambar ini memperlihatkan dengan jelas kemurungan Sukarno yang ketika itu telah hilang kuasanya walaupun masih memegang jawatan presiden. Sukarno yang berazam mahu menghancurkan Malaysia tersandar menghadapi realiti dengan wajah muram, kecewa dan rasa terhina.
Abdul Razak dan Adam Malik beramah mesra seperti Sukarno tiada di hadapan mereka.

Lebih 20 000 orang rakyat Malaysia dari pelbagai kaum menyambut kepulangan Abdul Razak dari Jakarta dengan membawa pemidang mengucapkan tahniah kepada Abdul Razak dan mengalu-alukan perdamaian Indonesia-Malaysia di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang pada pagi 12 Ogos 1965.



Puncak drama perdamaian Indonesia-Malaysia ialah kepulangan Abdul Razak ke Malaysia sehari selepas menandatangani perjanjian perdamaian di Jakarta yang diikuti beberapa minit kemudian dengan pendaratan kapal terbang Angkatan Udara Indonesia membawa rombongan muhibah dari Indonesia yang diketuai oleh menteri luarnya Adam Malik.
Di sebelah kanan Abdul Razak, wartawan dari Radio Republik Indonesia sedang memberikan ulasan selari tentang peristiwa dramatik yang penuh bersejarah itu.
Abdul Razak yang sampai lebih dahulu, begitu riang menyambut kedatangan Adam Malik beberapa minit kemudian di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang Kuala Lumpur.

AGREEMENT TO NORMALISE RELATIONS
between
MALAYSIA
and
THE REPUBLIC OF INDONESIA

Recognising the need for close and friendly relations between Malaysia and Indonesia and to create a climate conducive to cooperation between the two countries, in the spirit of the Manila Agreement and of brotherliness between the two peoples bound together by history and culture from time immemorial

MALAYSIA
and
THE REPUBLIC OF INDONESIA

have decided to conclude an Agreement to normalise relations between Malaysia and the Republic of Indonesia and to this end have appointed as their plenipotentiaries :

for the Government of Malaysia :
His Excellency Tun Abdul Razak bin Dato Hussein,
Deputy Prime Minister/Minister for Defence,
Malaysia,

for the Government of the Republic of Indonesia :
His Excellency Mr. Adam Malik,
Presidium Minister for Political Affairs/Minister for Foreign Affairs,
Republic of Indonesia,

who, having examined each other's credentials and having found them good and in due form, have agreed as follows :

Article 1

1. The Government of Malaysia in order to resolve the problems between the two countries arising out of the formation of Malaysia, agrees to afford the people of Sabah and Sarawak, who are directly involved, an opportunity to reaffirm, as soon as practicable, in a free and democratic manner through General Elections, their previous decision about their status in Malaysia.

Article 2

2. The Government of the Republic of Indonesia in its desire for close cooperation and friendship between Indonesia and Malaysia, agrees, and the Government of Malaysia concurs, that diplomatic relations between the two countries shall be established immediately and that they shall exchange diplomatic representation as soon as possible.

Article 3

3. The Government of Malaysia and the Government of the Republic of Indonesia agree that in view of the above, hostile acts between the two countries shall cease forthwith.

Article 4

4. This Agreement shall come into force on the date of signature.

This in witness whereof the undersigned, being duly authorised thereto by the respective Governments, have signed this Agreement.

Done at Djakarta in duplicate, this eleventh day of August, 1966.-

For the Government of Malaysia

TUN ABDUL RAZAK BIN DATO HUSSEIN

For the Government of the Republic of Indonesia

ADAM MALIK

Dokumen perjanjian pemulihan hubungan antara Malaysia dan Indonesia yang ditandatangani oleh Abdul Razak dan Adam Malik pada 11 Ogos 1966 di Jakarta.



Doa mengakhiri sambutan hangat kepulangan delegasi Abdul Razak dari Jakarta di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang. Pada 12 Ogos 1965, berjuta rakyat Indonesia dan Malaysia yang diwakili oleh dua orang pemimpin mereka, Abdul Razak dan Adam Malik mengaminkan doa kesyukuran dan permohonan kepada Allah S.W.T agar pemulihan perdamaian menjadi jambatan persaudaraan yang abadi antara rakyat kedua-dua negara.



Bersempena dengan lawatan Presiden Suharto ke Malaysia dalam bulan Mac 1970, Abdul Razak dan Adam Malik telah menandatangani semula Perjanjian Persahabatan dan Perjanjian Pembahagian Wilayah Perairan yang terbantut akibat Konfrontasi Indonesia. Upacara menandatangani itu berlangsung di Wisma Putra pada 17 Mac 1970 dan disaksikan oleh Presiden Suharto dan Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman.

“Apabila tercetus rusuhan perkauman di Kuala Lumpur pada petang 13 Mei 1969, Abdul Razak sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan segera mengarah-kan polis dan tentera bertindak mengawal keadaan daripada merebak, mengisytiharkan darurat pada 14 Mei, meng-gantung Parlimen dan Dewan-Dewan Undangan Negeri pada 16 Mei dan pada hari yang sama meletakkan negara di bawah Majlis Gerakan Negara (MAGERAN).”

Pengarang



dari mageran ke era baru

Abdul Razak menyatakan 13 Mei akan menjadi kenangan sejarah sebagai "hari tragedi nasional,"[1] tetapi di tangannya tragedi bertukar menjadi polisi dan ideologi yang membangunkan mimpi-mimpi indah bangsanya kepada realiti dalam jangka masa yang singkat.

Beliau mengalihkan arus emosi kemarahan dan perkauman yang memuncak dalam rusuhan kepada penyatuan tenaga dan fikiran berbilang kaum bagi merangka strategi berkesan untuk menjamin perpaduan nasional dan perdamaian abadi.

Apabila tercetus rusuhan perkauman di Kuala Lumpur pada petang 13 Mei 1969, Abdul Razak sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan segera mengarahkan polis dan tentera bertindak mengawal keadaan daripada merebak, mengisytiharkan darurat pada 14 Mei, menggantung Parlimen dan Dewan-Dewan Undangan Negeri pada 16 Mei dan pada hari yang sama meletakkan negara di bawah Majlis Gerakan Negara (MAGERAN).

Pada 17 Mei, Abdul Razak mengambil tanggungjawab sebagai Pengarah MAGERAN yang memerintah dengan *decree* untuk memulihkan ketenteraman awam di seluruh negara dengan menyelaraskan kerja-kerja pentadbiran awam, ketenteraan dan polis.

Antara langkah yang diambilnya dengan serta-merta ialah memerintahkan supaya bekalan makanan dihantar kepada penduduk di kawasan yang terlibat dengan kekacauan seperti Kampung Baharu, Kampung Pandan, Sentul dan beberapa buah kampung lagi di sekitar Kuala Lumpur.

Pada 16 Mei, Abdul Razak berkejar ke Masjid Kampung Baharu untuk menyuraikan orang Melayu yang berkumpul di situ. Beliau memberikan jaminan bahawa keadaan sudah dapat dikawal dan mereka boleh pulang ke rumah.

Setelah memastikan keadaan keselamatan di seluruh negara terjamin Abdul Razak yang dari awal lagi memikirkan MAGERAN hanya untuk sementara sahaja telah mengajak anggota-anggota majlis itu mengatur persiapan untuk kembali kepada demokrasi.

Berikutan dengan itu, Rukunegara diumumkan dan Majlis Perundingan Negara ditubuhkan untuk perbincangan terus-terang tetapi secara tertutup bagi merumuskan polisi dan ideologi negara yang dapat menjamin Peristiwa 13 Mei tidak berulang lagi.

Majlis ini dianggotai oleh wakil-wakil kerajaan, parti-parti politik termasuk parti pembangkang, pemimpin-pemimpin berbagai-bagai lapisan masyarakat, ketua-ketua agama, kalangan profesional dan cerdik pandai. Kerja Abdul Razak menjadi lebih mudah kerana beliau bukan sahaja mendapat sokongan politik bahkan mendapat kerjasama yang penuh dedikasi dari pegawai-pegawainya.

"Arahan Abdul Razak sebagai Pengarah MAGERAN diterima oleh pegawai-pegawainya dengan sentimen, perasaan dan penuh komitmen. Walaupun beliau tidak pernah menampakkan emosinya dalam perbincangan dan arahan."[2]

Beliau menyatakan kepada pegawai-pegawai, "saya seorang ahli politik tetapi awak adalah pengendali tugas menjaga keselamatan negara. Awak jangan peduli cakap-

cakap politik saya, tetapi keselamatan bangsa adalah amat penting."[3]

Pada 22 September 1970, ketika negara masih berada di bawah pemerintahan MAGERAN, Abdul Razak mengambil alih jawatan Perdana Menteri dari Tunku Abdul Rahman yang telah memegang jawatan itu selama 15 tahun.

Tunku menyembahkan perletakan jawatannya kepada Yang di-Pertuan Agong iaitu anak saudaranya, Tuanku Abdul Halim ibni Sultan Badli Shah sehari selepas baginda memegang jawatan itu. Ini diikuti dengan upacara mengangkat sumpah Abdul Razak sebagai Perdana Menteri kedua.

Satu jam setengah selepas upacara itu, Tunku dan Abdul Razak menghadiri satu perhimpunan khas dengan pemimpin-pemimpin UMNO dari seluruh Malaysia di Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Tunku memberitahu perhimpunan itu bahawa beliau tidak akan bertanding untuk merebut jawatan Yang Dipertua UMNO Malaysia dalam Perhimpunan Agung akan datang dan menyeru semua ahli UMNO memberi kepercayaan dan sokongan kepada Abdul Razak sebagai ketua parti dan Perdana Menteri.

Abdul Razak pula memberikan jaminan untuk mentadbir kerajaan dengan mengikut kehendak dan hasrat UMNO sendiri.

Lima bulan kemudian, pada 23 Februari 1971, Abdul Razak membawa negara kembali kepada demokrasi setelah berada di bawah pemerintahan MAGERAN selama 21 bulan.

Berucap kepada Parlimen buat pertama kalinya pada 23 Februari 1971 sebagai Perdana Menteri Abdul Razak memberitahu:

"Kekacauan bulan Mei 1969 merupakan satu detik hitam dalam sejarah negara kita, tetapi dengan izin Allah, kita telah dapat menggubal dasar-dasar dan mengambil tindakan yang tegas dan berkesan untuk menyelamatkan bangsa dan negara kita daripada terjerumus ke dalam gaung yang dalam".

Abdul Razak mengemukakan Rang Undang-undang meminda beberapa peruntukan dalam Perlembagaan dengan dua tujuan utama iaitu:

- Untuk menyekat perbincangan awam atas perkara-perkara sensitif supaya dapat menjamin perjalanan demokrasi.
- Untuk membetulkan menerusi undang-undang beberapa perkara yang tidak seimbang di kalangan kaum-kaum.

Pada Julai 1971, Abdul Razak mengemukakan kepada parlimen Dasar Ekonomi Baru (DEB) di bawah Rancangan Malaysia Kedua yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan di kalangan rakyat dengan tidak mengira asal keturunan mereka di samping menyusun semula masyarakat Malaysia untuk seimbangkan kedudukan ekonomi rakyat berbilang kaum.

Abdul Razak telah keluar dari trauma 13 Mei sebagai Perdana Menteri yang tidak sahaja disanjung tinggi oleh kaumnya dan parti-parti komponen Perikatan tetapi juga oleh parti-parti pembangkang yang selama ini menganggapnya seorang cauvinis.

---

1. Ucapan membentangkan rang undang-undang (pindaan) Perlembagaan di Dewan Rakyat pada 23 Februari 1971.
2. Interbiu dengan Datuk Amir Haji Yaakob pada 25 Julai 1996.
3. Ibid.



Perarakan merayakan kemenangan parti pembangkang di Kuala Lumpur dengan membawa penyapu dan mengejek orang di tepi jalan menjelang peristiwa 13 Mei.



Kereta dibakar memulakan rusuhan perkauman di Jalan Raja Muda Kampung Baharu Kuala Lumpur.



Selain daripada lebih 300 nyawa terkorban dan lebih 1000 cedera, peristiwa 13 Mei meninggalkan rangka rumah kedai di Jalan Campbell (sekarang Jalan Dang Wangi) yang dibakar dalam rusuhan.

Perarakan merayakan kemenangan cemerlang parti-parti pembangkang yang melampaui batas selepas pilihan raya umum 1969 terutamanya di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur akhirnya telah mencetuskan pergaduhan perkauman di Kuala Lumpur pada 13 Mei 1969. Pilihan raya itu menyaksikan kempen perkauman yang paling hangat berasaskan konsep Malaysian Malaysia *yang disemai oleh Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew sebelum negaranya disingkirkan dari Malaysia. Konsep ini diwarisi oleh sebuah parti pembangkang di Malaysia bertujuan untuk mewujudkan masyarakat adil dan saksama tanpa hak istimewa orang Melayu tetapi berasaskan kepada meritokrasi. Apabila rusuhan meletus pada petang 13 Mei 1969, ia dengan sekaligus menghancurkan kehidupan harmoni yang dipupuk sejak merdeka; rumah dan kereta dibakar, harta benda dimusnahkan dan manusia saling berbunuhan atas sentimen perkauman. Abdul Razak menyifatkannya sebagai suatu "tragedi hitam". Gambar-gambar dipetik daripada buku* Sebelum dan Selepas 13 Mei *oleh Tunku Abdul Rahman.*



Mesyuarat MAGERAN terakhir pada 17 Februari 1971 dimulakan dan diakhiri dengan bacaan doa.
***Dari kiri**: Salleh Ismail, C.C. Too, Abdul Kadir Shamsuddin, Ghazali Shafie, Hamzah Abu Samah, Tan Siew Sin dan Abdul Razak.*
***Dari kanan:** Jeneral Ibrahim Ismail, V. T. Sambanthan dan Dr. Ismail Abdul Rahman.*



Anggota majlis MAGERAN.
Dari kiri: *Jeneral Ibrahim Ismail (Ketua Turus Angkatan Tentera), Salleh Ismail (Ketua Polis Negara), Ghazali Shafie, Sambanthan, Dr. Ismail Abdul Rahman, Abdul Razak, Tan Siew Sin, Hamzah Abu Samah, Jeneral Tunku Osman Jewa, Abdul Kadir Shamsuddin (Ketua Pentadbiran Awam), Abdul Rahman Hamidon, (Setiausaha MAGERAN).*



* Jeneral Ibrahim (sneer) bukan T. Osman Jewa

Anggota majlis dan kakitangan pentadbiran.
Dari kiri duduk*: Azizan Zainal Abidin, Salleh Ismail, Ghazali Shafie, Sambanthan, Dr. Ismail Abdul Rahman, Abdul Razak, Tan Siew Sin, Hamzah Abu Samah, Jeneral Tunku Osman Jewa, Abdul Kadir Shamsuddin, Abdul Rahman Hamidon.*
Dari kiri berdiri: *Abdullah Ahmad Badawi, (Ketua Penolong Setiausaha Hal Ehwal Awam), C.C. Too (Ketua Perang Saraf), Yahya Yeop Ishak, Haniff Omar, Amir Yaakob, Wan Ismail Wan Salleh, Ghazali Che Mat, Yusuf Rashid (Penasihat Undang-undang MAGERAN), Sharif Buruk.*



Abdul Razak berucap merasmikan Majlis Perundingan Negara di Bangunan Parlimen pada 21 Januari 1970. Dianggotai oleh wakil pelbagai pertubuhan sosial, agama dan politik, kalangan profesional, ahli akademik dan lain-lain. Majlis ini yang dibentuk berikutan dengan peristiwa 13 Mei bertanggungjawab untuk mencari formula bagi menjamin perdamaian abadi masyarakat majmuk apabila negara kembali ke demokrasi. DAP enggan menyertai majlis ini.



Keadaan di Kuala Lumpur masih tegang dengan bahang 13 Mei ketika Abdul Razak melawat sekitar Jalan Chow Kit dan Kampung Baru bersama dengan para wartawan pada Julai 1969. Dalam ucapannya menerusi radio dan TV pada 13 Jun 1969, Abdul Razak mengingatkan "Rakyat Malaysia, Melayu, Cina, India dan lain-lain mestilah bersedia untuk hidup bersaudara jika kekuatan masyarakat majmuk hendak subur dan selamat."



Abdul Razak diberikan taklimat tentang perkembangan terakhir peristiwa13 Mei, dua bulan selepas kejadian itu oleh pegawai polis dan tentera di Pejabat Setiausaha Kerajaan Selangor. Haniff Omar ***(dua dari kiri)*** *menjadi Ketua Turus Polis dalam MAGERAN.*




Abdul Razak sebagai Pengarah MAGERAN dan Menteri Kewangan mengemukakan belanjawan 1970 kepada perhimpunan khas yang dihadiri oleh wakil rakyat, pegawai tinggi kerajaan dan pemimpin masyarakat di Dewan Tunku Abdul Rahman pada Januari 1970.

Bermesra dengan kanak-kanak ketika melawat kawasan sensitif, Jalan Raja Bot Kuala Lumpur pada hari ulang tahun pertama peristiwa berdarah 13 Mei.

Orang ramai di kawasan Jalan Chow Kit diberikan jaminan oleh Abdul Razak bahawa keadaan keselamatan adalah terkawal. Lawatan Abdul Razak ke kawasan-kawasan sensitif di sekitar Kuala Lumpur pada hari ulang tahun pertama 13 Mei adalah untuk meyakinkan penduduk bahawa kekacauan tidak akan berulang lagi dan mereka boleh menjalankan kerja harian seperti biasa tanpa perlu takut dan bimbang. Kawasan yang dilawatinya ialah Jalan Chow Kit, Kampung Baharu, Sentul Pasar, Kampung Datuk Keramat dan Setapak. Majlis-majlis muhibah telah diadakan di kawasan-kawasan tersebut untuk memulihkan perasaan persahabatan di kalangan rakyat berbagai kaum. Bagaimanapun khabar-khabar angin mengatakan pergaduhan akan berlaku lagi telah tersebar menjelang ulang tahun 13 Mei yang pertama. Ramai yang tidak keluar rumah pada hari itu tetapi tidak ada peristiwa buruk berlaku.





Barisan anggota kabinet Abdul Razak 1970 dengan hanya tiga muka baru yang terdiri daripada Ghazali Shafie yang dilantik sebagai Menteri Tugas-tugas Khas, Hussein Onn, Menteri Pelajaran dan Tengku Ahmad Rithauddeen Tengku Ismail, Menteri Muda Pertahanan.
Beliau mengekalkan sebahagian besar anggota kabinet yang diwarisinya dari Tunku Abdul Rahman kecuali Khaw Kai Boh yang menarik diri. Disamping menjadi Perdana Menteri, Abdul Razak juga memegang jawatan Menteri Luar dan Menteri Pertahanan. Dr. Ismail menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.
***Duduk dari kiri**, Mohd Khir Johari, Sardon Jubir, Dr. Ismail, Abdul Razak, V. T. Sambanthan, Ong Yoke Lin, V. Manikavasagam.*
***Berdiri dari kiri**: Hussein Onn, Fatimah Hashim, Lee Siok Yew, Ghafar Baba, Ghazali Jawi, Abdul Ghani Gilong, Hamzah Abu Samah, Abdul Kadir Shamsuddin dan Ghazali Shafie.*

Pada 23 September 1970, sehari selepas Tunku Abdul Rahman meletakkan jawatan, Abdul Razak mengangkat sumpah menjadi Perdana Menteri Malaysia yang kedua di hadapan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim di Bilik Singgahsana, Istana Negara, Kuala Lumpur. 21 orang anggota kabinet Abdul Razak yang terdiri daripada menteri dan timbalan menteri turut mengangkat sumpah.



Abdul Razak melawat Pusat Latihan Pembina Negara di Dusun Tua, Ulu Langat dengan diiringi oleh komandernya, Sukor Ali pada tahun 1969. Masalah utama yang segera diuruskan oleh Abdul Razak apabila beliau menjadi Pengarah MAGERAN ialah pengangguran di kalangan belia Melayu terutama daripada mereka yang berkelulusan Sekolah Menengah Melayu yang sukar mendapat pekerjaan kerana kelemahan dalam bahasa Inggeris. Abdul Razak mengarahkan ditubuhkan Pusat Latihan Pembina Negara untuk melatih belia-belia ini dalam semua jurusan yang diperlukan oleh negara.



Majlis Jamuan Negara telah diadakan di Bangunan Parlimen bagi meraikan persaraan Tunku Abdul Rahman daripada jawatan Perdana Menteri pada 22 September 1970. Abdul Razak menyampaikan cendera hati kepada Tunku di majlis itu. "Jasa Tunku bukan sahaja kepada UMNO, bahkan kepada bangsa dan negara akan diingati untuk selama-lamanya dan akan menjadi perangsang dan teladan kepada penganjur-penganjur dan pahlawan-pahlawan kita pada masa akan datang", kata Abdul Razak.



Abdul Razak telah diberikan sambutan hangat dalam lawatan rasminya yang pertama ke Sabah sebagai Perdana Menteri pada 26 Jun 1971. Selain daripada pembesar-pembesar negeri, turut mengalu-alukan kedatangannya ialah barisan bumiputera Sabah dalam pakaian dan senjata tradisi mereka.
Ketua Menteri Sabah, Mustapha Datu Harun mengiringi Abdul Razak dan isterinya Rahah memeriksa barisan kehormatan.
Mustapha tidak menunjukkan penghormatan dan kesetiaan kepada Abdul Razak seperti yang diberikannya kepada perdana menteri pertama Tunku Abdul Rahman sebaliknya telah mendatangkan berbagai-bagai masalah termasuk mahu membawa Sabah keluar dari Malaysia sehingga Abdul Razak terpaksa bertindak menggulingkannya menerusi proses pilihan raya. Kerajaan USNO yang dipimpinnya ditumbangkan oleh parti Berjaya pimpinan Harris Salleh tiga bulan selepas kematian Abdul Razak.



Melancarkan Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) di Bilik Gerakan Negara pada 12 November1971 dengan peruntukan kerajaan sebanyak RM100 juta di bawah Rancangan Malaysia Kedua. UDA adalah di antara beberapa institusi yang dilancarkan oleh Abdul Razak di bawah Dasar Ekonomi Baru untuk memajukan ekonomi orang Melayu dengan tumpuan tugasnya kepada pembangunan pelbagai projek di bandar bagi membolehkan penyertaan orang Melayu dalam kegiatan ekonomi di bandar.



Pada 1 Jun 1972 Abdul Razak telah melancarkan Skim Insurans Bencana Pekerjaan (SOCSO). Di belakang beliau ialah Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, V. Manikavasagam.



Abdul Razak mengisytiharkan Kuala Lumpur sebagai Wilayah Persekutuan dalam suatu upacara di Istana Negara yang didahului dengan menandatangani Perjanjian Kuala Lumpur antara Sultan Selangor dengan Yang di-Pertuan Agong, pada 1 Februari 1974. Di bawah perjanjian itu Kuala Lumpur diserahkan oleh Selangor kepada Kerajaan Persekutuan untuk menjadi wilayahnya.



Berikutan dengan perisytiharan Kuala Lumpur menjadi Wilayah Persekutuan, Lokman bin Yusof telah dilantik sebagai Datuk Bandar bandaraya Kuala Lumpur. Abdul Razak menyampaikan surat perlantikan itu dalam satu upacara penuh istiadat di Bangunan Parlimen pada hari yang sama.






Abdul Razak meletakkan batu asas Pusat Islam pada 6 April 1973.

Setiausaha Agung Perikatan, T. H. Tan ***(berbaju batik)*** *yang sangat disayangi oleh Tunku Abdul Rahman dan rapat dengan Abdul Razak telah memeluk agama Islam bersama dengan keluarganya di kediaman Abdul Razak di Sri Taman pada April 1972. Dari kiri Mustapha Harun, Abdul Aziz Zain, T.H. Tan, Ghani Gilong, Syed Nasir Ismail dan Senu Abdul Rahman. Satu lagi upacara mengislamkan 50 orang saudara baru diadakan di Sri Taman pada Februari 1974.*



Lembaga Kemajuan Pekebun-pekebun Kecil Perusahaan Getah Malaysia (RISDA) telah dilancarkan oleh Abdul Razak pada 8 Februari 1973 di Dewan Tunku Abdul Rahman. Katanya "Soal membaiki ekonomi pekebun-pekebun kecil berhubung rapat dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Maka itu RISDA akan bekerjasama dengan semua agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam bidang lain di samping menyelaraskan semua kegiatan yang akan menjadi sektor pekebun kecil moden dalam erti kata sepenuhnya".



Abdul Razak dilantik menjadi Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia di Majlis Konvokesyen UKM di Dewan Banquet Bangunan Parlimen pada 23 Jun 1973. Pelantikan ini adalah sebagai menghargai peranan pentingnya dalam menyokong usaha penubuhan universiti itu yang dijalankan oleh sekumpulan intelektual Melayu. Di sampingnya ialah Dr. Ariffin Marzuki, Naib Canselor UKM. Ramai mereka yang memperjuangkan penubuhan universiti itu termasuk Anwar Ibrahim (Timbalan Perdana Menteri) berpendapat "tanpa sokongan Abdul Razak universiti itu tidak akan wujud".



Melancarkan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) di Dewan Tunku Abdul Rahman pada 13 Ogos1973. Dalam ucapannya, Abdul Razak menyatakan peranan penting lembaga itu ialah untuk menyelaraskan aktiviti badan-badan berkanun seperti LPN, FAMA, FIMA, Perbadanan-perbadanan Kamajuan Pertanian negeri, RISDA, Bank Pertanian, MARDI, Bahagian Kajiteknik Makanan dan Jabatan-jabatan Pertanian, Parit dan Tali Air dan lain-lain bagi menjalankan tugas yang terlibat secara langsung dengan kemajuan pertanian di negara ini.



Abdul Razak berkenalan dengan pegawai-pegawai kanan Kementerian Kewangan apabila beliau menjadi Menteri Kewangan berikutan dengan persaraan Tan Siew Sin pada April 1974.
Inilah kali kedua beliau menjadi Menteri Kewangan. Kali pertama ialah dari tahun 1969-1970 ketika negara berada di bawah pemerintahan darurat (MAGERAN).



Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr. Lim Chong Eu ***(kanan sekali)*** *sedang memberikan penerangan kepada Abdul Razak dan isteri mengenai model kompleks pusat bandar raya Pulau Pinang yang dinamakan dengan nama beliau iaitu KOMTAR (Kompleks Tun Abdul Razak). Abdul Razak telah merasmikan upacara menanam cerucuk asas bangunan itu pada tahun 1974. Pemberian nama itu adalah merupakan penghargaan Chong Eu kepada Abdul Razak, seorang pemimpin yang sangat dihargai dan disayanginya.*

“Negara-negara kecil yang memerhatikan hasrat kuasa-kuasa besar mestilah menyesuaikan pelayaran politik mereka supaya tetap timbul dalam kekencangan angin perubahan ini.”

Tun Abdul Razak



perintis ke globalisasi

Dua langkah berani Abdul Razak yang telah mengubah aliran sejarah politik Malaysia ialah memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru berikutan dengan Peristiwa 13 Mei 1969 dan membebaskan Dasar Luar Negara yang pro-Barat.

Abdul Razak mengekalkan dasar antikomunis dan antisosialis dalam negeri, tetapi menghulurkan tangan persahabatan dengan negara-negara komunis dan sosialis di samping mengekalkan hubungan yang baik dengan Barat.

Beliau juga mendekati negara-negara Islam di Asia Barat dan lain-lain negara Dunia Ketiga.

Sekalipun negara masih menghadapi ancaman pengganas komunis tetapi dalam bulan Mei 1974, Abdul Razak melangkah kaki ke China sebagai pemimpin Asia Tenggara yang pertama merintis hubungan diplomatik dengan negara komunis itu.

Tindakan ini membuktikan kebenaran anggapan ramai terhadapnya sebagai manipulator yang pintar kerana berikutan dengan itu, menyerlah tiga kejayaannya yang besar iaitu:

- Kejayaan diplomatik terutama dalam memprojekkan imej baru dasar luar Malaysia yang bebas.
- Memenangi sentimen pengundi Cina yang memberikan kemenangan besar kepada Barisan Nasional dalam pilihan raya 1974.
- Kelumpuhan moral Parti Komunis Malaya yang tidak mengiktiraf Malaysia.

Dalam masa Konfrontasi Indonesia, Abdul Razak yang menyedari pentingnya sokongan Dunia Ketiga telah memimpin satu rombongan Malaysia melawat ke negara-negara itu untuk membentangkan kes Malaysia yang telah dimomokkan oleh Indonesia sebagai projek neokolonialis.

Abdul Razak selaku Pengarah MAGERAN sendiri telah memberikan komitmen sepenuhnya untuk menjayakan penubuhan Sekretariat Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Jeddah ketika menghadiri Persidangan Pertama Menteri-menteri Luar Islam di Jeddah dalam bulan Mac 1970.

Abdul Razak telah mencalonkan bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman sebagai Setiausaha Agung pertubuhan itu apabila Malaysia diminta memegang jawatan itu. Malaysia juga membayar gaji pegawai, kakitangan dan sewa pejabat serta tempat kediaman bagi pegawai-pegawai pertubuhan ini.

"Malaysia boleh mendakwa sebagai negara yang melancarkan Sekretariat OIC ini."[1]

Dalam rangka kunjungannya ke luar negara, Abdul Razak antara lain telah menemui pemimpin-pemimpin terkemuka dunia seperti Presiden Amerika Syarikat John F. Kennedy, (1963), Presiden Nixon, Perdana Menteri Soviet Union, Alexei Kosygin (1972), Perdana Menteri Pakistan, Zulfikar Ali Bhutto (1974), Perdana Menteri India, Indira Gandhi, Shah Iran dan Presiden Indonesia, Sukarno.

Abdul Razak telah menghadiri Persidangan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu dalam bulan September 1971 untuk mengemukakan cadangan Malaysia supaya Asia Tenggara dijadikan rantau berkecuali bagi kepentingan keamanan, kestabilan dan bagi

melindungi rantau ini dari pertelagahan dan campur tangan kuasa-kuasa besar.

Untuk tujuan yang sama, Abdul Razak kemudian membawa pemimpin-pemimpin ASEAN yang terdiri daripada Singapura, Thailand, Filipina dan Indonesia menandatangani Perisytiharan ASEAN di Kuala Lumpur pada 27 November 1971.

Perisytiharan itu yang ditandatangani oleh Abdul Razak, Menteri Luar Indonesia, Adam Malik, Setiausaha Luar Filipina, Jeneral Romulo, Menteri Luar Singapura Rajaratnam dan Duta Khas Thailand, Thanat Khoman menuntut pengiktirafan dan penghormatan kepada Asia Tenggara sebagai rantau aman, bebas dan berkecuali.

Perisytiharan itu disifatkan oleh Abdul Razak sebagai suatu pencapaian langkah pertama yang sangat penting.

"Perisytiharan ini menunjukkan keazaman kita untuk membentuk nasib kita sendiri, untuk mengawal kemerdekaan dan kedaulatan nasional.

"Sama ada kita akan berjaya dalam langkah selanjutnya bergantung kepada kebolehan kita untuk bekerjasama. Kita tidak boleh mengharapkan pihak lain akan menghormati kita sebagai negara-negara yang merdeka dan berdaulat kecuali kita sendiri bersedia untuk bekerja bagi memelihara kemerdekaan dan kedaulatan dan menunjukkan keazaman untuk melihat diri bebas daripada sebarang campur tangan luar"

Abdul Razak melihat masa hadapan di mana lain-lain negara di Asia Tenggara akan turut menghayati aspirasi dan matlamat ini dan "menyertai kita untuk bersama-sama bekerja bagi merealisasi matlamat ini."

Abdul Razak menyatakan keyakinannya bahawa kejayaan akan dicapai jika semua negara menunjukkan kesanggupan menghormati kemerdekaan dan maruah kita dan tidak akan campur tangan dengan cara apapun dalam hal ehwal negara lain secara "terangan" atau "terselindung."

"Hanya inilah asas untuk kita melangkah. Kita tidak boleh berkecuali, tidak seorang pun boleh mengharapkan kita berkecuali, jika terdapat sebarang bentuk campur tangan dalam hal ehwal dalam negara kita", katanya.

Sesungguhnya pengalaman Konfrontasi Indonesia telah memberikan penghayatan kepada Abdul Razak untuk membentuk satu pakatan yang akan dapat mengelak berulangnya sebarang sengketa antara negara di samping mewujudkan saluran mencari perdamaian dan bekerjasama bagi kemakmuran bersama.

Abdul Razak melihat Malaysia lebih memerlukan kerjasama ini kerana ia mempunyai tetangga paling ramai iaitu Indonesia, Singapura, Thailand, Brunei dan Filipina.

---

1. Interbiu dengan Datuk Kamaruddin Mohd Ariff pada 11 Julai 1996.

Gambar ini menceritakan segala-galanya tentang kepulangan seorang patriot setelah menapak dengan berani ke sebuah negara kuasa besar yang ketika itu menjadi musuh utama rakyat Malaysia. Langkah penuh perhitungan ini sekaligus memberikan imej baru kepada dasar luar negara dan menyemarakkan kepimpinannya kepada rakyat dan dunia.

Abdul Razak gagah dan riang menghadapi kilat kamera jurugambar akhbar dan televisyen sepulangnya ke tanah air dari lawatan bersejarah ke Republik Rakyat China pada 2 Jun 1974 dengan membawa persetujuan negara itu untuk mengadakan hubungan diplomatik dengan Malaysia.

Persetujuan ini dengan sekaligus menjatuhkan moral Parti Komunis Malaya yang tidak mengiktiraf kemerdekaan Malaysia dan lebih jauh dari itu telah menggemblengkan semangat rakyat memberikan sokongan padu kepada kepimpinan Abdul Razak dalam pilihan raya 1974 iaitu pilihan raya pertama yang diterajui sendiri oleh beliau setelah mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Tunku Abdul Rahman.

Inilah gambar yang mempamerkan hampir semua pemimpin penting negara, anggota diplomat dan pegawai tinggi kerajaan yang menyambut kepulangan Abdul Razak dan rombongannya di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang.

Pada malamnya, Abdul Razak muncul di rapat raksasa Barisan Nasional yang dihadiri oleh lebih 50 000 orang di Padang Kelab Sultan Sulaiman Kampung Baharu Kuala Lumpur. Pemimpin-pemimpin parti komponen BN diperkenalkan bagi pertama kali di perhimpunan itu.

Dua bulan kemudian pilihan raya umum diadakan dengan memberikan kemenangan cemerlang kepada BN.



Mohamed Nazir anak kelima Abdul Razak tidak mahu ketinggalan untuk turut merakamkan detik-detik ayahnya berada di puncak kegemilanganya.

Menemui Pengerusi Republik Rakyat China, Mao Zedong pada 29 Mei 1974.
Abdul Razak merupakan pemimpin Asia Tenggara pertama yang melawat China—sebuah negara yang diketahui membantu kegiatan subversif komunis di Malaysia dan negara-negara jirannya.



Tidak sahaja diberikan penghormatan oleh perbarisan tentera, tetapi sambutan terhadap ketibaannya di Beijing pada 28 Mei 1974 dimeriahkan lagi dengan tarian kebudayaan, pukulan gendang dan lambaian bunga oleh pelajar-pelajar.
Sepanduk "Selamat Datang Perdana Menteri Tun Abdul Razak" dalam bahasa Malaysia juga direntangkan di Lapangan Terbang Beijing.
*Abdul Razak diiringi Naib Perdana Menteri China, Lee Sin Nin. Di belakangnya ialah Raja Mohar Badiozaman, Penasihat Khas Ekonomi kepada Perdana Menteri dan Zaiton Ibrahim Ketua Setiausaha Kementerian Luar (**kiri sekali**).*





Perdana Menteri China, Zhou Enlai menyambut ketibaan Abdul Razak untuk menghadiri mesyuarat bersama antara perwakilan kedua-dua negara di Beijing pada 29 Mei 1974. Pertemuan ini berlangsung selepas Abdul Razak menemui Pengerusi Mao Zedong.



Abdul Razak berhadapan dengan Zhou Enlai dalam perundingan antara perwakilan China dengan Malaysia. Perundingan itu mencapai persetujuan untuk penubuhan hubungan diplomatik antara kedua-dua negara. Kedua-dua kerajaan juga berpendapat bahawa semua pencerobohan, campur tangan, penaklukan serta kegiatan subversif oleh kuasa asing adalah haram.

Perbarisan kehormatan angkatan tentera Republik Rakyat China kepada Abdul Razak setibanya di Beijing untuk memulakan lawatan rasmi selama enam hari.



*Seluruh perwakilan Malaysia yang diketuai oleh Perdana Menteri Malaysia Abdul Razak (**nombor 11 dari kanan**) bergambar dengan Perdana Menteri China, Zhou Enlai (**nombor 10 dari kanan**) di Balai Besar Republik Rakyat China.*





Dalam keghairahannya untuk memberikan imej baru kepada Dasar Luar Negara, sebaik sahaja menjadi Perdana Menteri dan Menteri Luar Negeri, Abdul Razak mengadakan lawatan ke Kementerian Luar Negeri pada 1 Oktober 1970 untuk bertukar-tukar fikiran dengan mereka yang berada di belakang layar dalam menerajui dasar luar daripada Wisma Putra. Abdul Razak kelihatan sedang mendengar penerangan yang diberikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri, Zainal Abidin Sulong mengenai tugas pelbagai jabatan kementerian itu.
*Turut serta dalam pertemuan ini ialah Zain Azraai bin Zainal Abidin, Pengarah Perkhidmatan Penerangan Luar Negeri (**kiri**) dan Abdullah Ali, Ketua Protokol (**kanan sekali**).*

*Abdul Razak dan Menteri-menteri Luar Negara-negara ASEAN yang lain terdiri daripada Menteri Luar Indonesia, Adam Malik (**kiri sekali**), Setiausaha Luar Filipina, Jeneral Romulo (**kanan sekali**), Duta Khas Thailand, Thanat Khoman dan Menteri Luar Singapura, Rajaratnam telah menandatangani Perisytiharan ASEAN di Kuala Lumpur pada 27 November 1971.*
Perisytiharan itu menuntut pengiktirafan dan penghormatan terhadap Asia Tenggara sebagai rantau aman, bebas dan berkecuali.
Perisytiharan ini dianggap sebagai satu kejayaan pertama Abdul Razak yang sangat bererti dalam memberikan imej baru kepada Dasar Luar Negara sejak beliau menjadi Perdana Menteri.



Seorang pejuang kemerdekaan Indonesia, Sri Sultan Hamengku Buwono IX yang kemudian menjadi Naib Presiden Indonesia (1973-1978) mengunjungi Abdul Razak dalam tahun 1971. Ketika itu beliau menjadi Menteri Negara bidang Ekonomi, Kewangan dan Industri Indonesia.



Timbalan Perdana Menteri Malaya, Abdul Razak menghadap Sultan Brunei, Sir Muda Omar Ali Saifuddin di Istana Tetamu Kuala Lumpur, 23 April 1959. Dari zaman penjajahan British lagi, orang Melayu di Malaya mempunyai hubungan yang rapat dengan orang Brunei dan hubungan ini telah diperkukuhkan lagi oleh pemimpin-pemimpin negara selepas kemerdekaan. Bagaimanapun usaha untuk membawa negara itu menyertai Malaysia dalam tahun 60-an telah gagal.



*Presiden Filipina, Ferdinand Marcos (**dua dari kanan**) dalam lawatan rasminya ke Malaysia selama empat hari pada 1968 telah diraikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Abdul Razak di Sri Taman. Pegawai-pegawai Wisma Putra, Ghazali Shafie dan Hussein Haji Omar (**tiga dari kanan**) antara yang turut serta.*



Abdul Razak diperkenalkan kepada penari-penari dari satu suku kaum di Burma (sekarang Myanmar) yang meraikannnya dengan tarian-tarian kebudayaan dalam suatu majlis bersempena dengan lawatan rasminya ke negara itu selama seminggu pada Disember 1965. Lawatan ini adalah atas jemputan Perdana Menteri Burma, Jeneral Ne Win untuk mempereratkan lagi persahabatan dan muhibah di antara Malaysia dan Burma. Dari sejak awal kemerdekaannya Malaysia memelihara hubungan istimewa dengan Burma walaupun negara itu menjalankan dasar tertutup. Hubungan ini diteruskan oleh Perdana Menteri berikutnya, Hussein Onn dan Dr. Mahathir Mohamad.



Dikunjungi Perdana Menteri Laos, Putera Souvanna Phouma pada Januari 1971.



Disambut oleh Perdana Menteri Pakistan, Zulfikar Ali Bhutto apabila tiba di Lapangan Terbang Lahore untuk menghadiri Persidangan Puncak Negara-negara Islam pada Februari 1974.



Perdana Menteri Jepun, Eisaku Sato dalam lawatan rasminya ke Malaysia selama empat hari pada September 1967 telah mengadakan pertemuan dengan Abdul Razak di Cameron Highland.



*Timbalan Perdana Menteri Abdul Razak ketika melawat First National City Bank New York dalam tahun 1963 bersama dengan Duta Malaysia ke Amerika Syarikat, Ong Yoke Lin (**tiga dari kanan**) dan Penolong Ketua Setiausaha Bahagian Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Thong Yaw Hong (**kanan sekali**).*
Dua dari kiri ialah Setiausaha Sulit Timbalan Perdana Menteri, Aziz Hussein.



Menemui Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu U Thant ketika menghadiri Persidangan PBB pada September 1966.



Abdul Razak meraikan kunjungan Presiden Bank Dunia, Robert McNamara ke negara ini di Sri Taman pada November 1971. Beliau telah menerima Anugerah Antarabangsa Tun Razak dalam tahun 1978 kerana sumbangan kepada pembangunan ekonomi antarabangsa ke arah membasmi kemiskinan.



*Di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ke-26 bersama dengan Wakil Tetap Malaysia di PBB, Zakaria Ali (**tengah**) dan Duta Malaysia di Washington, Ong Yoke Lin (**kanan sekali**) pada Oktober 1971. Di barisan belakang ialah P. G. Lim dan Abdullah Ali, juga anggota perwakilan Malaysia.*
Dalam ucapannya di perhimpunan itu, Abdul Razak telah mengemukakan konsep pengecualian Asia Tenggara bagi melindungi rantau ini dari pertelagahan dan campur tangan kuasa-kuasa besar demi kepentingan keamanan, kestabilan dan keselamatan yang berkekalan.

Abdul Razak selaku Pengarah MAGERAN menghadiri persidangan pertama Menteri-menteri Luar Negara Islam di Jeddah pada bulan Mac 1970 di mana beliau memberikan komitmen Malaysia sepenuhnya bagi menjayakan penubuhan Sekretariat Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Jeddah. Di kanan sekali ialah Duta Malaysia di Jeddah, Kamaruddin Ariff. Apabila Malaysia diberikan penghormatan untuk mencalonkan setiausaha agung pertubuhan itu, Abdul Razak telah menunjukkan bekas Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman.


ماليسيا



Perdana Menteri British, Edward Heath mengadakan lawatan dua hari ke Malaysia pada Januari 1971 dan disambut oleh Abdul Razak di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang.
Lawatan ini yang berlaku beberapa bulan selepas Abdul Razak menggantikan Tunku Abdul Rahman sebagai Perdana Menteri bertujuan untuk memperbaharui dan mempereratkan lagi hubungan mesra yang sudahpun terjalin antara kedua-dua negara.



Queen Elizabeth II dan Prince Philip telah mengadakan kunjungan negara selama enam hari ke Malaysia pada Februari 1972 untuk memupuk hubungan tradisi Malaysia-Britain.
Abdul Razak mengiringi baginda masuk ke Bangunan Parlimen untuk majlis santapan negara.
Hubungan Britain dengan Malaysia akrab dan mesra tanpa menghadapi krisis dan keruncingan pada masa Tunku Abdul Rahman dan Abdul Razak menjadi Perdana Menteri.



*Abdul Razak bersama dengan Setiausaha Pertahanan British, Denis Healey (**kiri**) yang mengunjungi Malaysia dalam tahun 1966. Kerana latar belakang pendidikan dan sosialisasinya semasa belajar di London, Abdul Razak jelas begitu senang dan selesa berada dengan pemimpin-pemimpin Inggeris.*



Shah Iran dan isterinya Farah Diba Shahbanun telah mengadakan kunjungan rasmi ke Malaysia pada Januari 1968 dan diraikan dalam satu majlis jamuan negara.

Perdana Menteri India, Indira Gandhi menemui Timbalan Perdana Menteri, Abdul Razak dalam lawatannya ke negara ini pada akhir Mei 1968. Abdul Razak memandang hubungan India-Malaysia perlu diperkukuhkan terutama bagi kerjasama ekonomi dan teknikal.





*Abdul Razak (**duduk nombor dua dari kanan**) dan Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman (**nombor tiga**) bersama dengan menteri-menteri pertahanan dari lain-lain negara bersempena dengan Persidangan Pertahanan Lima Negara terdiri daripada Malaysia, Singapura, Australia, New Zealand dan Britain yang diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 1968.*
Abdul Razak sebagai Menteri Pertahanan Malaysia memainkan peranan penting dalam keberkesanan kerjasama ini terutama dalam masa Konfrontasi Indonesia. Perjanjian inilah yang menakutkan Indonesia untuk menyerang Malaysia.
Letnan Jeneral Kemal Idris yang ditugaskan oleh Presiden Sukarno untuk menyerang Malaysia dari Sumatera memberitahu Jeneral Suharto: "Jika perang terjadi antara Indonesia dan Malaysia, 80 peratus tentera kita akan tewas atau tertangkap kerana Inggeris, Australia dan New Zealand berada di belakang Malaysia.
"Pak Harto memandang kekuatan Indonesia tidak seimbang dengan kekuatan yang dimiliki oleh Malaysia yang dibantu oleh Angkatan Bersenjata Inggeris, Australia dan Selandia Baru (New Zealand), sesuai dengan perjanjian Malaysia" kata Kemal Idris dalam bukunya Bertarung dalam Revolusi.



Oleh kerana pernah menyertai Parti Buruh semasa menuntut di London dan percampurannya dengan pemimpin-pemimpin kiri Britain, ada pihak yang menyangka bahawa Abdul Razak adalah seorang yang prososialis dan komunis. Antara orang yang tertarik hati dengan Abdul Razak dan cuba mendekatinya pada awal tahun 70-an ialah Duta Soviet Union di Malaysia ketika itu, Kutnetzev. Untuk mengambil hati Abdul Razak, Duta Soviet ini mengangkat anak bongsunya, Mohamed Nazir ketika menyambut kepulangan Abdul Razak dari menghadiri Persidangan Pertahanan Lima Negara di London pada tahun 1971.

Bagaimanapun kawan-kawan rapatnya memberitahu Abdul Razak tidak pernah tertarik hati dengan komunisme atau sosialisme sebaliknya penuh percaya kepada ekonomi pasaran tetapi beliau adalah exploiter *yang tidak pernah melupakan jerat. Hubungan dengan orang kiri di London adalah kerana mereka menyokong perjuangan kemerdekaan Malaya di tanah air adalah untuk membendung mereka.*



Perdana Menteri Abdul Razak menandatangani Perjanjian Kebudayaan dan Sains dengan Perdana Menteri Soviet, Alexei Kosygin di Moscow pada Oktober 1972. Lawatan ini telah dilihat sebagai penerusan usahanya untuk membersihkan Malaysia dari imej pro-Barat. Abdul Razak telahpun melawat Moscow ketika menjadi Timbalan Perdana Menteri pada Mei 1968 dalam rangka lawatan 26 hari ke negara-negara Eropah.



Malaysia dan Tunisia menandatangani perjanjian kebudayaan dan konsular. Setiausaha Negara Ehwal Luar, Habib Bourguiba menyerahkan dokumen pada Abdul Razak di Wisma Putra dalam tahun 1969.



Menghadiahkan sebilah keris kepada Presiden Amerika Syarikat, John Kennedy dalam kunjungan ke negara itu dalam tahun 1963.



Menemui seorang lagi Presiden Amerika Syarikat, Richard Nixon apabila melawat negara itu pada Oktober 1971 di samping menghadiri Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu di New York.


Dalam langkah diplomatiknya memerangi Konfrontasi Indonesia, Abdul Razak telah mengadakan lawatan ke negara-negara Afrika dari akhir Mac hingga awal April 1965.
Antara negara-negara yang dilawatinya ialah Habsyah, Somalia, Kenya, Tanzania, Uganda, Maghribi, Sudan dan Mesir.
Abdul Razak dan Duta Malaysia di Mesir yang mengiringinya dalam lawatan ke negara-negara itu, Tuanku Jaafar ibni Tuanku Abdul Rahman (Sekarang Yang di-Pertuan Agong) bergambar dengan Presiden Kenya, Jomo Kenyatta.



Bersama Perdana Menteri Sudan, Sir El-Katim El-Khalifa yang meraikannya dalam satu majlis makan malam.



Bersama Presiden Tanzania, Julius K. Nyerere.



Wajah Abdul Razak jelas membayangkan betapa sepi dan muram dirasakan oleh seseorang apabila berada di tepi Tembok Berlin yang didirikan oleh komunis di Jerman dalam zon Soviet.
Beliau mengunjungi tembok yang memisahkan Berlin Barat dan Berlin Timur itu dalam lawatannya ke Berlin Barat pada Mei 1968. Gambar ini penuh nilai sejarah kerana tembok itu telahpun runtuh bersama dengan keruntuhan komunisme di Eropah Timur dalam tahun 1989.
Tembok ini selalunya dijadikan sebagai bahan bukti oleh Berlin Barat kepada pelawat-pelawat tentang akibat dan malapetaka komunisme dan sosialisme kepada umat manusia.

“Kebolehan dan inteleknya tidak terpancar daripada kepetahan berucap tetapi segala kualiti dan kegagahannya terlihat dalam kerjanya, kejujurannya, dedikasinya, kemanusiaannya dan akauntabilitinya.”

Pengarang



Abdul Razak tidak karismatik tetapi kesederhanaan sifatnya telah memahatkan kenangan mendalam pada keluarganya, rakan-rakan, pegawai-pegawai dan ramai orang.[1]

Ini tepat dengan penilaiannya sendiri terhadap dirinya dalam suatu ucapannya pada 2 Oktober 1967. Katanya "Kalau saya berhak menjadi ternama, hak itu terletak semata-mata pada kesederhanaan. Saya seorang ahli politik berlatar belakang sederhana. Saya memulakan pelajaran di sebuah sekolah yang berbumbung atap dan berlantai tanah. Masih terasa jelas lantai tanah di kaki saya yang tidak berkasut".

Abdul Razak juga bukan seorang pemidato yang hebat. Ucapannya di rapat umum atau di majlis-majlis kecil adalah senada sahaja, suaranya perlahan dan selalunya diselangi oleh batuk kecil.

Tema ucapannya dari satu tempat ke satu tempat dalam lawatannya ke luar bandar sama sahaja. Dalam sehari dari pagi hingga ke malam biasanya beliau melawat tidak kurang daripada lima atau enam buah kampung dan ucapannya mengulangi perkara yang sama.

Ketika berucap beliau selalunya meletakkan tangannya yang berpegangan antara satu sama lain di hadapannya dan mengangkat-angkat sebelah tangannya bila menekankan sesuatu perkara yang difikirkan penting.

Ucapannya serius dan tidak mempunyai jenaka tetapi gayanya jelas menampakkan kesungguhan dan keikhlasan.

Abdul Razak juga mempunyai ingatan yang panjang dan mengingati janji-janjinya.

Michael Chen Wing Sum ketika menjadi pelajar di New Asia College di Hong Kong telah menulis surat kepada Abdul Razak menegur polisi kerajaan memberikan pelajaran percuma kepada semua pelajar tanpa mengira kaya dan miskin.

Abdul Razak tidak menjawab surat ini. Tetapi apabila menemui Michael Chen yang ditawarkannya untuk berkhidmat sebagai Setiausaha Parlimennya setelah kembali ke tanah air dalam tahun 1964, Abdul Razak meminta maaf kerana tidak menjawab suratnya dan menjelaskan kepada Chen, "Jika hanya diberikan kepada orang miskin, maka yang ramai menerimanya ialah anak-anak Melayu. Maka apa pula kata masyarakat Cina."

imbasan

Rais Yatim ketika menuntut di Singapura telah menemui Abdul Razak di Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Singapura dalam tahun 1971 dan meminta jasa baiknya untuk mendapatkan kerja dalam masa cuti.[2]

Abdul Razak memintanya menghantar nota peringatan. Beliau merujukkan Rais kepada Menteri Besar Selangor, Harun Idris yang kemudiannya memberikannya kerja sebagai Penasihat Pelajar di Asrama Dr. Latiff, Jalan Gurney, Kuala Lumpur.

Abdul Razak mempunyai keistimewaan dalam mengenali pemimpin-pemimpin yang berbakat dan berpotensi.

Ketika Anwar Ibrahim menjadi aktivis pelajar dalam tahun 60-an dan awal 70-an, Abdul Razak menjemputnya dan rakan-rakannya ke Sri Taman dan berbincang dengan mereka hingga larut malam.

Dengan caranya yang tersendiri, Abdul Razak membuat Anwar merasa senang dengannya. Beliau menegur Anwar kerana tidak mengikat tali kasutnya dan memberitahu Anwar, "Awak akan ditangkap polis kerana menunggang motosikal tanpa lesen memandu." Kebetulan masa itu Anwar memang tidak mempunyai lesen.

Walaupun menyukai Abdul Razak tetapi Anwar mengelakkan diri untuk nampak

terlalu rapat dengannya kerana ditakuti akan menimbulkan prasangka di kalangan pengikut-pengikutnya.

Apabila Abdul Razak mengetahui nama Anwar tiada dalam senarai anggota perwakilan belia Malaysia ke suatu persidangan belia di New York dalam tahun 1970, beliau telah menghantar Menteri Belia dan Sukan, Hamzah Abu Samah untuk mencari Anwar hingga ke rumahnya. Anwar diberitahu bahawa beliau juga terpilih. Anwar merasa terlalu besar hati dan sampai hari ini mengingati Abdul Razak sebagai seorang yang bukan *parochial partyman.*

Dalam tahun 60-an, apabila Abdul Razak melawat ke kawasan yang dilanda banjir di Baling, Kedah, beliau melihat seorang pegawai menjunjung sendiri kampit-kampit beras kepada orang kampung. Beliau bertanya "awak siapa?" Zain Hassan memberitahu bahawa dia ialah Penolong Pegawai Daerah Baling, Abdul Razak berkata,"Saya suka awak".

Abdul Razak mengambil Michael Chen sebagai Setiausaha Parlimennya kerana percaya dia akan dapat membantunya untuk mendekati masyarakat Cina dan menghapuskan salah sangka mereka terhadapnya.

Michael yang dapat menjalankan tugas ini dengan berkesan akhirnya menjadi orang kepercayaan Abdul Razak.

Abdul Razak sangat mengutamakan akauntabiliti dan "takut nanti apa orang kata". Ada kalanya sikap ini keterlaluan dan tidak adil kepada dirinya sendiri.

Beliau telah melewatkan perlantikan adik iparnya Hamzah Abu Samah untuk jawatan menteri berikutan dengan kemenangannya dalam pilihan raya 1969 di kawasan Temerloh. Hamzah meletakkan jawatannya sebagai pegawai tinggi kerajaan yang gajinya lebih besar dari seorang anggota Parlimen.

Hamzah yang memasuki arena politik atas permintaan Tunku Abdul Rahman telah mengadu kepada Tunku dan Tunku memberitahunya bahawa failnya berserta surat menyokongnya untuk jawatan menteri telah diberikan kepada Abdul Razak sejak sembilan bulan lalu.

Tetapi Abdul Razak memberitahu Hamzah, "kalau saya lantik awak jadi menteri, nanti orang bercakap, awak ipar saya."

Hamzah kemudiannya dilantik menjadi Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri sebelum dilantik ke jawatan menteri.

Setelah menjadi Perdana Menteri dalam tahun 1970, Abdul Razak telah menjual tanahnya di Port Dickson yang dibeli semasa menjadi Timbalan Perdana Menteri kerana "takut apa orang kata".

Abdul Razak adalah seorang yang kuat bekerja. Beliau tidak sahaja bekerja di pejabat tetapi selalu membawa balik kerja ke rumah dalam dua kotak merah berisi fail-fail yang belum selesai.

Keesokannya Setiausaha Sulit Perdana Menteri Shafee Yahya akan pergi ke Sri Taman untuk mengambil kerja yang telah dibereskannya.

Abdul Razak mempunyai caranya yang tersendiri dalam menjalankan tugas politik dan pentadbiran. Beliau melakukannya dengan senyap, berhati- hati, tidak menonjol tetapi tidak pernah ragu atau takut untuk menunaikan kewajipannya.

Walau bagaimanapun, Abdul Razak tidak akan mengambil risiko dalam perkara yang tidak pasti. Beliau hanya melakukan sesuatu setelah memikirkan semasak-masaknya, baik dan buruknya.

Kebolehan dan inteleknya tidak terpancar daripada kepetahan berucap tetapi segala kualiti dan kegagahannya terlihat dalam kerjanya, kejujurannya, dedikasinya, kemanusiaannya dan akauntabilitinya.

Sebagai ahli politik, beliau diketahui sebagai seorang *strategist* yang pintar dan licin. Tangannya tidak terlihat dalam krisis atau dalam tindakan yang bersifat kontroversi.

Sebagai pentadbir, beliau adalah seorang yang dinamik dan profesional.

Sebagai Pengarah MAGERAN dalam kecemasan 13 Mei, Abdul Razak menyatakan kepada pengawal peribadinya, "ketika rakyat menghadapi tekanan, Perkhidmatan Awam perlu memainkan peranan lebih besar untuk menunjukkan setinggi-tinggi sikap tidak memihak, integriti, kesetiaan dan disiplin dan menjalankan tanggung-jawab dengan penuh dedikasi dan cekap."


Ramai pegawai kerajaan yang mengenang era Abdul Razak sebagai "Tahun-tahun Keemasan" bagi mereka.

Dua minggu selepas Abdul Razak meninggal dunia, bekas Setiausaha Sulitnya Shafee Yahya yang telah berpindah ke Majlis Keselamatan Negara menerima sehelai baju yang diberitahu oleh penyampainya dikirim dan dibeli oleh Abdul Razak di London.

Shafee terharu dan menitiskan air mata.

---

1. Anekdot ini adalah hasil dari pertemuan dengan Tan Sri Aziz Abdul Rahman (Pengarah Urusan MAS dari tahun 1982 hingga 1991), Datuk Seri Anwar Ibrahim, Datuk Michael Chen, Zain Hassan (bekas Penolong Pegawai Daerah Baling) dan rakan-rakan karib Abdul Razak.
2. *Faces In The Corridors of Power* oleh Rais Yatim. Pelanduk Publication, Petaling Jaya, 1987.



Mendengar



Memikir

Sekalipun beliau seorang yang lemah lembut, perlahan dalam tutur katanya, tetapi ketokohan dan perwatakannya yang serius, pemikirannya yang tajam dan kecepatannya mengenali masalah dan bakat seseorang telah memberikan kekuatan yang tersendiri kepadanya. Kekuatan ini memberi keberkesanan dari segi penyampaian mesej dan arahannya sebagai seorang pegawai kerajaan, ahli politik dan pemimpin negara. Wajah-wajah yang dirakamkan dalam tahun 70-an ini jelas memperlihatkan keperibadiannya dalam memberikan perhatian terhadap pendapat orang lain, memikirkannya, menyenanginya dan mengiakannya.



Tertarik



Bersetuju



"Sebelas tahun dahulu saya, bersama Tunku dan rakan-rakan seperjuangan yang lain, pergi berperang menentang British - bukan dengan menunggang kuda, tetapi belayar di lautan lepas ke London untuk melawan bukan dengan senjata, tetapi dengan menggunakan pen dan rundingan bagi mendapatkan kemerdekaan negara daripada kekuasaan England," kata Abdul Razak pada 23 Mac 1968 di Kuala Lumpur.



Selalunya ketika berucap kepada umum, Abdul Razak meletakkan tangannya di hadapan berpegangan antara satu sama lain dan ucapannya diselang-seli dengan batuk kecil.
Penekanan terhadap mesej yang hendak disampaikannya bukan dengan meninggikan suaranya tetapi dengan kesungguhan yang terjelas dari air mukanya sambil mengangkat-angkat sebelah tangan atau kedua-dua belah tangannya.
Beliau bukanlah seorang pemidato yang berapi-api, tidak pandai berjenaka dalam ucapannya di rapat umum kecuali di majlis-majlis tertentu.
Abdul Razak berucap di suatu perhimpunan Jubli Perak UMNO di Kuala Terengganu.



*Abdul Razak jarang berpisah dari tongkatnya dan tongkat yang paling digemarinya ialah yang kepalanya boleh dibuka untuk didudukinya (*shooting stick*). Menyaksikan raptai perbarisan hari kebangsaan di Kuala Lumpur pada 30 Ogos 1971. Di sebelahnya ialah Jeneral Ibrahim Ismail.*



Dengan topi barunya dan bertongkat, Abdul Razak kelihatan riang sekembalinya dari lawatan ke luar negara di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang dalam tahun 1970.



Bertongkat untuk merasmikan Jalan Kulai ke Kota Tinggi sepanjang 22 batu yang menelan belanja sebanyak RM3.7 juta pada 12 September 1969.

Shooting stick *juga kerap digunakan oleh Abdul Razak untuk meletakkan tangannya menghadapi para pemberita.*
Memberikan sidang akhbar di Lapangan Terbang Tentera Udara Diraja Malaysia Kuala Lumpur sekembalinya dari mesyuarat keselamatan sempadan di Songkla Thailand, pada Oktober 1969.

Abdul Razak melawat bangunan 4 tingkat rumah kedai yang runtuh di Jalan Raja Laut Kuala Lumpur pada 22 Oktober 1968.
Di kanan sekali ialah Jalaluddin Bahauddin, wartawan Bernama dan bekas Pegawai Khas kepada Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad.





Koleksi tongkat Abdul Razak



Diberikan sambutan meriah apabila kembali ke Maktab Melayu Kuala Kangsar sebagai seorang murid tuanya pada 7 Julai 1973 untuk merasmikan Hari Ucapan dan Penyampaian Hadiah maktab itu.
Abdul Razak menuntut di maktab itu dari tahun 1934 hingga 1940.



Persatuan Murid-murid Tua Maktab Melayu Kuala Kangsar meraikan Abdul Razak di Kelab Perdana Kuala Lumpur pada Oktober 1970 kerana pelantikannya menjadi Perdana Menteri Malaysia yang kedua. Beliau riang mendengar jenaka seorang bekas pelajar, Nik Ahmad Kamil bersama dengan lain-lain bekas pelajar maktab itu.



Sejak menjadi Timbalan Perdana Menteri Abdul Razak berusaha merapatkan dirinya dengan semua golongan pelajar-pelajar di dalam dan luar negeri. Abdul Razak sedang beramah mesra dengan wakil-wakil pelajar Institut Teknologi Kebangsaan di Jalan Gurney pada tahun 1973.

S. I. I. College.
Tanjong Malim Pk.
26. 5. 47.

Dear Che' Abdul Razak.

I am very glad to tell you that I am now in Tanjong Malim. I arrived safely yesterday evening at seven o'clock after an intresting journey. The bus in which I was travelling was climbing the hills. About one and half hours after having you at Raub I arrived at the gap. Here was such a lovely place and the air was cool and cloudy. I had hot coffee at the coffee shop to warm up my body.

I arrived at Kuala Kubu at a quarter past six and I took the bus from Kuala Lumpur to Tg. Malim. I met my friends from Kuala Lumpur in the bus.

I am writing to you in English because I am very intrested to learn the language. I hope you will please oblige me by correcting my mistakes.

I am quite well and I hope you are well too.

With my compliments to Che' Rauli

I am
Yours sincerely.
Hasan bin Sulong.

District Office
Raub
3rd June 47.

Dear Che Lye,

Thank you very much for your letter of the 26th May 1947. I am sorry for the delay in replying to it, as I have been away attending Hj's Birthday Celebrations at Pekan.

I am very glad indeed that you are very interested in learning English. I hope you will do your best to pick up this all important language. Your letter was indeed well written, considering that you have only just started to learn the language. I have made a number of corrections but most of the mistakes are mistake of style rather than grammer. You may not understand some of the corrections but it does not matter. You will learn by practice. It appears to me that, when writing this letter, you first thought in Malay and then you translated your idea into English. This is a round-about way of learning the language.

Sejak zaman mudanya hingga menjadi orang penting negara Abdul Razak mengambil berat terhadap rakan-rakannya. Beliau tidak sahaja memberikan kedudukan penting kepada rakan-rakannya yang berkelayakan dan berpotensi malah juga kepada anak-anak mereka.

Pada 26 Mei 1947, seorang rakannya di Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim, Hasan bin Sulong telah menulis surat kepada Abdul Razak dalam bahasa Inggeris dan meminta dibetulkan bahasanya kerana beliau ingin mempelajari bahasa itu.

Abdul Razak membalas surat itu pada 3 Jun 1947 dari Pejabat Daerah Raub dan meminta maaf kerana lewat menjawabnya dan mengembalikan surat itu dengan beberapa pembetulan yang katanya "bukan kesilapan nahu tetapi stailnya".

Dalam menulis surat itu beliau nampak rakannya berfikir dalam bahasa Melayu dan menterjemahkannya ke dalam bahasa Inggeris.


"This is round about way of learning the language," *katanya sambil memberitahu rakannya bahawa bahasa Inggeris akan dapat dikuasai dengan banyak latihan.*



Dalam lawatannya pada tahun 1965 untuk mendapatkan sokongan daripada pemimpin-pemimpin Islam di Timur Tengah ketika Konfrontasi Indonesia, Abdul Razak juga telah menemui pelajar-pelajar Malaysia di Mesir. Di antara mereka itu sekarang telah menjadi ulama dan pemimpin yang terkenal di negara ini. Di kiri Abdul Razak ialah Ahmad Awang, Setiausaha Agung Persekutuan Melayu Mesir (sekarang Presiden Persatuan Ulama Malaysia). Di kanan Abdul Razak ialah Duta Malaysia di Mesir, Tuanku Jaafar ibni Tuanku Abdul Rahman (sekarang Yang di-Pertuan Agong).



Salah seorang pelajar Universiti Al-Azhar pada masa itu, Fadzil Mohd Noor (sekarang Presiden Pas) sedang meminta penjelasan lanjut tentang kesan Konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia.



Di sebalik wajahnya yang serius, Abdul Razak sebenarnya seorang yang suka berjenaka, mengusik dan berhibur dengan berbagai-bagai cerita lucu dengan keluarga dan rakan-rakan rapatnya.

Dalam satu majlis meraikan pengerusi majlis-majlis tempatan yang dikuasai oleh Perikatan di Ibu Pejabat MCA Kuala Lumpur pada 2 Oktober 1962, Abdul Razak membawakan cerita lucu tentang menteri kewangan.

Ketika itu Tan Siew Sin menjadi Menteri Kewangan.

Katanya, walaupun Tan Siew Sin tidak menghisap rokok atau paip tetapi "dia mengingatkan saya kepada sebuah cerita tentang seorang Menteri Kewangan yang sempurna di sebuah negara".

Menurutnya tiga orang menteri yang dalam perjalanan bersama dalam sebuah keretapi hanya mempunyai sebatang mancis.

Seorang menteri hendak menyalakan rokoknya dan seorang lagi menteri hendak membakar paipnya dan yang ketiga seorang Menteri Kewangan mahu menyalakan cerutnya.

Menteri pertama mengeluarkan wang seringgit, menggulungnya, membakarnya dan menyalakan rokoknya.

Menteri yang kedua mengeluarkan wang lima ringgit dan membakarnya dengan mancis yang masih menyala lalu menyalakan paipnya.

Menteri ketiga iaitu Menteri Kewangan, seorang yang lebih cerdik dan lebih banyak pengetahuannya tentang masalah kewangan, mengeluarkan buku ceknya, menulis ribuan ringgit dan membakar cek itu dengan mancis yang masih menyala dan menggunakannya untuk membakar cerutnya.

Cerita ini, kata Abdul Razak, menunjukkan betapa cerdiknya Menteri Kewangan dalam melebihi lain-lain menteri dan Tan Siew Sin tidak terkecuali.

Gambar ini mungkin menggambarkan perwatakan Abdul Razak yang tersembunyi kepada umum.

Di belakangnya ialah salah seorang pengawal keselamatan Sarjan Basri bin Misran.





Menyambut hari jadi yang ke-48 pada tahun 1968, Sebelahnya Mohamed Nazim. Rahah mendukung Mohamed Nizam.



Rakan-rakan mengangkat Abdul Razak untuk memotong kek hari jadinya yang ke-44 di Kelab Perdana, Kuala Lumpur. Hari jadi Abdul Razak pada 11 Mac setiap tahun dirayakan dengan meriahnya di kediamannya di Sri Taman atau di Kelab Perdana

Siapakah yang berani memberikan hadiah hari jadi seumpama ini kepada Abdul Razak selain daripada sahabatnya yang paling rapat, Tunku Abdul Rahman yang suka dengan "jenaka nakal". Des Alwi hanya berani memegangnya dan tangan siapa pula yang terhulur melarang: Jangan! Tan Siew Sin terlalu innocent *untuk memahaminya lebih dahulu. Jika gambar ini dirakamkan pada ketika Tunku telah menarik keluar patung dari bekas ini, maka gambar ini tidak akan dapat disiarkan.*



Abdul Razak membalas kelucuan Tunku Abdul Rahman yang mengucapkan selamat hari jadinya yang ke-47 dengan cara Thai di majlis yang diadakan di Kelab Perdana.




Bersama wartawan di Sri Taman sempena hari jadi ke-44. Wartawan-wartawan ini sering mengikutinya ke seluruh negara. Di kanan sekali ialah wartawan Utusan, Salleh Yusof.
Seorang wartawan yang meliputi suatu peristiwa di Sri Taman ditanya oleh Abdul Razak kenapa tidak makan dan dia menjawab 'saya sudah makan sebelum ke sini'.
'Tak boleh, mesti makan, Ini Toh Puan sendiri yang masak', katanya. Setelah pastikan wartawan ini makan barulah beliau beredar.
*Di kanan Abdul Razak, wartawan dan penyair Prof. Firdaus Abdullah (**berjanggut**) dan Khalid Yunus (**berambut pendek**), sekarang Timbalan Menteri Pelajaran.*
Penulis di barisan kedua nombor satu dari kanan.



Rahah juga ikut serta dalam majlis meraikan para wartawan dan penulis yang diberikan oleh Abdul Razak pada tahun 1973. Di kanan sekali ialah wartawan Straits Times, Azah Aziz isteri kepada Naib Canselor Universiti Malaya, Profesor Ungku Aziz dan nombor dua dari kanan Norlida Saidi seorang juruhebah yang popular di tahun 60-an dan 70-an .





Sejak di bangku sekolah lagi, Abdul Razak adalah seorang ahli sukan yang handal dan meminati semua bidang sukan. Beliau dilaporkan sebagai pemain golf terbaik Asia. Bagaimanapun apabila menjadi pemimpin negara, beliau hanya bermain golf dengan kawan rapatnya. Antaranya ialah Tunku Abdul Rahman.
Abdul Razak adalah juga Pengerusi Majlis Olimpik Malaysia.

Abdul Razak mengusik Dr. Ismail tentang kasut barunya di majlis makan malam di Sri Taman sempena Persidangan Menteri-menteri Luar ASEAN di Kuala Lumpur pada Februari 1973.
*Turut ketawa Adam Malik (Indonesia), Rajaratnam (Singapura) di belakang Razak, Tan Siew Sin (**tengah**) dan Romulo (Filipina) di kanan sekali.*



Begitu senang dengan lukisan dirinya yang dihadiahkan oleh pemerintah Indonesia dalam tahun 70-an.



Ghani Minhat, Raja Bola Sepak negara pada tahun-tahun 70-an yang juga menjadi Kapten Pasukan Pemuda UMNO Malaysia sedang menerima cenderamata dari Abdul Razak sebagai penghargaan terhadap jasanya.



Negara meraikan pemain-pemain badminton negara yang berjaya merampas Piala Thomas dari Indonesia dalam pertandingan Piala Thomas 1967.
Eddy Chong yang terkenal sebagai wira badminton negara dalam permainan perseorangan sedang membantu Abdul Razak minum dari Piala Thomas dengan diperhatikan oleh Sharifah Roziah isteri Tunku Abdul Rahman dan seorang lagi pemain negara, Tan Eik Huang.

Abdul Razak dan isterinya Rahah sangat suka dengan kanak-kanak. Beliau menaburkan gula-gula kepada kanak-kanak selepas merasmikan padang permainan kanak-kanak di Alor Setar Kedah dalam tahun 1972.
Padang permainan ini dinamakan dengan nama Abdul Razak bagi memperingati 25 tahun UMNO.

Rahah menyampaikan derma kepada kanak-kanak ketika melawat Pusat Pemulihan Orang Cacat Cheras pada tahun 1974.



Isteri Abdul Razak, Rahah turut membungkus kuih hari raya pada tahun 1965 untuk perajurit di Sabah dan Sarawak bersama dengan anggota-anggota Kaum Ibu UMNO. Di kanannya ialah Senator Aishah Ghani.



*Fesyen rambut wanita tahun 70-an turut digayakan oleh isteri para pemimpin dan pembesar negara dalam majlis-majlis keraian dan sebagainya. Tidak ketinggalan ialah Rahah (**nombor dua dari kanan**), dan Raja Permaisuri Agung, Tuanku Bahyah (**nombor lima dari kiri**).*

“Hanya sebilangan kecil yang mengetahui bahawa di tahun-tahun akhir kehidupannya, Abdul Razak memaksa dirinya bekerja keras sekalipun prognosis perubatan tidak lagi memberikan harapan kepada masa depannya. Ada kalanya dalam keadaan kesakitan beliau meneruskan kerjanya. Perasaan kesetiaan yang mendalam terhadap negara dan rakyat telah mendorongnya terus bekerja dengan seluruh pengorbanan dan dedikasi.”

Lim Chong Eu
Bekas Ketua Menteri Pulau Pinang



saat-saat akhir

"**H**anya sebilangan kecil yang mengetahui bahawa di tahun-tahun akhir kehidupannya, Abdul Razak memaksa dirinya bekerja keras sekalipun prognosis perubatan tidak lagi memberikan harapan kepada masa depannya. Ada kalanya dalam keadaan kesakitan beliau meneruskan kerjanya. Perasaan kesetiaan yang mendalam terhadap negara dan rakyat telah mendorongnya terus bekerja dengan seluruh pengorbanan dan dedikasi."

Kata-kata yang diucapkan oleh bekas Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr. Lim Chong Eu ketika menerima Anugerah Tun Razak pada 1996 ini adalah tepat kerana ia menggambarkan bagaimana Abdul Razak mengisi sisa-sisa hidupnya.

Beliau telah menyempurnakan tidak kurang daripada 50 acara rasmi dalam tahun 1975–tahun terakhir hidupnya.

Dalam majlis hari jadinya yang ke-53 pada 11 Mac 1975 di Sri Taman, Abdul Razak berjenaka dan bergurau untuk menyembunyikan sakitnya daripada isteri, anak-anak dan para tetamu.

Antara acara yang disempurnakan dalam tahun 1975 ialah merasmikan pembukaan Sekolah Latihan Penerbangan Helikopter TUDM, menghadiri majlis ulang tahun kelima PERNAS, menutup perayaan Jubli Perak Pergerakan Wanita UMNO Malaysia, merasmikan pembukaan Masjid Jamek Kampung Batu, Kuala Lumpur, menyertai perhimpunan menyambut Hari Keputeraan Nabi Muhammad s.a.w di Padang Kelab Selangor, merasmikan penubuhan Gabungan Persatuan Penjaja-penjaja dan Persatuan Peniaga-peniaga Kecil Melayu Malaysia, mengadakan lawatan rasmi ke Britain, Sweden dan Perancis, menghadiri majlis konvokesyen ketiga Universiti Kebangsaan Malaysia, merasmikan Perhimpunan Agung UMNO yang ke-26 dan mengadakan lawatan ke Sumatera Barat serta bertemu dengan Presiden Suharto.

Suatu upacara yang sangat bererti bagi dirinya sendiri ialah pelantikannya sebagai Peguam Bela dan Peguam Cara di Mahkamah Tinggi Persekutuan Tanah Melayu pada 10 Mac 1975 yang disifatkannya sebagai suatu "kepuasan diri".

Abdul Razak telahpun diterima sebagai peguam di London pada tahun 1950 tetapi beliau memutuskan untuk memilih karier politik.

"Setelah berkhidmat dalam politik selama 25 tahun dan mencapai kejayaan, saya mahu diterima sebagai peguam di negara saya sendiri bukan dengan tujuan untuk menjalankan amalan guaman kerana saya berhasrat untuk meneruskan khidmat dalam lapangan politik selagi rakyat memerlukan saya.

"Bagaimanapun saya anggap sebagai suatu penghormatan dan kepuasan diri diterima menjadi peguam di negara ini dan menyertai rakan-rakan sezaman dengan saya dalam keluarga perundangan," katanya.

Abdul Razak menyebut perihal Tunku yang diterima sebagai peguam pada umur 71 tahun telah meramalkan yang hanya beliau (Abdul Razak) akan dapat memecahkan rekodnya dengan diterima sebagai peguam pada umur yang lebih tua.

Tetapi tidak seperti Tunku, kata Abdul Razak "saya memutuskan untuk memasuki lapangan ini sekarang dan tidak di tahun-tahun akan datang kerana saya percaya apa juga penghormatan dan keistimewaan yang dimiliki seseorang,

dia hendaklah menikmatinya ketika masih bertenaga dan berkeupayaan melakukannya."

"Apabila melampaui umur 71 tahun, di sebalik apa juga kekuatan yang cuba ditunjukkan oleh seseorang, tetapi tidak syak lagi keupayaan dan kekuatan untuk menikmati penghormatan dan keistimewaan dan segala kebaikan dalam hidup hanyalah di dalam fikiran sahaja", kata Abdul Razak.

Abdul Razak seperti tahu bahawa masa depannya tidak panjang lagi.




*Sambil berjenaka dan bergurau, Abdul Razak memotong pulut kunyit sempena hari jadinya yang ke-53. Abdul Razak menyedari bahawa hari-harinya semakin pendek tetapi isterinya Rahah dan mereka yang turut merayakan hari jadinya sama sekali tidak menyangka bahawa itulah hari jadinya yang terakhir. Antara yang hadir ialah Senu Abdul Rahman (**dua dari kanan**), Hassan Adli (Pas) (**tiga dari kanan**), Hussein Onn (**kiri sekali**), Ghani Gilong (**sebelahnya**) dan Omar Ong Yoke Lin.*




Sehari sebelum merayakan hari jadinya yang terakhir, Abdul Razak pada 10 Mac 1975 telah dirasmikan menjadi Peguam Bela dan Peguam Cara di Mahkamah Tinggi Persekutuan Tanah Melayu "bukan untuk menjalankan amalan guaman tetapi untuk kepuasan diri," katanya. Abdul Razak menganggap politik sebagai karier abadinya "selagi dikehendaki oleh rakyat".



*Abdul Razak dan isteri bersama dengan Ketua Hakim Negara, Mohammed Suffian selepas pelantikannya menjadi peguam. Di belakang (**kanan sekali**) ialah anak sulungnya, Mohd. Najib.*



Merasmikan penubuhan Fakulti Pergigian Universiti Malaya pada Mei 1975. Beliau disambut oleh Menteri Pelajaran Dr. Mahathir Mohamad dan Naib Canselor UM, Profesor Ungku Aziz.



Merasmikan Perayaan Hari Peladang di Bangunan Parlimen Kuala Lumpur pada Ogos 1975. Di kanan sekali ialah Ahmad Sarji, Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang. Menurut Ahmad Sarji yang menjadi ketua pengarah pertubuhan itu dari 1973 hingga 1979, Abdul Razak pernah memberitahunya supaya menganggap Pertubuhan Peladang sebagai UMNO dan UMNO sebagai Pertubuhan Peladang.





Penolong Setiausaha Negara Amerika, Philip C. Habib, mengunjungi Perdana Menteri, Abdul Razak di pejabatnya di Kuala Lumpur pada 11 Disember 1975 iaitu 35 hari sebelum beliau meninggal dunia. Abdul Razak masih memperlihatkan keriangannya.


Menandatangani buku takziah kemangkatan Al-Malik Faisal di kedutaan Arab Saudi. Raja Arab Saudi itu dibunuh oleh anak saudaranya sendiri, Faisal Ibni Musad Abdul Aziz di Riyadh pada 25 Mac 1975.

Abdul Razak dan isterinya Rahah bersama-sama penjaja dan peniaga kecil Melayu setelah merasmikan penubuhan Gabungan Persatuan Penjaja-penjaja dan Persatuan Peniaga-peniaga Kecil Melayu Malaysia di Hotel Hilton, Kuala Lumpur pada 27 Mac 1975.
Bersongkok menghadapi Abdul Razak (tidak kelihatan wajahnya) ialah presiden gabungan tersebut, Tunku Muhyiddin Sulaiman yang telah memainkan peranan penting dan berani dalam membantu menempatkan penjaja dan peniaga kecil Melayu sekitar Kuala Lumpur selepas peristiwa 13 Mei 1969.
Dalam ucapannya, Abdul Razak mengharapkan agar daripada kalangan penjaja dan peniaga kecil itu suatu masa kelak akan muncul pengusaha-pengusaha restoran, hotel, gedung perniagaan dan sebagainya.
"Kerajaan akan membuat apa sahaja yang perlu bagi menolong orang Melayu dan Bumiputera dalam lapangan perniagaan dan perusahaan akan tetapi mustahaklah bagi orang Melayu sendiri menunjukkan kesediaan mereka hendak menceburkan diri dalam lapangan perniagaan dan perusahaan.
"Kita mesti berani menukar sikap dan menyesuaikan diri kita dalam keadaan iktisad yang baru ini iaitu dalam keadaan monetary economy.
"Kita mesti meninggalkan kampung halaman dan meninggalkan tempat perusahaan kita yang lama yang tidak memberi pendapatan yang sewajarnya kepada kita dan kita mestilah berani memulakan cara kehidupan yang baru yang boleh memberi kita taraf hidup yang sempurna, yang moden dan memberi kita pendapatan yang sewajarnya untuk kita hidup dalam negara yang maju dan bertamadun."

Abdul Razak menyambut ketibaan Omar Ong Yoke Lin dan isteri ke rumah terbuka Hari Raya Haji pada 12 Disember 1975, sebulan sebelum beliau kembali ke rahmatullah. Dari belakang lebih jelas keuzurannya tetapi tidak ramai orang berani bertanya tentang keadaan kesihatannya.

Sekalipun keadaannya semakin uzur tetapi Abdul Razak telah menyempurnakan lawatan terakhirnya ke Sumatera Barat dari 15 hingga 17 November 1975. Setelah tiba di Medan, Abdul Razak dan Presiden Suharto kemudiannya bersama terbang ke Prapat. Ketibaan mereka diberikan sambutan hangat oleh rakyat tempatan. Nampak jelas keuzuran di wajah Abdul Razak.





RTM mengadakan Konsert Perdana Khas untuk Abdul Razak di Wisma Radio sempena hari jadinya yang ke-53 pada 12 Mac 1975. Konsert ini menjadi hadiah abadi yang sangat bererti kerana itulah hari jadinya yang terakhir. Timbalan Menteri Penerangan, Shariff Ahmad dan lain-lain tetamu menyaksikan Abdul Razak meniupkan lilin terakhir kek hari jadinya.



*Abdul Razak dan Hussein Onn dan isteri masing-masing bersama menyaksikan konsert terakhir untuknya. Hubungan Abdul Razak dengan Hussein adalah lebih daripada sahabat. Isteri Hussein, Suhaila (**kanan sekali**) adalah kakak kepada Rahah. Di antara Abdul Razak dan Hussein ialah Menteri Penerangan, Tengku Ahmad Rithauddeen.*

“Hampir setiap institusi pembangunan negara yang berjaya dan kebangkitan menaikkan martabat bangsa sekarang dimulakan oleh lilin yang telah membakar dirinya.”

Pengarang



kembali ke rahmatullah

Sebagai pemimpin utama negara dan sebagai insan biasa, Abdul Razak tentunya mempunyai sebab dari segi kepentingan negara dan peribadi untuk merahsiakan sakitnya. Tetapi mereka yang rapat dengannya percaya tindakan ini lebih didorongkan oleh sifatnya sendiri yang tidak suka menyusahkan orang lain.

Sepatah kata setiausaha sulit khasnya Zain Azraai, "Abdul Razak bimbang orang lain akan bimbang tentang dirinya."[1]

Yang mengetahui Abdul Razak menghidapi leukemia sejak sekian lama hanyalah dua orang doktor iaitu doktor peribadinya, Dr. MacPherson dan Timbalan Perdana Menteri, Dr. Ismail Abdul Rahman. Dr. Ismail menghidap penyakit kanser kerongkong dan sakit jantung.

Abdul Razak dan Dr. Ismail saling menyimpan rahsia sakit masing- masing tetapi mungkin kerana tidak dapat lagi menahan perasaan, suatu hari Abdul Razak menyatakan kebimbangan terhadap keadaan kesihatan Dr. Ismail kepada seorang pegawainya, Thong Yaw Hong. Thong mengesyaki Dr. Ismail juga mengetahui tentang sakit Abdul Razak. Dr. Ismail meninggal dunia lebih dahulu dari Abdul Razak.

Isterinya, Rahah dan anak-anaknya mengetahui Abdul Razak sakit tetapi mereka tidak tahu apakah sakitnya. Maka itu apabila Abdul Razak berlepas ke London untuk "berehat", Rahah tidak menyedari keadaan kesihatan suaminya bertambah serius.

Kenyataan yang dikeluarkan oleh Jabatan Penerangan di Kuala Lumpur menyebut Abdul Razak ke luar negeri untuk "berehat". Tetapi sebenarnya untuk rawatan di London.

Beliau tidak membawa bersama isteri dan anak-anaknya kerana tidak mahu membazirkan wang kerajaan, malah untuk pemergiannya ke London itu beliau mengemukakan surat doktor seperti yang biasa dilakukan oleh kakitangan kerajaan.

"Saya masih ingat dalam bulan Disember tahun 1975, Allahyarham menunjukkan surat doktor menyatakan beliau sakit seperti yang dilakukan oleh kakitangan kerajaan untuk mendapatkan wang bagi menjalani rawatan," kata Zain Azraai.

Rahah berkejar ke London setelah diberitahu bahawa keadaan suaminya bertambah tenat tetapi anak sulungnya, Najib yang sedang belajar di London pulang ke tanah air setelah melihat keadaan ayahnya bertambah baik.

Dua hari sebelum kematiannya, Abdul Razak memberitahu sahabat karibnya Taib Andak. "Yib, jangan beritahu Rahah saya akan mati". Beliau juga menyatakan keinginan untuk melihat Nazir tetapi anak bongsunya itu menerima berita kematian ayahnya ketika bersiap hendak berlepas ke London dari Kuala Lumpur dengan ditemani oleh Helen Chen, isteri Menteri Perumahan dan Perkampungan Baru, Michael Chen.

Abdul Razak pernah dinasihatkan oleh rakan-rakan rapatnya dan juga anggota-

anggota Parlimen supaya bercuti dan berehat kerana keadaannya yang semakin uzur tetapi kepada mereka ini, beliau memberitahu "Bagaimana saya nak berehat, banyak kerja yang belum selesai".

Sekalipun Abdul Razak cuba merahsiakan sakitnya tetapi tidak sahaja orang sekelilingnya malah rakyat mengesyaki beliau sakit berdasarkan kepada gambarnya di akhbar dan televisyen. Tetapi penerusan aktivitinya menyembunyikan hakikat sebenar beliau sedang membilang hari kematiannya.

Walau bagaimanapun, kepada Abdul Razak sendiri, inilah yang memberikan kekuatan kepadanya untuk memenuhi sisa-sisa hidupnya dengan kerja yang belum selesai.

Pada tahun-tahun terakhir hidupnya, Abdul Razak menunjukkan rasa kecewa terhadap sikap bangsanya yang tidak banyak berubah walaupun berbagai-bagai rancangan telah dijalankan oleh kerajaan untuk mereka.

"Apa lagi yang hendak saya buat dengan mereka ini", katanya kepada seorang pegawai tinggi kerajaan.

Abdul Razak dilihat bekerja sehingga ke nafasnya yang terakhir. Maka itu, berita kematiannya di London mengejutkan rakyat di seluruh negara.

Pemangku Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn telah mengumumkan berita kematian itu melalui RTM pada Rabu 14 Januari 1976 jam 10.47 malam.

Dengan suara penuh terharu dan sambil menitiskan air mata, Hussein mengumumkan "Yang Amat Berhormat, Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein, Perdana Menteri Malaysia kita yang dikasihi telah kembali ke rahmatullah pada petang tadi, hari Rabu (14 Januari 1976) bersamaam 11 Muharam di London kira-kira jam 6.30 petang waktu Semenanjung".

"Bagi pihak kerajaan dan keluarga Allahyarham, saya memohon meminta maaf di atas sebarang kesilapan Allahyarham semasa hayatnya.

"Saya memohon kepada saudara-saudara sekalian rakyat supaya berdoa ke hadrat Allah subhanahuwataala agar dicucuri rahmat ke atas roh Allahyarham dan mudah-mudahan dimasukkan Allahyarham ke dalam golongan orang yang salih."

"Kematian Allahyarham ialah disebabkan *acute leukemea* yang menyerang beliau beberapa minggu lalu".

Sebelum dibawa pulang ke tanah air, jenazah Allahyarham dimandi dan dikafankan di Masjid Regent Park, London sebelum dibawa ke Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia untuk istiadat penghormatan.

Ribuan rakyat yang dalam keadaan berkabung menyertai pembesar-pembesar negara menyambut jenazah Allahyarham di Lapangan Terbang Subang Kuala Lumpur yang tiba dengan kapal terbang khas MAS pada jam 5.30 petang Khamis 15 Januari 1976.

Apabila jenazah Allahyarham diletakkan di bangunan Parlimen pada hari Jumaat 16 Januari 1976 dari jam 6 hingga 10.30 pagi, sekali lagi gelombang manusia dalam barisan yang panjang berjalan untuk memberikan penghormatan terakhir kepadanya. Kemudian mereka mengiringi perarakan jenazah itu dari bangunan Parlimen ke Masjid Negara untuk dikebumikan di Makam Pahlawan dengan penuh penghormatan negara.

Pada saat pengebumian ini, rakyat yang tidak lagi dapat membendung perasaan mereka telah merempuh halangan keselamatan, pintu dan sekatan untuk melepaskan pandangan terakhir kepada jenazah Allahyarham.

Wajah-wajah sedih, esak tangis dan sedu-sedan rakyat serta doa kudus mengiringi pemergian seorang patriot bangsa yang amat gigih, yang dalam sihat dan sakitnya bekerja dan bekerja untuk membangunkan bangsa dan mengharumkan negaranya.


Pemergian mengejutnya pada umur 54 tahun menyedarkan rakyat pada kenyataan bahawa rupa-rupanya Abdul Razak sekian lama membakar dirinya sendiri untuk menerangi jalan hidup bangsanya.

Hampir setiap institusi pembangunan negara yang berjaya dan kebangkitan menaikkan martabat bangsa sekarang dimulakan oleh lilin yang telah membakar dirinya.

Perdana Menteri Malaysia Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein dimakamkan di Makam Pahlawan Masjid Negara di sebelah makam sahabat karibnya, Tun Dr. Ismail bin Abdul Rahman pada 16 Januari 1976. AL FATIHAH.

---

1. *Seluruh Hidupnya Untuk Malaysia*, New Straits Times Press, 1976. Zain Azraai yang meninggal dunia pada 7 Disember 1996 bekerja rapat dengan Abdul Razak selama 10 tahun di Kementerian Luar dan 5 tahun kemudian sebagai Setiausaha Sulit Khasnya.





Jenazah Allahyarham Abdul Razak tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang pada jam 5.30 petang 15 Januari 1976 dan sedang menunggu untuk diturunkan.



Hussein Onn dan Sultan Pahang yang begitu rapat dengan Abdul Razak berpelukan antara satu sama lain untuk menahan kepiluan ketika jenazah Allahyarham tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang. Hussein Onn adalah ipar kepada Abdul Razak dan Tuanku Ahmad Shah adalah kawan rapatnya sejak kecil.

*Jenazah Allahyarham Perdana Menteri Malaysia, Abdul Razak yang meninggal dunia di London pada 14 Januari 1976 telah dimandi dan disembahyangkan di Masjid East London. Jenazah itu diusung keluar dari masjid dengan diiringi oleh Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Britain, Abdullah Ali (**di kanan sekali**) untuk dibawa ke pejabatnya sebelum diterbangkan ke Malaysia.*

Pegawai-pegawai dari semua cawangan tentera mengusung keranda jenazah Allahyarham Abdul Razak yang diturunkan dari kapal terbang untuk dimasukkan ke kereta dan dibawa ke Sri Taman. Ribuan manusia yang terkejut dengan kematian ini secara spontan telah membanjiri Lapangan Terbang Antarabangsa Subang untuk turut menyambut kepulangan jenazahnya.



Najib dan Nazir sedih tetapi tenang menyambut kepulangan jenazah ayah dari London.

Menteri Besar Selangor, Harun Idris yang berkrisis dengan Abdul Razak adalah antara mereka yang turut menziarahi jenazah Allahyarham di Sri Taman sebelum dibawa ke Bangunan Parlimen. Harun ketika itu menghadapi beberapa tuduhan di bawah Akta Mencegah Rasuah selepas menolak tawaran Abdul Razak supaya menjadi wakil Malaysia ke Bangsa-Bangsa Bersatu.




*Jenazah Allahyarham yang diberikan penghormatan negara diletakkan di Bangunan Parlimen untuk penghormatan terakhir oleh pembesar-pembesar negara dan rakyat. Turut memberikan penghormatan terakhir ialah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang keenam, Tuanku Yahya Petra ibni Almarhum Sultan Ibrahim dan Raja Permaisuri Agong, Timbalan Perdana Menteri Hussein Onn, Mohd Khir Johari dan Menteri Pelajaran Dr. Mahathir Mohamad (**di kiri sekali**).*

Pada pagi hening 16 Januari 1976, ketika kabus masih menyelubungi Kuala Lumpur, puluhan ribu rakyat dari pelbagai kaum telah berbaris berbatu-batu panjang untuk sampai ke Bangunan Parlimen bagi memberikan penghormatan terakhir kepada seorang pemimpin yang amat dekat di hati mereka.

Perjalanan terakhir jenazah Allahyarham Abdul Razak melalui bangunan Sultan Abdul Samad dan barisan rakyat yang dalam wajah muram dan pilu di sepanjang jalan menuju ke Makam Pahlawan di Masjid Negara.



Balu Abdul Razak, Rahah dan anak-anaknya ketika talkin dibacakan di Makam Pahlawan Masjid Negara.



Walaupun keluarganya sendiri tenang menghadapi pemergiannya, tetapi ramai orang yang tidak lagi dapat menahan perasaan mereka atas kehilangan seorang pemimpin yang mereka rasakan telah menyelamatkan mereka pada saat-saat negara berada di puncak kehilangan kepercayaan diri dan identiti. Seorang yang dalam kesedihan, cuba untuk menahan tangisannya dengan dibimbing oleh seorang rakannya yang juga dalam keharuan.

Orang ramai mencuba dari segala sudut untuk melepaskan pandangan terakhir kepada jenazah Allahyarham Abdul Razak ketika tiba di Masjid Negara.





Seorang wanita pengsan dan diberikan pertolongan cemas di upacara pengebumian Allahyarham Abdul Razak.



Mereka bukan keluarga Abdul Razak, tetapi tiba-tiba pada hari pemergian abadinya, mereka merasakan terlalu dekat dengannya dan tidak lagi dapat mengawal perasaan atas kehilangannya.

Mereka yang datang dari jauh dari seluruh pelosok negara dan tidak berpeluang untuk melepaskan pandangan terakhir kepada jenazah Allahyarham Abdul Razak merasa amat kecewa. Wajah-wajah mereka membayangkan keharuan dan kesedihan.



Rahah sedang menjiruskan
air mawar ke atas tanah kuburan suaminya.

Jenazah Allahyarham Abdul Razak selamat disemadikan di Makam Pahlawan Masjid Negara pada 16 Januari 1976. Talkin dibacakan dan berakhirlah sebuah kehidupan yang penuh bererti. Sabda Nabi mafhumnya:
"Apabila meninggal seorang anak Adam, maka terputuslah segala amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan anak yang soleh yang mendoakan kedua ibu bapanya."



Memorial Tun Abdul Razak untuk mengabadikan segala jasa dan baktinya bagi kenangan sepanjang zaman telah dirasmikan oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 5 Mei 1982 di Sri Taman, Kuala Lumpur. Antara yang hadir di upacara ini ialah bekas Perdana Menteri pertama Malaysia, Tunku Abdul Rahman, bekas Perdana Menteri ketiga, Tun Hussein Onn, Tun Rahah dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam.

Terdahulu itu, lima minggu selepas kematian Tun Abdul Razak, pada Februari 1976, sebuah yayasan untuk mengenang Tun Abdul Razak telah dilancarkan oleh Tengku Razaleigh Hamzah di satu upacara yang dianjurkan oleh The New Straits Times.

Oleh kerana ada pihak-pihak lain yang mencadangkan institusi yang serupa, akhirnya kerajaan telah mengambil inisiatif menubuhkan Yayasan Tun Razak. Satu rang undang-undang mengenainya diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam bulan Julai 1976 dan diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 28 Oktober 1976.

Umpama Dian

Rencana dalam bahasa Inggeris ini telah tersiar dalam akhbar *New Straits Times* pada 20 Januari 1976 iaitu seminggu selepas kematian Tun Abdul Razak. Penulisnya yang menggunakan nama pena "A Colleague" telah dikenal pasti ialah Dr. Mahathir Mohamad, ketika itu Menteri Pelajaran. Terjemahan rencana ini di halaman berikut.

The Selfless Man

Tun Razak was a faithful Muslim and knowledge of the more rapid approach of his own death was received with the equanimity and fortitude of the truly faithful. He did not turn away from his fellow men nor seek to spend his remaining years to ensuring a place in afterlife for himself alone.

Selfishness did not overcome him. Instead he redoubled his dedication to service towards others, to his people, his country and most certainly to his religion. This dedication took a heavy toll of his health. But his doctors were never able to deter him from his self-imposed tasks.

He performed the Haj in 1970 again and then threw himself into his work with renewed energy and unshaken faith. In all that he did there was now a note or urgency as the days and months rapidly telescoped in the face of the inevitable. Sometimes tiredness showed through. How often must the thought of approaching death have assailed him. Those to whom the inevitability of death looms large and real know well the fear and helplessness.

It would have been natural to falter, to seek pity and sympathy, to retire and rest the tired mind and body. It would have been easy and justified, for there were laurels to rest on. But never once did he falter. To the solicitous comments of his friends, close aides and even immediate members of his family that he looked unwell, his response was to deny and to dismiss. He was fit, he said, and then invariably the subject was switched to work that had to be done.

Towards the end he was particularly concerned over the economy of the nation. He considered it his personal duty to show a good example. But even as he set about doing this his health deteriorated further.

Advised to seek medical care in Europe his first thought was over the expense. Repeatedly he explained that he couldn't pay and hoped that the Minister of Finance would not mind paying. To justify this unexpected expense he submitted a full medical report to the Minister of Finance.

Finally convalescing in London he chafed over his absence from the country. He wanted to return because he had to preside over the meeting of Mentris Besar in Langkawi, Kedah, and other pressing duties.

And when death was rapidly approaching he prayed for three more months. There was the Third Malaysia Plan to launch and a few loose ends to tie up.

This was the man whom we have lost and mourned. He was not perfect. Like every mortal he had his faults. But there is no man, no leader of his people who was more selfless.

He gave every moment of his life to service to others and heeded not his own needs.

He did this fully aware that his days were numbered.

May Allah have mercy on his soul and place him among the Defenders of the Faith, for his selfless service to his people, his country and to Islam is not only in accordance with the teachings of Islam but is also a measure of his abiding faith in his religion.

For us who still live, the life and death of Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein, Prime Minister of Malaysia, is worthy of the most profound study and contemplation. There is a lesson there that denies that the purpose of life is the pursuit of self-interest and attention to one's own selfish needs, spiritual or otherwise.

Life, the exclusive gift of Allah, must be dedicated to high purpose as if it is eternal, and death treated as if it will come tomorrow.

From Allah he cometh, to Allah he returneth.

– A COLLEAGUE

Orang yang tidak mementingkan diri sendiri

Tun Razak taat pada agama. Apabila diketahui kematiannya semakin hampir, beliau menerimanya dengan penuh ketenangan dan kekuatan hati sebagai seorang yang beriman.

Beliau tidak membelakangkan masyarakat untuk menghabiskan tahun-tahun akhirnya bagi memastikan tempat terbaik buat dirinya sahaja dalam alam selepas kematian.

Sikap mementingkan diri sendiri tidak menguasainya. Sebaliknya, beliau melipatgandakan usaha dedikasinya untuk berkhidmat kepada orang lain, kepada rakyatnya, kepada negaranya, dan sudah tentu kepada agamanya.

Dedikasinya ini memberi kesan yang berat terhadap kesihatannya. Tetapi doktornya tidak dapat menghalang beliau daripada terus melakukan tugas-tugas yang dipaksakan ke atas dirinya sendiri.

Beliau menunaikan haji sekali lagi pada tahun 1970 dan kemudian menumpukan perhatian kepada kerja dengan tenaga baru dan keyakinan yang tidak dapat diganggu gugat. Dalam kerja-kerja yang dilakukannya, kelihatan beliau seperti tergesa-gesa apabila hari dan bulan semakin cepat berlalu menuju keadaan yang tidak dapat dielakkan.

Kadangkala, jelas kelihatan tanda-tanda keletihan. Tentunya beberapa kali terlintas dalam fikirannya terhadap kematian yang semakin menghampirinya. Mereka yang tahu tentang kepastian hampirnya mati akan merasa takut tentang dirinya yang tidak dapat melakukan apa-apa. Dalam keadaan sebegini, mudahlah bagi seseorang hilang keyakinan, dan kemudian mencari rasa belas kasihan daripada orang lain, menagih simpati, bersara dan merehatkan otak dan badan yang keletihan. Perkara sedemikian mudah dilakukan dan ia pula suatu yang dapat diterima oleh sesiapa saja, kerana terdapatnya alasan untuk berbuat demikian. Akan tetapi tidak pernah sekalipun keyakinan beliau goyang. Kepada kata-kata dari kawan-kawannya, pembantu-pembantu rapatnya dan malah anggota keluarga yang terdekat tentang keadaan kesihatannya yang semakin merosot, reaksi beliau adalah dengan menafikan dan mengetepikannya.

Beliau berkata, beliau sihat dan kemudian perkara mengenai kesihatannya dengan sendirinya berpindah kepada soal mengenai kerja dan apa yang perlu dilakukan. Hingga ke akhirnya, beliau secara khusus mengambil berat tentang ekonomi negara. Beliau beranggapan ia adalah tugas peribadinya untuk menunjukkan contoh yang baik. Tetapi dalam melakukan perkara ini, kesihatannya semakin merosot.

Apabila dinasihatkan supaya mendapatkan rawatan perubatan di Eropah, perkara pertama yang difikirkan adalah mengenai perbelanjaannya. Berulang kali, beliau menjelaskan beliau tidak mampu membayar dan berharap Menteri Kewangan tidak keberatan untuk menjelaskannya. Untuk menguatkan lagi alasan perbelanjaan perubatan yang tidak dijangkakan itu, beliau mengemukakan laporan penuh perubatan kepada Menteri Kewangan.

Ketika berehat selepas rawatan di London, beliau resah kerana tidak berada di dalam negeri. Beliau mahu pulang kerana hendak mempengerusikan mesyuarat Menteri-menteri Besar di Langkawi, Kedah, dan tugas-tugas lain yang perlu disegerakan.

Dan apabila kematian semakin hampir, beliau berharap untuk hidup tiga bulan lagi. Ini kerana beliau mahu melancarkan Rancangan Malaysia Ketiga dan beberapa perkara yang perlu diselesaikan.

Kita berkabung kerana kehilangan beliau. Beliau bukan seorang yang sempurna. Seperti lain-lain manusia, beliau mempunyai kesilapan tersendiri. Tetapi tidak ada orang lain, pemimpin lain yang lebih mementingkan orang lain daripada dirinya sendiri. Beliau memberikan setiap detik kehidupannya untuk berkhidmat kepada orang lain dan tidak menghiraukan keperluannya sendiri.

Beliau melakukan perkara ini dengan penuh kesedaran bahawa hari-hari akhirnya semakin hampir.

Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas rohnya dan menempatkannya di kalangan pembela-pembela agama, kerana jasanya yang tidak mengenal kepentingan diri pada rakyatnya, negaranya dan pada agama, dan bukan saja menurut ajaran Islam tetapi juga merupakan ukuran kepercayaannya pada agamanya.

Bagi kita yang masih hidup, kehidupan dan kematian Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein, Perdana Menteri Malaysia adalah suatu yang patut dikaji dengan mendalam dan direnungkan.

Terdapat satu pelajaran di situ yang menolak dakwaan bahawa matlamat kehidupan adalah pengejaran pada kepentingan diri dan menumpukan perhatian pada keperluan peribadi, sama ada kerohanian, atau sebaliknya.

Kehidupan, adalah anugerah Allah yang tidak ternilai harganya, maka berilah dedikasi kita kepada kepentingan yang lebih tinggi seolah-olah ia adalah suatu yang abadi, dan kematian dianggap akan tiba esok.

Dari Allah beliau datang, kepada Allah beliau pergi.

Perjalanan Roh

Ketika aku mengucap
ina lillah wa ina ilaihi rajiun

Kau bukan mati, perdana
tetapi sekadar istirehat

Dari makrifat sebuah zat
dari perjalanan semalam
yang penuh perjuangan

Siapapun bakal kembali
menghadapi Ilahi

Yang tak terduga bila serunya

Ketika air mata gugur berderai

Kami bukan menangisimu pahlawan

Sekadar manifestasi selamat tinggal
menuju ke pengadilan Yang Maha Tunggal

Di makam pahlawan kau terbaring sepi

Berceritalah tentang perjuangan dan
pembangunan

Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui!

Al-Fatihah!

Sabda S
Kuala Lumpur
13 Muharam 1396
15 Januari 1976

Keluarga Tun Abdul Razak dalam tahun 1994.
***Duduk dari kiri**: Nasifuddin bin Mohd. Najib, Datuk Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak, Norashman Razak bin Mohd. Najib, Datin Seri Rosmah Mansor (Isteri Mohd. Najib), Noryana Najwa binti Mohd. Najib, Tun Rahah binti Tan Sri Mohd. Noah, Azlina binti Tan Sri Abdul Aziz (Isteri Mohd. Nazir), Nazreen Zera binti Ahmad Johari, Dr. Noral Zeila binti Junid (Isteri Ahmad Johari), Nazran Zhafri bin Ahmad Johari dan Nazrul Zhasfiran bin Ahmad Johari.*
***Berdiri dari kiri**: Putri Norliza binti Mohd. Najib, Mohd. Nizar bin Mohd. Najib, Mohd. Nizam bin Tun Abdul Razak, Mohd. Nazim bin Tun Abdul Razak, Mohd. Nazir bin Tun Abdul Razak, Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak.*

Anugerah

1. **Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Pangkat Yang Kedua, Brunei, (D.K) Brunei 23 September, 1958.**
2. **Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara (S.M.N.) 31 Ogos, 1959.**
   Dianugerahkan oleh D.Y.M.M. Yang di-Pertuan Agong Pertama dan membawa gelaran Tun. Penganugerahan dilangsungkan pada 7 Januari, 1960 di Istana Negara. Penganugerahan ini adalah mengenangkan jasa bakti dan taat setia beliau kepada baginda dan negara.
3. **Undang-Undang Darjah Kebesaran Mahkota Kelantan Yang Amat Mulia, (S.P.M.K), 18 Julai, 1961.**
   Dianugerahkan oleh D.Y.M.M. Sultan Kelantan sebagai menghargai perkhidmatan cemerlang beliau kepada negeri Kelantan. Ia membawa gelaran "Seri Paduka Yang Kehormat". Penganugerahan diadakan di Istana Balai Besar, Kota Bahru, Kelantan pada 18 Julai, 1961.
4. **Darjah Mahkota Johor Yang Amat Mulia (S.P.M.J) 28 Oktober, 1961.**
   Darjah ini membawa gelaran "Datuk Sri Paduka". Ia dikurniakan di Istana Besar, Johor Bahru, pada 28 Oktober, 1961.
5. **Darjah Kebesaran Sri Paduka Mahkota Selangor (S.P.M.S), 8 Mac, 1965.**
6. **Darjah Yang Mulia Seri Paduka Mahkota Perlis Yang Pertama, (S.P.M.P) 21 September, 1965.**
   Dianugerahkan oleh D.Y.M.M. Raja Perlis sebagai menghargai taat setia dan khidmat cemerlang beliau kepada baginda dan negara. Ia membawa gelaran 'Seri Paduka Mahkota Perlis'. Penganugerahan diadakan di Istana Arau, Perlis pada 21 September, 1965.
7. **Sijil penghormatan "Vietnam National Order-Grand Officer", Vietnam, 1 Oktober, 1965.**
8. **Hadiah Ramon Magsaysay, Filipina, 31 Ogos, 1967.**
9. **Darjah Pertama Yang Amat Mulia Kinabalu, (S.P.D.K) 1 Mei, 1971.**
   Dianugerahkan oleh Yang Dipertua Negeri Sabah di Istana Kinabalu pada 1 Mei, 1971 sebagai menghargai perkhidmatan cemerlang beliau kepada negeri Sabah. Ia membawa gelaran "Dato Sri Panglima Darjah Kinabalu".
10. **Darjah Kerabat Sri Indra Mahkota Pahang (S.I.M.P), 29 Mei, 1973.**
11. **Darjah Kebesaran: Darjah Utama Sri Mahkota Negara (D.M.N), 21 Oktober, 1976.**
    Dianugerahkan oleh D.Y.M.M. Yang di-Pertuan Agong Keenam pada 21 Oktober, 1976. Ia diterima oleh Dato' Mohd. Najib bagi pihak bapanya di Istana Negara. Darjah tertinggi ini selalunya dikurniakan kepada Raja-raja tetapi pengurniaannya kepada Abdul Razak adalah kerana mengenangkan jasa-jasa beliau terhadap negara.
12. **Darjah Utama Pangkuan Negeri (Pulau Pinang) (D.U.P.N), 20 Mei, 1977.**
    Dianugerahkan oleh Gabenor Pulau Pinang di Residensi Pulau Pinang. Ia diterima oleh Toh Puan Hajah Rahah bagi pihak Abdul Razak.

Kronologi

1922 — Dilahirkan pada 11 Mac 1922 di Pulau Keladi, Pekan, Pahang.
1928 — Pendidikan awal di Sekolah Umum Langgar, Pekan, Pahang.
1934 — Melanjutkan pelajaran ke Kolej Melayu Kuala Kangsar.
1940 — Dianugerahkan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke Raffles College Singapura.
1947 — Menerima biasiswa untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang undang-undang di Lincoln's Inn, England.
1950 — Dipanggil ke Bar setelah lulus peperiksaan akhir.
1950 — Dipilih sebagai Ketua Pemuda UMNO dan menjadi salah seorang Naib Presiden.
1950 — Dilantik sebagai Orang Kaya Indera Shahbandar (O.K.I.S) menggantikan ayahandanya.
1951 — Dipilih sebagai Timbalan Presiden UMNO. Dalam waktu yang sama dipilih menjadi Pengerusi Tetap Pergerakan Pemuda UMNO.
1951 — Dilantik secara tidak rasmi sebagai Ahli Lembaga Persekutuan.
1952 — Dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang.
1955 — Menang dalam pilihanraya umum pertama di kawasan Semantan.
1955 — Dilantik sebagai Menteri Pelajaran.
1956 — Menjadi ahli dalam rombongan misi kemerdekaan ke London pada bulan Januari.
1957 — Dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan pada bulan September.
1959 — Menjadi Menteri Pembangunan Luar Bandar sebagai tambahan portfolio yang sedia ada.
1967 — Memegang satu lagi portfolio iaitu Menteri Keselamatan Dalam Negeri (kemudiannya dinamakan Menteri Dalam Negeri).
1969 — Dilantik sebagai Pengarah MAGERAN ekoran peristiwa 13 Mei.
1970 — Memegang jawatan Perdana Menteri.
1970 — Memegang jawatan Presiden UMNO.
1974 — Memegang jawatan Pengerusi Barisan Nasional.
1976 — Meninggal dunia di London pada 14 Januari.

SALASILAH ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR (O.K.I.S)

TO' TUAN (KERAING AJI)

TO' PONGKENG

TO' PONDOK

TO' MAS

TO' TONDEK (O.K.I.S. 1)

TO' JENAL (O.K.I.S. 2)

TO' BEDIMAN (O.K.I.S. 3)

TO' EMBONG

JAHIDIN (O.K.I.S. 5)

TO' ISMAIL (O.K.I.S. 4)

TO' HUSAIN (O.K.I.S. 6)

CHE SAWIAH

WAN TEH

ANDAK (TUAN HAKIM)

TO' ALI (O.K.I.S. 7)

AWANG MOHAMMAD TAIB

CHE NGAH

TEH FATIMAH

HUSSEIN (O.K.I.S. 9)

ABDUL RAZAK (O.K.I.S. 10)

RAHAH

MOHD NAJIB (O.K.I.S. 11)

Sumber: Memorial Tun Abdul Razak

Kabinet pada 5 September 1974

1. Tun Razak Hussein	Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri
2. Datuk Hussein Onn	Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan, Menteri Perbadanan Awam
3. Tun Datu Mustapha Harun	Menteri Pertahanan
4. Tan Sri V. Manickavasagam	Menteri Perhubungan
5. Datuk Lee San Choon	Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat
6. Tan Sri Ghazali Shafie	Menteri Dalam Negeri
7. Abdul Ghafar Baba	Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar
8. Datuk Mohd. Asri Muda	Menteri Tugas-Tugas Khas
9. Datuk Hamzah Abu Samah	Menteri Perdagangan dan Perindustrian
10. Datuk Abdul Ghani Gilong	Menteri Pengangkutan dan Kerja Raya
11. Tan Sri Lee Siok Yew	Menteri Kesihatan
12. Datuk Ong Kee Hui	Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar
13. Datuk Musa Hitam	Menteri Perusahaan Utama
14. Mohammad Yaakob	Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan
15. Tengku Ahmad Rithaudeen	Menteri Penerangan dan Tugas- Tugas Khas
16. Datuk Ali Ahmad	Kebudayaan, Belia Dan Sukan
17. Datuk Taib Mahmud	Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi
18. Michael Chen	Menteri Bagi Kampung- Kampung Baharu dan Perumahan
19. Aishah Ghani	Menteri Kebajikan Am
20. Dr. Mahathir Mohammad	Menteri Pelajaran
21. Mohd. Khir Johari	Menteri-Duta

1. Dr. Sulaiman Daud	Timbalan Menteri Tanah dan Galian
2. Shariff Ahmad	Timbalan Menteri Penerangan
3. Datuk Abdul Samad Idris	Timbalan Menteri Dalam Negeri
4. Datuk Wan Kadir Ismail	Timbalan Menteri Perhubungan
5. Mokhtar Hashim	Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar
6. Datuk Mustapha Jabar	Timbalan Menteri Pertanian dan Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar
7. Datuk Sri Kamaruddin Mat Isa	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri
8. Datuk Abdullah Ahmad	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri
9. Richard Ho	Timbalan Menteri Pengangkutan dan Kerja Raya
10. Datuk Athi Nahappan	Timbalan Menteri Undang- Undang
11. Abu Bakar Umar	Timbalan Menteri Kesihatan
12. Hassan Adli	Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat
13. Tan Sri Chong Hon Yan	Timbalan Menteri Kewangan
14. Chan Siang Sun	Timbalan Menteri Pelajaran
15. Paul Leong Khee Seong	Timbalan Menteri Perusahaan Utama

Indeks

Abdullah Samsudin *87*
Abu Bakar Riayadin Al-Mutasin Shah *11*
Adam Malik *31*
Ahmad Johari *56*
Ainuddin Wahid *39*
Ali Moertopo *31*
ASEAN *43*
Awang Mohd. Taib *5*
Bapa Kemerdekaan *114*
Bapa Pembangunan *114*
Benny Moerdani *29*
Bilik Gerakan *21*
Buku Merah *21, 87*
Dasar Ekonomi Baru *3, 37, 41, 216*
Dasar Pelajaran Kebangsaan *114*
Datuk Panglima Bukit Gantang *17*
Des Alwi *29*
Elizabeth Chen *57*
Felcra *87, 115*
Felda *87, 115*
Gabungan Persatuan Penjaja-penjaja *278*
Gegaran Masa *9*
Gerakan Bumi Hijau *87*
Gerakan Maju *87*
Gerakan Pembaharuan *87*
Ghazali Shafie *9, 11*
H. R. Carey *7*
H. S. Lee (MCA) *17*
Hamzah Abu Samah *5, 56, 251*
Harun Idris *41*
Hussein bin Mohd. Taib *3, 3*
Hussein Onn *13, 51*
Ismail bin Abdul Rahman *17*
ITM *115*
Japanese Malay Resistance Movement *11*
Jaya diri *87*
Kesatuan Melayu United Kingdom (KMUK) *11*
Koa Kunrensjo *9*
Laksamana Syaaf *29*
Lim Chong Eu *278*
London School of Economics *13*
MAGERAN *3, 37, 251*
Majlis Perundingan Negara *35*
Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) *3*
Maktab Teknik Kuala Lumpur *39*
Malaysian Malaysia *31, 33*
MARA *115*
MAS *115*
MacPherson *49*
Michael Chen *35, 57, 87, 250*
Mohamed Nazim *56*
Mohamed Nazir *56*
Mohamed Nizam *56*
Mohd. Amir bin Haji Yaakub *49*
Mohd. Najib *56*
Muhammad bin Jusoh *5*
OIC *216*
Orang Kaya Indera Shahbandar (OKIS) *13*
Parti Progresif Rakyat (PPP) *45*
Peniaga-peniaga Kecil Melayu Malaysia *278*
PERNAS *115, 278*
Petronas *115*
Pusat Belia Dusun Tua *39*
Raffles College *9, 11*
Rais Yatim *250*
Sanusi Junid *51*
Sardon Jubir *9*
Shafee Yahya *251*
Suruhanjaya Cobold *25*
Taib Andak *13, 53*
Teh Fatimah binti Daud *3, 5*
Thong Yaw Hong *21, 33, 87, 292*
Tuanku Jaafar ibni Tuanku Abdul Rahman *3*
Tunku Abdul Rahman *13, 251*
Tunku Sulaiman *41*
UDA *115*
UKM *115*
Ungku Aziz *9*
Universiti Kebangsaan Malaysia *41*
Utusan Melayu *19*
Wataniah *11*
Yeop Mahidin *11*
Zain Azraai *292*
Zain Hassan *251*

Menjunjung Budi


Saya rasa amat terhutang budi kepada mereka yang secara sukarela memberikan sumbangan gambar, dokumen dan bahan-bahan lainnya bagi menjayakan penerbitan buku ini.


Saya tujukan penghargaan tertinggi kepada Jabatan Penerangan Malaysia khususnya Ketua Pengarah Penerangan, Encik Abbas Salleh dan Ketua Bahagian Pengeluaran Visual, Encik Ahmad Hassan serta pegawai dan kakitangannya; Ketua Perpustakaan Foto, Puan Hajah Musalmah bt. Muiz dan Encik Mohd Yasin bin Sunyip.

Sebahagian besar gambar yang menghiasi buku ini adalah dari Jabatan Penerangan Malaysia yang mempunyai perpustakaan foto paling lengkap, kemas dan teratur.

Terima kasih tidak terhingga kepada Arkib Negara khususnya pegawai dan kakitangan Memorial Tun Razak, Puan Norzahriah bt Md Razally, Cik Azizah bt Sidik dan Encik Saladin Merican Nordin; Utusan Melayu (Malaysia) Berhad, khususnya Eksekutif Perpustakaan, Puan Maimunah Rashid dan Eksekutif Harta, Kapten Othman Abd. Hamid;

The New Straits Time Press (Malaysia) Berhad (NST) khususnya Encik P.C. Shivadas, Pengurus Besar Kumpulan Penyelidikan dan Komunikasi Korporat (bersara), Puan Cecilia Tan, Puan Ramjan Hamzah dan individu-individu berikut: Tun Rahman Yakub, Tan Sri Thong Yaw Hong, Lt. Jen (B) Datuk Abdullah Samsuddin, Duta Datuk Abdullah bin Ali, Dato' Zakaria Ahmad, Haji Idris bin Shaari, Haji Alang Ahmad Haji Teh dan Abdul Halim Pekan bin Iskin.





Tun Razak: Jejak Bertapak Seorang Patriot adalah sebuah biografi bergambar yang memaparkan keseluruhan hidup Perdana Menteri Malaysia Kedua, Tun Abdul Razak Hussein. Gambar-gambar dari pelbagai sumber dihimpunkan dan diatur sebegitu rupa bagi mengabadikan sumbangan Tun kepada bangsa, agama dan negara. Antaranya adalah gambar-gambar eksklusif yang belum pernah tersiar di mana-mana media. Selain itu, tulisan di dalam buku ini juga mengandungi fakta yang buat pertama kali diterbitkan.

Melalui gambar-gambar ini, penulis mengisahkan keseluruhan hidup Tun Abdul Razak, daripada zaman kecilnya, remaja hinggalah ia menceburi bidang politik yang akhirnya memberi kejayaan kepada negara. Tun Abdul Razak bukan sahaja telah berjaya menyelamatkan negara dari angkara perkauman ekoran Tragedi 13 Mei tetapi juga meletakkan asas pembangunan dan kemakmuran negara melalui Dasar Ekonomi Baru. Jasa-jasanya itu merupakan jejak seorang patriot.

Buku ini terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama menceritakan keseluruhan hidup Tun Abdul Razak dengan gambar-gambar lama sebelum negara mencapai kemerdekaan. Bahagian kedua mengandungi bab-bab meliputi episod-episod kehidupan Tun Abdul Razak seperti keluarga, perjuangan, kerjaya dan menghadapi cabaran-cabaran negara dalam zaman Konfrontasi dan MAGERAN. Turut dipaparkan ialah saat-saat terakhir sebelum dan selepas beliau kembali ke rahmatullah.

TUN RAZAK

Jejak Bertapak Seorang Patriot



MPH
RM195.00